UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

PERANAN WATAK UTAMA DALAM CERPEN R.KARTHIGESU

ANUSHEA VENI A/P VELOOSAMY

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

PERANAN WATAK UTAMA DALAM CERPEN R. KARTHIGESU

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti watak utama, menganalisis nilai kemanusiaan dalam watak utama cerpen R. Karthigesu serta meneliti peranan watak utama sebagai teladan kepada pembaca dan masyarakat secara amnya. Kumpulan cerpen *Innoru tatavai, Uci ilai maram* dan *Nir mel eluttu* yang dikarang oleh R. Karthigesu sebagai korpus kajian ini. Kajian ini bersifat kualitatif yang menggunakan kaedah kepustakaan. Teori moral telah diaplikasikan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat tiga belas watak utama yang tertumpu kepada sembilan aspek iaitu anak, kakak, remaja, wanita, ibu, bapa, suami, guru dan warga tua. Di samping itu, terdapat sembilan nilai kemanusiaan iaitu bertanggungjawab, kerajinan, kesabaran, pengorbanan, keyakinan diri, kepimpinan, hormat menghormati, kasih sayang dan keadilan. Secara keseluruhan, kajian ini dapat memberikan impak positif yang ditonjolkan melalui watak utama dalam cerpen R.Karthigesu untuk dijadikan teladan kepada generasi muda masa kini. Kajian ini, dapat memberi satu panduan untuk generasi muda dalam memperbaiki kehidupan mereka serta menggalakkan mereka supaya lebih berani dan berkeyakinan dalam menempuh liku-liku kehidupan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

THE ROLE OF THE MAIN CHARACTERS IN SHORT STORIES WRITTEN BY R. KARTHIGESU

ABSTRACT

This is a research on "The role of the main characters in the short stories written by R. Karthigesu". This study aims to identify the main character, analyzing them and researching the main character's role as an example to readers and community in general. R.Karthigesu short story collection that will be studied are ***innoru tatavai, uci ilai maram*** and ***nir mel eluttu*** which contains thirteen short stories. Qualitative methods of research literature and moral theory were used to study these short story collection. The result shows that there are thirteen main characters and seen in nine specific aspects in form of children, teens, sister, female, father, mother, husband, teacher and the elderly. In addition, this study also focused on nine human values of responsibility, diligence, patience, sacrifice, self-confidence, leadership, respect, compassion and justice. All of humanity is linked to the moral theory. The positive impact through key characters in the short stories written by R.Karthigesu can be an example to the younger generations. With this, the researchers hope that this study will contribute to younger generations in improving their lives and encourage them to be bold and confident in facing the vagaries of life.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

KANDUNGAN

		Muka Surat
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		x
SENARAI RAJAH		xi
TRANSLITERASI		xii
BAB 1	**PENGENALAN**	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Permasalahan Kajian	8
1.4	Objektif kajian	10
1.5	Soalan Kajian	11
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Batasan Kajian	13
1.8	Sumber Kajian	17
1.9	Definisi Operasional	18
1.9.1	Cerpen	18
1.9.2	Watak	21
1.9.3	Nilai	23

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

1.10 Kesimpulan 26

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan 28

2.2 Kajian-kajian terdahulu 29

2.3 Kesimpulan 42

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan 44

3.2 Reka bentuk Kajian 45

3.3 Kerangka Kajian 46

3.4 Kaedah Kajian 48

3.4.1 Kaedah Kepustakaan 48

3.4.2 Kaedah Analisis Teks 50

3.5 Kaedah Pengumpulan Data 50

3.5.1 Penelitian Data 51

3.5.2 Menganalisis Data 51

3.5.3 Mengenal pasti Data 51

3.6 Kerangka Teori 52

3.7 Teori Moral 54

3.8 Kesimpulan 59

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 60

4.2 Watak Utama Dalam Cerpen R.Karthigesu 61

4.2.1 Guru Sebagai Watak Utama 61

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2.2 Anak Sebagai Watak Utama 64
4.2.3 Bapa Sebagai Watak Utama 66
4.2.4 Kakak Sebagai Watak Utama 67
4.2.5 Remaja Sebagai Watak Utama 69
4.2.6 Ibu Sebagai Watak Utama 70
4.2.7 Warga Tua Sebagai Watak Utama 71
4.2.8 Suami Sebagai Watak Utama 74
4.2.9 Wanita Sebagai Watak Utama 75
4.3 Nilai Kemanusiaan Dalam Watak Utama 76
4.3.1 Nilai Tanggungjawab 76
4.3.2 Nilai Hormat Menghormati 87
4.3.3 Nilai Kasih Sayang 94
4.3.4 Nilai Keadilan 98
4.3.5 Nilai Kesabaran 102
4.3.6 Nilai Pengorbanan 106
4.3.7 Nilai Kepimpinan 112
4.3.8 Nilai Kerajinan 114
4.3.9 Nilai Keyakinan Diri 119
4.4 Peranan Watak Utama Dalam Cerpen R.Karthigesu 120
4.4.1 Peranan Guru Sebagai Teladan 120
4.4.2 Peranan Anak Sebagai Teladan 129
4.4.3 Peranan Bapa Sebagai Teladan 134
4.4.4 Peranan Kakak Sebagai Teladan 137
4.4.5 Peranan Remaja Sebagai Teladan 140
4.4.6 Peranan Ibu Sebagai Teladan 144
4.4.7 Peranan Warga Tua Sebagai Teladan 147

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.4.8 Peranan Suami Sebagai Teladan 151
4.4.9 Peranan Wanita Sebagai Teladan 155
4.5 Kesimpulan 158

BAB 5 RUMUSAN 160
5.1 Pengenalan 160
5.2 Watak Utama Dalam Cerpen R.Karthigesu 161
5.3 Nilai Kemanusiaan Dalam Cerpen R.Karthigesu 162
5.4 Peranan Watak Utama Dalam Cerpen R.Karthigesu 164
5.3 Cadangan Kajian Lanjutan 168
5.4 Kesimpulan 169
RUJUKAN 170

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

SENARAI JADUAL

No.Jadual		Muka Surat
Jadual 1.1	Senarai cerpen dalam kumpulan karya R. Karthigesu	14
Jadual 1.2	Senarai cerpen yang dipilih untuk kajian	17
Jadual 4.1	Peratusan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Penduduk Malaysia 1991-2010	72
Jadual 4.2	Pengurusan Tempat Tinggal Individu Berumur 60 Tahun Dan Ke Atas Di Malaysia.	72
Jadual 5.1	Watak Utama Dalam Cerpen R.Karthigesu	162
Jadual 5.2	Nilai Kemanusiaan Yang Dimiliki Oleh Watak Utama	163

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

SENARAI RAJAH

No.Rajah		Muka Surat
Rajah 3.1	Kerangka Kajian	47
Rajah 3.2	Kerangka Teori	53
Rajah 3.3	Teori Klasik Kesusasteraan	56

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

TRANSLITERASI

Penggunaaan transkripsi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui transliterasi bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

உயிரெழுத்துக்கள்/ Huruf-huruf Vokal

அ - a	ஈ - ī	எ - e	ஒ - o
ஆ - ā	உ - u	ஏ - ē	ஓ - ō
இ - i	ஊ - ū	ஐ - ai	ஔ - au

மெய்யெழுத்துக்கள்/ Huruf-huruf Konsonen

க் - k	ங் - ṅ	ய் - y	ன் - ṉ
ச் - c	ஞ் - ñ	ர் - r	ற் - ṟ
ட் - ṭ	ண் - ṇ	ல் - l	ள் - ḷ
த் - t	ந் - n	வ் - v	ஃ - ḵ
ப் - p	ம் - m	ழ் - ḻ	

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Karya sastera tidak lagi wujud sebagai fenomena ekspresi semata-mata. Dua entiti yang saling diperlukan ialah sastera dan pembangunan masyarakat. Penggunaan sastera dalam tradisi keilmuan masyarakat telah lama wujud. Pertembungan budaya yang bertapak menerusi penjajahan, perdagangan dan penghijrahan juga mewarnai karya sastera tempatan. Sastera bukan sahaja menyentuh soal estetika malah kerohanian. Ia juga mengaitkan hal-hal kemasyarakatan, ekonomi, budaya, politik dan sebagainya. Terdapat idealisme serta harapan terhadap peranan kesusasteraan terhadap masyarakat yang dicita-citakan. Lantaran itu, terdapat beberapa gelombang perubahan yang sesuai dengan konteks latar dan masyarakat yang telah dilalui dalam sejarah pendidikan sastera (Kartini Anwar, 2008).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Karya sastera mampu membicarakan aspek kehidupan manusia dari sudut politik, moral, falsafah, agama, sosiologi mahupun sejarah. Sastera membuka ruang pengalaman dengan menyediakan pengalaman manusia daripada pelbagai budaya dan pelbagai zaman. Setiap karya sastera boleh menambah pengalaman individu. Kenyataan yang sama turut ditegaskan oleh Hoggart (1968).

Menurut Hoggart (1968), pengajaran ilmu kesusasteraan kepada generasi muda dalam sesebuah negara, tidak harus dipandang rendah dan dianggap sebagai subjek kelas kedua. Hal yang demikian kerana dalam membentuk generasi yang bersifat seimbang, holistik, berminda saintifik dan berjiwa mapan, peranan sastera sebagai pengasuh etik dan nilai tidak mungkin dapat dipinggirkan atau disangkalkan. Beliau sendiri pernah melahirkan kekesalannya kerana menafikan aspek emosi sebelum ini.

> ***"My mind seems to have become a kind of machine for grinding general laws out of large collection of facts … if I had to live my life again, I would have made a rule to read some poetry and listen to some music at least once every week; for perhaps the parts of my brain now atrophied would thus have been kept alive through use. The lose of this taste is a loss of happiness, and may possibly be injurious to the intellect, and more probably to the moral character, by enfeebling the emotional part of our nature"*** (Hoggart, 1968).

Kekesalan Hoggart ini lantaran beliau tidak menyedari bahawa aspek emosi dalaman mempunyai kaitan yang rapat dengan ilmu pengetahuan yang ditawarkan oleh ilmu kesusasteraan. Beliau akhirnya mengakui bahawa karya sastera boleh berfungsi sebagai penyaring kehidupan manusia dan membimbing manusia untuk

membezakan perkara yang baik dengan yang buruk. Selanjutnya ilmu yang diterapkan itu boleh membantu mengawal emosi diri kerana manusia dapat belajar untuk memahami diri sendiri hasil daripada pengalaman orang lain. Dalam segala tindak-tanduk atau perlakuan, manusia dapat melihat hidup ini menerusi perspektif yang seimbang. Justeru secara umumnya, ilmu kesusasteraan banyak membantu mendidik nilai-nilai kemanusiaan dalam diri individu. Memahami akan falsafah ini, kesusasteraan sewajarnya dijadikan sebagai salah mata pelajaran yang mesti diajarkan di peringkat sekolah malahan juga di institusi pengajian tinggi.

Genre cerpen dipilih sebagai bahan kajian kerana ia adalah alat sosial yang mencerminkan masyarakat sesuatu zaman. Ia juga digunakan oleh para cerpenis untuk membaca pemikiran masyarakat. Cerpen sebagai alat yang mencerminkan elemen-elemen pergolakkan serta penentangan yang wujud dalam masyarakat (Othman Puteh, 1988).

Kajian ini menganalisis peranan watak utama dalam cerpen R.Karthigesu. Genre cerpen R.Karthigesu merupakan salah satu agen perubahan yang penting dalam memainkan peranan memastikan generasi pewaris negara perlu diberikan ilmu berkaitan sastera moden seperti cerpen. Watak utama dalam antologi cerpen R.Karthigesu sangat menarik untuk dikaji serta boleh dijadikan sebagai teladan oleh remaja kini. Watak utama dalam karya beliau menggambarkan nilai kemanusiaan yang tinggi. Lantaran itu, hasil karya sastera seharusnya dinikmati dan dihayati oleh setiap generasi. Interaksi antara karya sastera dengan pembaca akan membawa makna kehidupan setelah diadun dengan pengetahuan serta pengalaman sedia ada khalayak sastera. Menyedari betapa besarnya impak positif yang mampu disumbangkan oleh

sastera dalam dunia pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan komponen sastera (komsas) sebagai salah satu elemen yang wajib dipelajari oleh para pelajar dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah. Komsas diyakini dapat membantu hasrat KPM untuk melahirkan warganegara yang berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri dan dapat memberikan sumbangan kepada keharmonian dan kemakmuran keluarga dan negara.

> Matlamat Pendidikan Kesusasteraan Melayu adalah untuk membolehkan pelajar-pelajar menjiwai unsur-unsur dan nilai-nilai murni dari segi kerohanian, keimanan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan, menanam rasa bangga dan cinta akan tanah air dalam satu wawasan kebudayaan yang dihasratkan dan menimbangkan perlakuan dan sahsiah yang berkesan sebagai anggota masyarakat. Pendidikan Kesusasteraan Melayu juga bertujuan menghargai, mencintai dan membanggakan bahasa dan kesusasteraan dengan berfikir secara analitis, kritis dan kreatif dan memupuk perubahan cita rasa sastera (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1992).

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Jesuthas (2010), sastera merupakan suatu unsur yang menunjukkan kisah manusia secara teratur. Genre-genre ini menjadi panduan untuk mencerminkan kebudayaan masyarakat serta menjadi alat memperlihatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat. Oleh hal sedemikian, sastera boleh dijadikan sebagai bahan bukti bagi mewujudkan dokumen-dokumen rasmi yang mengisahkan sejarah sesebuah masyarakat. Para pengkaji antropologi dan sosiologi menitikberatkan bahan sastera sebegini sebagai bukti untuk memaparkan sosiobudaya sesebuah masyarakat. Abad

ke-18 merupakan abad yang penting dalam perkembangan sastera Tamil moden. Novel dan cerpen dari barat mula meresap dalam sastera prosa. Perkara tersebut turut memberi impak dalam kesusasteraan Tamil dengan berubah wajah dari klasik ke moden.

Cerpen dikategorikan sebagai genre sastera. Cerpen ialah genre sastera yang paling popular dalam kesusasteraan moden sejak abad ke-18. Namun, pada abad ke-20 sahaja cerpen Tamil yang berasaskan tatabahasa mula diterbitkan. Cerpen mencerminkan latar belakang sesebuah masyarakat. Ia juga berperanan menggambarkan kehidupan masyarakat dengan menokoh tambah unsur-unsur keindahan alam (Murasu Nedumaran, 1997).

Cerpen ialah sepatah akronim iaitu singkatan dua patah perkataan yang dibentuk daripada kata cerita dan pendek. 'Cer' daripada perkataan 'cerita' manakala 'pen' daripada perkataan 'pendek'. Dalam bahasa Inggeris, karya sastera genre ini dikenali sebagai *short story*. Aspek yang hendak dikaji ialah kriteria, keperluan, acuan, teknik atau kaedah penghasilan sesuatu karya (Jais Sahok, 1999). Unsur yang setara dengannya dikenali sebagai *Citukathai* dalam bahasa Tamil.

Cerpen selalunya berasaskan satu tema utama dan disusuli dengan beberapa persoalan. Cerpen dapat dibaca dalam lingkungan masa tiga puluh minit hingga sejam. Kebiasaanya cerpen lebih ringkas berbanding novel. Perwatakan yang diwujudkan dalam cerpen boleh mewakili seseorang atau lebih. Melalui cerpen, pengarang berpeluang menyampaikan segala unsur yang berkaitan dengan isu-isu persekitaran dan semasa kepada masyarakat. Perkara ini membolehkan pengarang

membincangkan isu-isu dan maklumat tentang masalah sosial, ekonomi mahupun politik. Faktor bahasa yang mudah membolehkan para pembaca dapat menumpukan lebih utama perhatian terhadap cerpen. Penghasilan karya dengan bahasa yang mudah menjadi faktor pembaca gemar membaca cerpen berbanding dengan karya yang lain (Premavathi, 2004).

Sedikit mengenai perkembangan sastera Tamil di Tanah Melayu. Masyarakat India di Malaysia, pada awalnya terdiri daripada ahli perniagaan, duta politik dan ahli falsafah. Mereka tidak berusaha untuk membentuk tamadun di Tanah Melayu disebabkan mereka tidak bermastautin tetap.

Tahap perkembangan bahasa Tamil dalam kalangan masyarakat India bergantung pada hasil penciptaan karya bangsa India. Mereka menggunakan bahasa Tamil sebagai alat pertuturan dan berusaha mengembangkan peradaban serta memajukan kesusasteraan Tamil mengikut peredaran masa (Akilan, 2002).

Cerpen bukan sahaja mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat, malah dengan pengarangnya. Proses kepengarangan penulis berhubung rapat dengan pengalaman beliau dalam masyarakat dan persekitaran. Pengarang juga akan mengolah dengan memberikan pandangan dengan cara tersendiri supaya karya yang dihasilkan akan menjadi lebih menarik dan lebih bermakna.

Hal ini kerana pengarang merupakan anggota masyarakat yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan kehidupan yang berlaku dalam masyarakat. Segala peristiwa yang berlaku pada diri sendiri, keluarga dan masyarakat akan

menjadi idea untuk berkarya. Perhubungan pengarang dengan masyarakat akan berterusan selagi pengarang menjadi salah seorang dari anggota masyarakatnya. Maka jelaslah bahawa seseorang pengarang perlu peka terhadap persekitarannya. Melalui cerpen juga, seseorang pengarang dapat memberikan penyelesaian terhadap pelbagai persoalan hidup yang dihadapai sesuatu masyarakat.

Berbalik kepada pengarang cerpen yang dikaji, R.Karthigesu merupakan salah seorang pengarang yang disegani dikalangan cerpenis Tamil di Malaysia. R.Karthigesu telah memulakan kariernya sebagai pensyarah di Universiti Sains Malaysia pada tahun 1975. Beliau anak bumi negeri Kedah dan mendapat ijazah pertama dalam bidang pengajian India di Universiti Malaya pada tahun 1964. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dalam bidang kewartawanan penyiaran di Universiti Colombia dan memperoleh Ijazah *Master of Science in Journalism* pada tahun 1977 (Ramaiyah, 1998). Seterusnya, beliau memperolehi ijazah kedoktoran dalam komunikasi massa di Universiti Leicester pada tahun 1991.

Beliau menceburi dunia penulisan pada tahun 1952 dengan cerpen pertama yang diterbitkan dalam Majalah *Ma:navar Manimantam* (Ramaiyah, 1998). Dengan permulaan tersebut, beliau menjadi seorang pengarang fiksyen dan pengkritik sastera yang terkenal dalam kesusasteraan Tamil di Malaysia. Sehingga Mac 1995, beliau telah menerbitkan senaskah antologi cerpen, dua naskah novel, lebih daripada 50 naskah cerpen dan artikel dalam majalah-majalah terkemuka. Cerpennya pernah diterjemahkan dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris serta diterbitkan dalam antologi cerpen di Malaysia dan juga di India. Semasa berkhidmat di Radio Malaysia,

beliau juga mengarang dan menerbitkan beberapa drama radio. Beliau pernah menerima beberapa anugerah sastera pingat emas *Tamilavel Ko Carankapani* bagi perkhidmatan cemerlang pada kesusasteraan Tamil di Malaysia dari Persatuan Penulis Tamil Malaysia pada tahun 1987 (Ramaiyah, M. 1998).

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini meneliti tentang pemilihan watak utama dalam cerpen R.Karthigesu. Salah satu unsur yang penting dalam struktur penulisan cerpen ialah watak utama. Watak utama yang baik menjadikan perjalanan cerita lebih menarik untuk dibaca serta menghidupkan realiti cerita tersebut. Selain itu, watak utama turut membantu menyampaikan tema pengarang dengan lebih jelas menerusi perwatakannya. Tidak keterlaluan jika dikatakan cerpenis pada masa kini kurang memberi penekanan terhadap perwatakan watak utama dalam cerpen masing-masing. R. Karthigesu yang menyedari kekurangan cerpen sebegini di dunia sastera telah mengambil langkah untuk mengubahnya. Beliau mengarang karya sastera yang berpotensi memaparkan nilai kemanusiaan melalui watak utama. Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen beliau secara tidak langsung menunjukkan interaksi manusia dalam masyarakat.

Malaysia masih sebuah negara membangun. Perubahan-perubahan besar telah memberi banyak impak positif dari segi ekonomi, pembangunan, perindustrian dan sebagainya. Walaupun negara kita telah mencapai pelbagai kejayaan yang boleh dibanggakan namun tidak keterlaluan jika dikatakan negara kita masih lemah dalam

menangani masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja. Kebelakangan ini, banyak masalah telah melanda negara kita terutamanya masalah yang berkaitan gejala sosial yang melibatkan keruntuhan akhlak remaja. Kebanyakan golongan ini terpengaruh dengan anasir luar terutamanya dari negara-negara Barat. Keadaan ini telah menyebabkan golongan ini terjebak dengan aktiviti yang tidak bermoral. Perbuatan sebegini akan menghancurkan masa hadapan generasi muda negara kita. Dengan ini ternyata bahawa pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan dapat menyokong teras pembentukan individu, terutamanya dari segi pemupukan ilmu, kemahiran dan nilai yang berkaitan dengan aspek intelek dan emosi.

Semua permasalahan yang diutarakan dalam cerpen-cerpen R.Karthigesu menunjukkan pengarang begitu sensitif dengan persoalan kemanusiaan. Hal ini dapat dikaitkan dengan kehidupan masyarakat dan khalayak tempatan. Pada era globalisasi ini, para remaja lebih tertarik ke arah dunia hiburan dan teknologi sehingga kurangnya kesedaran untuk mengaplikasi nilai kemanusiaan dalam kehidupan seharian. Dengan mengkaji nilai kemanusiaan melalui watak utama, pengkaji dapat memberi kesedaran tersebut kepada generasi muda. Oleh itu, pengkaji ingin menegaskan bahawa pemilihan tajuk kajian ini amat sesuai dengan peredaran zaman moden masa kini. Kajian berkaitan watak utama perlu dilakukan terhadap kumpulan cerpen R.Karthigesu agar generasi muda kini mengenali nilai kemanusiaan masyarakat India. Watak utama dalam karya sastera yang terpilih membolehkan seseorang remaja sebagai insan berfikiran rasional dan matang merangkumi kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni dan seterusnya menghargai kehidupan serta nilai kemanusiaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Dalam pada itu, nilai kemanusiaan yang ditonjolkan melalui watak utama dalam kumpulan cerpen R.Karthigesu juga mempunyai persamaan dengan nilai-nilai dan adat ketimuran orang India. Kajian tentang nilai kemanusiaan melalui watak utama amat sesuai untuk dikaji kerana generasi muda kini kurang memahami nilai-nilai dan adat ketimuran orang India. Hal yang sedemikian kerana seruan untuk menanam nilai kemanusiaan dalam kalangan generasi muda dapat dipenuhi dengan membaca cerpen-cerpen R.Karthigesu.

Generasi muda mahupun masyarakat tidak menghayati nilai-nilai murni seperti kerajinan, kasih sayang, keadilan, kerajinan, keyakinan diri, kepimpinan, pengorbanan, hormat menghormati dan banyak lagi dalam kehidupan seharian. Bagi mengatasi kekangan ini, cerpenis mengarang pelbagai cerpen yang berdasarkan kepada nilai-nilai kemanusiaan tersebut. Kesemua nilai yang digambarkan melalui watak utama dipercayai dapat memberikan penghayatan yang lebih menyeluruh. Oleh itu, pengkaji berhasrat untuk menjalankan satu penyelidikan dan kajian secara khusus serta mendalam terhadap kumpulan cerpen R.Karthigesu.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis cerpen R.Karthigesu secara terperinci dan sejauh manakah kekuatan antologi dalam penerapan nilai kemanusiaan untuk melahirkan generasi muda serta masyarakat yang seimbang dan berkembang secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, sosial, rohani, emosi dan jasmani. Setelah meneliti nilai kemanusiaan watak utama yang terkandung dalam antologi

cerpen R.Karthigesu yang dijadikan subjek kajian ini. Secara lebih jelas lagi, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti watak utama yang menampilkan nilai kemanusiaan dalam cerpen R.Karthigesu.
2. Menganalisis nilai kemanusiaan yang dimiliki oleh watak utama dalam cerpen R.Karthigesu.
3. Membuktikan watak utama berperanan sebagai teladan kepada genarasi muda.

1.5 SOALAN KAJIAN

1. Siapakah watak utama dalam cerpen R. Karthigesu?
2. Apakah nilai kemanusiaan yang dimiliki oleh watak utama dalam cerpen R. Karthigesu?
3. Sejauh manakah watak utama berperanan sebagai teladan kepada generasi muda?

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini diharap dapat mengukur sejauh manakah mesej kemanusiaan yang hendak disampaikan oleh pengarang dapat dieksploitasikan oleh pengkaji. Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai garis panduan kepada penghayatan isi cerpen yang menampilkan nilai kemanusiaan melalui watak utama.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Seterusnya kajian ini juga penting untuk melihat dengan lebih jelas dan menyeluruh watak dan perwatakan watak-watak utama dalam kumpulan cerpen R.Karthigesu. Melalui kajian ke atas watak dan perwatakan watak utama cerpen beliau, kita dapat melihat dan memahami watak dan perwatakan yang ditonjolkan dengan lebih dekat dan jelas lagi. Kita juga boleh melihat sejauh manakah watak utama berperanan dalam mengeratkan dan mengembangkan sesebuah cerpen.

Kajian ini bertujuan mengangkat martabat kumpulan cerpen R.Karthigesu agar mempunyai identiti tersendiri. Penglibatan para pengkaji, sarjana dan pengkritik daripada pelbagai disiplin amat perlu kerana sebelum ini, kumpulan cerpen R.Karthigesu dianggap genre cerpen pinggiran, tidak penting dan terabai. Oleh itu, usaha mengangkat martabat genre cerpen akan menambah minat kepada pengkaji,secara khusus dan pencinta kesusasteraan, secara amnya untuk meneliti dan menganalisis kumpulan cerpen R.Karthigesu.

Selain itu, kajian watak utama dalam kumpulan cerpen dapat memupuk nilai kemanusiaan dalam diri pembaca. Pembaca dapat mempraktikkan nilai-nilai yang dipupuk dalam amalan seharian. Nilai kemanusiaan yang dipraktikkan, secara langsung, akan menjadi panduan dan pedoman dalam menjalani kehidupan. Ianya juga akan memberi kesedaran kepada golongan remaja untuk sentiasa bertingkah laku positif dalam apa jua keadaan.

Hasil kajian ini turut menyumbang dari segi keperluan pendidikan dan pengajaran. Penekanan nilai-nilai kemanusiaan yang diterapkan watak utama boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh pembaca. Penggarapan nilai-nilai kemanusiaan murni

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

ini boleh membantu untuk membina keperibadian yang mulia, budi pekerti yang luhur dan memupuk pemikiran yang matang untuk melahirkan warganegara Malaysia yang mempunyai semangat patriotisme, bertanggungjawab, serta sanggup mempertahankan agama, bangsa dan negara.

Kajian kumpulan cerpen R.Karthigesu juga diharap dapat dijadikan rujukan para siswazah dan bakal pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan yang menampilkan cerpen-cerpen berdasarkan nilai kemanusiaan. Kajian ini juga memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusasteraan untuk mengenali pengarang cerpen Tamil Malaysia dengan lebih dekat lagi.

1.7 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dibataskan dalam tiga kumpulan cerpen sahaja. Rasionalnya kerana pengkaji mendapati perlunya satu kajian terperinci dilakukan dalam kumpulan cerpen R.Karthigesu dari tahun 2001 hingga 2003 untuk mengenal pasti peranan watak utama serta nilai kemanusiaan yang ditonjolkan. Selain itu, pengkaji telah menyesuaikan batasan kajian ini dengan objektif kajian. Kajian terperinci ini dapat membantu pengkaji menganalisis cerpen-cerpen dengan lebih mendalam dan jitu. Kumpulan cerpen tersebut adalah seperti paparan dalam jadual 1.1 berikut.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

Jadual 1.1

Senarai cerpen dalam kumpulan karya R.Karthigesu

CERPEN	TAJUK CERPEN	TAHUN
Innoru tatavai	*Nalaikku*	2001
	Nallavaravatum tiyavaravatum	
	Vellaip punaiyum karuppuk kuttikalum	
	Pakkiyam pirantirukkiral	
	Innoru tatavai	
	Oru cumarana kanavan	
	Kurai ottil or eli kutumpam natattukiratu	
	Manacukkul or amma	
	Tankac cirakukal	
	Ottuppul	
	Akka makal	
	Kolla varum puli	
	Rakatevatai	
Uci ilai maram	*Uci ilai maram*	2003
	Makesvariyin pillai	
	Va risi	
	Entac cami	
	Tirumputal	
	Enakkum appatittan	
	Vantittiya racu	
	Unakkuk kitaittatu	
	Ellap pirappum	
	Muppatu latcam perum	
	Curiyanaik konruvittarkal	
	Puluttulaikal	
	Tikkarru	
Nir mel eluttu	*Akkalum alittalum*	2001
	Malliyum malaiyum	
	En vayirril or eli	
	Amirukku irantu panku ke:k	
	Etirkalam enru onru	
	Nir mel eluttu	
	Man samaittal	
	Unmai arintavar	
	Koncam manitan	
	Maunamay	
	Intak katitattil mukavari illai	
	Oru kataiyin stori	
	Oru nal unavai	
	Cernhtu valalam va	

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Setelah membaca, mengenal pasti dan menganalisis tiga buah kumpulan cerpen R.Karthigesu, pengkaji hanya memilih sebanyak 13 buah cerpen sahaja untuk kajian ini. Cerpen-cerpen tersebut dipilih kerana kaya dengan nilai-nilai kemanusiaan serta bersesuaian dengan tajuk kajian.

Dalam pada itu, cerpen-cerpen ini juga dipilih atas dasar tingkah laku watak dan perwatakan positif mahupun negatif yang akhirnya membawa perubahan atau kesan besar kepada diri sendiri dan keluarga. Cerpen-cerpen yang dipilih bagi kajian ini lebih memaparkan isu-isu yang berlaku di kalangan masyarakat India. Kesemua cerpen ini menjadi indah dan menarik di tangan R.Karthigesu kerana pengarang berupaya dan berjaya memukau serta meninggalkan kesan yang mendalam kepada pembaca. Setiap permasalahan yang dihadapi watak utama turut berjaya diselesaikan dengan daya imaginasi pengarang sendiri.

Pengkaji mendapati bahawa cerpen-cerpen pilihan ini mempunyai penggunaan gaya bahasa yang mudah, menarik dan mudah difahami. Struktur ayat-ayat yang digunakan juga segar dan bertenaga. Cerpen-cerpen ini turut menyentuh pelbagai isu yang berkaitan dengan keluarga, kepimpinan, pendidikan, politik dan disiplin diri.

Selain itu, cerpenis yang dipilih bagi kajian ini merupakan insan yang agak terkenal di Malaysia. Beliau ialah R.Karthigesu. Anak kelahiran Kedah ini mendapat ijazah, B.A. kelas pertama dari Universiti Malaya pada tahun 1964 dalam bidang Pengajian India. Beliau menceburi dalam dunia penulisan pada tahun 1952 dengan cerpen pertamanya yang diterbitkan dalam Majalah *'Manavar Manimandram'* (Ramaiyah.M. 1996). Bermula dari sana, beliau berkembang menjadi seorang penulis

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

fiksyen dan pengkritik sastera yang terkenal dalam alam kesusasteraan bahasa Tamil di Malaysia. Cerpen beliau juga pernah diterjemahkan dalam Bahasa Malaysia serta Bahasa Inggeris dan diterbitkan di dalam antologi cerpen di Malaysia dan India. Beliau turut pernah menerima beberapa penghargaan, contohnya pingat emas '*Tamilavel Ko. Saranggabani'* bagi perkhidmatan cemerlang dalam kesusasteraan Tamil di Malaysia daripada Persatuan Penulis Tamil Se-Malaysia pada tahun 1987. Sebagai penulis terkemuka di Malaysia, beliau pernah diundang oleh Kerajaan Singapura untuk menyertai '*Singapore Writers Week'* (satu acara antarabangsa) pada tahun 1991. R. Karthigesu juga terlibat dalam kerja-kerja perundingan kepada badan-badan luar negara, antaranya *Asian Mass Communication Research and Information Centre* (Singapura), *Arthur D. Little Far East Inc.* (Singapura), *International Organisation of Consumer Union* dan sebagainya. Anugerah akademik yang pernah diterima beliau ialah *Asia Foundation Fellowship and Association of Commonwealth Universities Scholarship.* Bagi menghargai sumbangan dan perkhidmatan yang cemerlang untuk universiti dan negara, Universiti Sains Malaysia telah melantik beliau sebagai Profesor dalam bidang penyiaran pada 8 Januari 1994 (Ramaiyah, 1996).

Penganugerahan yang diterima oleh R.Kartigesu cukup untuk membuktikan sumbangan besar beliau dalam bidang kekusasteraan. Beliau telah mengarang banyak cerpen berdasarkan pengalaman sendiri. Tema yang diutarakan dalam cerpen beliau kebiasaannya mengikut peredaran masa terkini. Perkara ini menjadi kekuatan kepada pengkaji untuk memilih tajuk kajian ini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 1.2

Senarai cerpen yang dipilih untuk kajian

Kumpulan Cerpen	Tajuk Cerpen	Tahun
Innoru tatavai	*Nalaikku* *Nallavaravatum tiyavaravatum* *Vellaip punaiyum karuppuk kuttikalum* *Oru cumarana kanavan* *Tankac cirakukal* *Ottuppul* *Akka makal* *Rakatevatai*	2001
Uci ilai maram	*Uci ilai maram* *Makesvariyin pillai* *Muppatu latcam perum* *Tikkarru*	2003
Nir mel eluttu	*Malliyum malaiyum*	2001

1.8 SUMBER KAJIAN

Kajian ini dihasilkan berdasarkan dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer kajian ini adalah teks-teks cerpen yang dipilih. Penggunaan sumber sekunder pula berdasarkan kepada bahan, artikel, jurnal serta buku-buku dan sebagainya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

1.9 DEFINISI OPERASIONAL

Dalam kajian ini terdapat beberapa perkataan atau istilah yang perlu difahami oleh para pembaca. Bagi memudahkan pembaca, pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsep untuk memahami setiap istilah tersebut. Tajuk kajian ialah "Peranan Watak Utama dalam Cerpen R. Karthigesu". Penghuraian definisi konsep yang digunakan oleh pengkaji adalah untuk memudahkan kajian kepada pernyataan masalah keatas tajuk kajian yang telah dipilih.

i. Cerpen

ii. Watak

iii. Nilai

1.9.1 CERPEN

Cerpen merupakan suatu bentuk seni, perasaan yang mendalam dan mempunyai satu keistimewaan yang tinggi daripada bahan-bahan sastera yang lain. Mana Sikana mengatakan bahawa cerpen yang baik harus mempunyai unsur-unsur sastera. Beliau menyatakan bahawa terdapat dua jenis penyelidikan cerpen iaitu menyelidik cerpen-cerpen tertentu yang ditulis oleh seorang penulis dalam jangka masa tertentu dan mengkaji cerpen-cerpen yang ditulis oleh beberapa penulis di dalam majalah (Mana Sikana, 1997).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Selain itu, cerpen bukanlah sesuatu yang baru. Sebaliknya, bentuk ini adalah lanjutan dan perluasan daripada tradisi cerita dalam puisi tradisional yang sudah menjadi tradisi dalam masyarakat Tamil. Pada asasnya kita boleh perhatikan teknik cerita pendek dalam *Cheyyul* zaman *Sanggam* sastera Tamil. Karya sastera *Kalitthogai* mengandungi unsur-unsur cerita pendek dalam memerihalkan kehidupan luaran yang dinamakan *Putam* (fizikal) dan *Akam* (mental) masyarakat Tamil (Akilan, 2002). Tradisi inilah berubah sehingga membentuk tradisi seni bercerita baru yang dinamakan sebagai cerpen.

Dalam pada itu, cerpen selalunya berteraskan kepada satu tema utama sahaja. Cerpen perlu disasarkan dan dirangka dengan had-had tertentu agar pembaca berpuas hati dengan penerangan yang diberikan. Kejayaan cerpen terletak pada perkembangan penceritaannya. Perkembangan cerita perlu menarik dalam semua aspek agar dapat menjamin kesungguhan pembaca untuk menghabiskan cerpen tersebut. Menurut Pichaimuthu, persembahan seni yang menarik dan sempurna dari semua aspek dianggap sebagai karya yang terunggul (Pichaimuthu, 1998).

Sejarah cerita pendek bermula semasa tradisi penceritaan lisan yang menghasilkan kisah-kisah terkenal seperti *Illiad* dan *Odyssey* karya Homer. Kisah-kisah tersebut disampaikan dalam bentuk puisi yang berirama, dimana irama berperanan untuk menarik minat dan membantu seseorang untuk mengingati cerita tersebut. Cerita yang kurang dari 1000 patah perkataan tergolong dalam genre fiksyen kilat manakala fiksyen yang melampaui batas maksimum parameter cerita pendek digolongkan ke dalam kategori novel.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

Cerpen adalah ragam kesusasteraan kreatif yang dicipta sekadar untuk tujuan bacaan hiburan semata-mata. Cerpen juga mampu mengisi masa lapang seseorang pembaca, namun ia amat bergantung kepada tujuan dan sasaran yang diinginkan oleh pencetusnya (Othman Puteh, 1988).

Dari segi kerumitan, cerpen kurang kompleksnya jika dibandingkan dengan novel. Cerpen kebiasaannya memusatkan perhatian pada satu kejadian, mempunyai plot, jumlah watak yang terhad dan merangkumi jangka waktu yang singkat. Namun demikian, kesudahan sesuatu cerpen biasanya mendadak,terbuka serta mengandungi pesanan moral atau pengajaran. Seperti bentuk seni yang lain, cerpen juga memiliki ciri-ciri unik yang berbeza mengikut pengarangnya. Sesebuah karya akan menarik minat pembaca apabila watak menjadi hidup dan bertindak dengan perasaan yang unik, pemikiran yang bernas dan berciri seperti manusia biasa.

Cerpen ialah prosa fiksyen yang popular pada masa kini. Dalam penyelidikan N.Subramaniam, beliau mengulas bahawa Bernard Bergonzi dalam bukunya *The Situation of the Novel* menyatakan:

> ***"Short story is the most widely read genre today. For all it's popularity and apparent necessity to magazine editors, the short story in it's presentlocation, seems to be unhealthyily limited, both in range of literacy experiences it offers and it's capacity to deepen our understanding of the world, or of one another"*** **(Subramaniam, 1980).**

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Terdapat banyak definisi dan pernyataan berkaitan cerpen telah dikemukakan oleh para sasterawan dan pengkritik sastera. Namun, istilah cerpen yang digunakan

dalam kajian ini ialah seperti yang dikonsepkan oleh Agilan iaitu cerpen dilihat sebagai genre sastera yang bersifat mengetengahkan sesuatu kejadian, sesuatu permasalahan atau menceritakan perwatakan sesuatu karektor dalam cerpen.

Tidak dapat dinafikan cerpen mampu menjadi alat rujukan dan ajaran kepada masyarakat. Cerpen tidak dihasilkan dengan kekosongan tanpa nilai yang berguna kepada manusia semata-mata, sebaliknya nilai kemanusiaan diselitkan sebanyak mungkin untuk membentuk manusia menjadi insan yang berkeperibadian unggul.

1.9.2 WATAK

Watak merupakan teras utama dalam sesebuah cerpen. Watak akan berperanan menghidupkan jalan cerita atau peristiwa yang berlaku sepanjang kisah yang ingin disampaikan pengarang. Wataklah juga yang akan menimbulkan pelbagai peristiwa, kisah dan sebagainya yang akhirnya membawa kepada terjalinnya sebuah cerpen yang menarik. Watak turut akan menonjolkan perwatakan tersendiri. Perwatakan didefinisikan sebagai ciri penting kepada sesuatu watak.

Menurut Lutfi Abas (1937), watak ialah tokoh dalam cerita. Menurut Kamaruddin Hj. Husin (1988) pula, watak itu mungkin manusia atau bukan manusia (dengan sifat-sifat manusia) yang mengambil bahagian dalam sesebuah cerpen. Selalunya, watak-watak ini dicipta untuk mendukung peranan atau diberi fungsi untuk mendukung idea pokok dan mengembangkan idea berkenaan hingga berjaya mencapai matlamat tertentu.

Manakala Othman Kelantan (1985), menghuraikan watak sebagai satu gambaran tentang pelaku yang memegang peranan dalam novel (cerpen), sama ada watak itu adalah manusia atau binatang. Gambaran watak yang dimaksudkan oleh Othman Kelantan ini ialah gambaran tentang bentuk tubuhnya, besar kecilnya, tinggi rendahnya, hitam putihnya, gemuk atau kurus dan segala sesuatu tentang sifat peribadinya. Sekiranya watak itu manusia, maka sifat-sifat tentang manusia itu perlu dijelaskan secara terperinci. Gambaran tentang watak ini akan menjelaskan kesesuaian peranannya dalam keseluruhan cereka ini.

Menurut beliau lagi, watak ialah unsur yang sangat penting dalam struktur novel (cerpen) kerana watak itulah yang berperanan dalam semua situasi. Berpunca dari watak inilah terjalinnya semua peristiwa dan munculnya sebab yang memungkinkan terjadinya plot cerpen tersebut.

Watak-watak yang terdapat dalam cereka dapat dibahagikan kepada beberapa golongan atau kategori. Foster, Wellek dan Warren membahagikan watak ini kepada dua jenis, iaitu watak bulat dan watak pipih. Menurut mereka, watak bulat ialah watak dinamik yang menjalani peranan secara kompleks, baik atau jahat di dalam cereka itu. Watak pipih pula adalah watak yang hanya berperanan sebelah pihak tanpa menjalani seluruh kehidupan (S.Othman Kelantan, 1985). Di samping itu, watak yang berperanan amat penting disebut sebagai watak utama atau watak penting. Watak yang berperanan kurang penting pula disebut sebagai watak sampingan.

Rahman Shaari (1987) menyatakan istilah watak mempunyai beberapa makna, tetapi makna yang mudah ialah seluruh sifat dan tabiat yang membentuk peribadi

manusia atau binatang. Watak juga merujuk kepada nilai-nilai moral dan prinsip-prinsip akhlak. Dalam kesusasteraan, watak mempunyai bidang makna yang khusus iaitu manusia digambarkan dalam sesebuah cereka, baik cerpen, novel mahupun drama.

Rahim Abdullah (1990) mendefinisikan watak sebagai manusia atau orang yang memegang sesuatu perwatakan yang bergerak dan beraksi dalam sesebuah cerita atau lakonan.

Secara kesimpulan, kita dapat merumuskan bahawa watak dan perwatakan dalam sesebuah cereka menggambarkan "manusia" yang mempunyai nafas, kemahuan, cita-cita, sikap hidup dan tingkah laku tersendiri, kepercayaan dan ideologi, perjuangan atau menyerah bulat-bulat kepada nasib. Watak-watak ini ditampilkan oleh pengarang dalam pelbagai cara seperti yang diterangkan di atas tadi, untuk memberi kehidupan kepada mereka.

1.9.3 NILAI

Menurut Nyia See Keng (2004), nilai dan kemanusiaan adalah dua unsur yang tidak dapat dipisahkan dalam perbicaraan mengenai aspek kemurnian dalam kehidupan seharian. Konsep nilai dapat dilihat dalam pelbagai aspek, contohnya nilai yang berkaitan dengan perkembangan diri seseorang, nilai yang berkaitan dengan diri dan keluarga, nilai yang berkaitan dengan diri dan masyarakat serta bangsa, nilai yang

berkaitan dengan diri dan alam sekitar; nilai yang berkaitan dengan diri dan Negara serta lain-lain lagi.

Menurut Othman Puteh (1983), nilai merupakan unsur yang terdapat dalam semua ajaran moral yang popular dan ianya berdasarkan konsep bahawa individu dalam sesuatu jaringan sosial saling memerlukan antara satu sama lain. Perkara ini mendorong tindakan yang membolehkan individu dan kelompok masyarakat tersebut mencapai keperluan masing-masing. Nilai turut memberi panduan dalam sesebuah masyarakat dengan memberikan rujukan cara-cara mengawal dan mengatur perlakuan seseorang anggota masyarakat.

Sharifah Alwiah Alsagoff (1986) menyatakan bahawa nilai merupakan idea-idea yang dikongsi dalam sesebuah masyarakat mengenai apa yang baik, betul dan diperlukan. Kamaruddin Hj Husin (1988) pula berpendapat karya sastera memiliki unsur-unsur tersirat. Ia bukan hiburan semata-mata tetapi lebih membicarakan tentang pendidikan moral bagi mengukir manusia yang berbudi pekerti.

Selain daripada itu, tokoh ilmiah Indonesia iaitu Soekonto, Soerjono (1982) pula mendefinisikan nilai merupakan konsep abstrak dalam diri manusia tentang apa yang baik dan apa yang buruk. Sistem nilai ini wujud hasil daripada interaksi sosial dan pengalaman seseorang individu.

Bagi Radhakamal (1965), nilai terbit daripada keinginan dan motif serta dibentuk dan diperakukan oleh budaya dan masyarakat. Semasa interaksi sosial berlaku, seseorang individu akan mendapat lebih ajaran dan pengalaman tentang

kepercayaan, peraturan dan norma hidup sesebuah masyarakat. Secara langsung, ini akan mempengaruhi pemikiran individu tersebut dan memberi panduan mengenai perbezaan desakan, keinginan dan matlamat antara dua individu berlainan dalam sesebuah masyarakat. Kesan jangka panjang ialah individu tersebut dapat menilai nilai dalam pelbagai persektif

Manakala Abdul Rahim Abdul Rashid (1993) pula menjelaskan bahawa nilai bertindak sebagai penentu dalam kehidupan seseorang manusia. Hal ini kerana nilai mampu mempengaruhi pilihan dan tingkahlaku seseorang. Nilai cuma dapat dinyatakan secara lisan sahaja kerana ianya sesuatu yang tersirat. Namun sedemikian, nilai masih mempunyai dimensi afektif dan kognitif. Contohnya, nilai selalunya digambarkan dengan kenyataan seperti 'betul', 'salah', 'memuaskan' dan lain-lain lagi.

Cooler Gerald (1974) menjelaskan bahawa nilai ialah unsur-unsur moral yang boleh membina sikap atau pemikiran manusia. Beliau juga menegaskan bahawa nilai boleh disampaikan dari seseorang manusia kepada manusia yang lain untuk membentuk sikap yang positif.

Crow & Crow (1983) menyatakan bahawa sikap atau nilai seringkali dipengaruhi oleh desakan dalaman, tabiat yang dipelajari dan pengaruh alam sekitar walaupun secara amnya, nilai merupakan keperibadian individu. Sebagai contoh, individu yang bersopan-santun, peramah, baik hati dan sentiasa membantu akan dianggap mempunyai nilai yang diingini , manakala individu yang pemarah, iri hati, kedekut dan pemalas akan dianggap mempunyai nilai yang perlu dielakkan.

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM

Sufean Hussin (1995) menyatakan bahawa nilai ialah gabungan antara darjah dan peraturan dalam membina cara hidup seseorang manusia dengan menggariskan idea-idea dan matlamat hidup. Beliau turut menyatakan bahawa nilai ialah darjah normatif dan peraturan kerana nilai menjadi asas pegangan yang mempengaruhi pemikiran manusia semasa membuat pertimbangan dalam menentukan cara atau gaya bertindak sebaik mungkin dalam mengekalkan kesejahteraan diri.

Berdasarkan hujah-hujah para sarjana seperti di atas, konsep yang dijelaskan oleh Othman Puteh lebih mantap dan relevan dengan kajian ini; yakni nilai merupakan satu perspektif asas dalam mencipta peradaban manusia serta peraturan yang akan menjadi dasar kepada sistem dan kerukunan hidup manusia sejagat. Karya-karya sastera mempunyai pelbagai fungsi terutama sekali dalam mengutarakan nilai samada yang tersurat atau tersirat.

1.10 KESIMPULAN

Kesimpulannya, liputan kajian ini mengetengahkan tentang gambaran watak utama yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen R.Karthigesu. Selain itu ianya dapat membantu masyarakat terutamanya generasi baru agar menjadikan watak watak ini sebagai panduan dan teladan dalam amalan kehidupan seharian.

Cerpen merupakan antara bahan perantaraan yang mampu menerap nilai kemasyarakatan di kalangan masyarakat. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada latar belakang kajian, meliputi pernyataan masalah, kepentingan kajian,

objektif kajian, hipotesis kajian, batasan kajian dan definisi operasional memudahkan kajian dilakukan. Seterusnya, ia dapat dijadikan panduan untuk mendapatkan hasil kajian yang akan dilaksanakan. Hal ini bersesuaian dengan matlamat kajian bahawa kesusasteraan harus berada seiring dengan perkembangan dunia moden turut memberi sumbangan yang bermanfaat kepada pembangunan dan kemajuan negara.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Sorotan literatur bermaksud kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Pengkaji turut membuat penelitian terhadap beberapa pengkaji terdahulu yang telah menjalankan kajian berkaitan dengan watak utama dan nilai kemanusiaan. Tujuan tinjauan literatur ini dijalankan adalah untuk menjelaskan dengan lebih terperinci tentang kajian-kajian lepas yang mempunyai hubungkait dengan kajian yang sedang dijalankan pengkaji.

Tinjauan literatur ini melihat kajian yang telah dilakukan berdasarkan cerpen Tamil Malaysia. Kajian yang berkaitan dengan watak utama dan nilai kemanusiaan turut dikaji dalam kajian genre Melayu dan Cina. Penelitian terhadap kajian terdahulu dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu sorotan literatur peringkat Doktor Falsafah,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

sorotan literatur peringkat Sarjana dan sorotan literatur daripada buku-buku ilmiah. Kajian-kajian ini juga disusun mengikut sampel yang sama yang dipilih oleh pengkaji, diikuti teori yang sama yang menjadi pilihan pengkaji serta kajian yang menggunakan sampel dan teori yang sama. Sorotan literatur ini dijalankan untuk melihat pendapat pengkaji-pengkaji terdahulu tentang modal insan dan watak.

2.2. KAJIAN-KAJIAN TERDAHULU

Hasil daripada tinjauan kajian terdahulu, pengkaji mendapati terdapat beberapa pengkaji peringkat Doktor Falsafah yang telah menjalankan kajian mereka dalam mengkaji beberapa aspek dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia.

Saravanan Veeramuthu dari Universiti Malaya dalam tesis Phd (2010) *Citra identiti budaya masyarakat India: satu pembicaraan cerpen melayu karya cerpenis India* menyatakan bahawa karya ini mengupas citra identiti kebudayaan masyarakat India dalam dunia penulisan kesusasteraan Melayu. Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti usaha-usaha yang dilakukan oleh cerpenis-cerpenis India dalam kesusasteraan Malaysia. Citra identiti ini dilihat menggunakan dua modul iaitu Modul Pembentukan identiti Phinney dan Modul Tahap Akulturasi Sue dan Sue. Terdapat skop identiti yang dibincangkan iaitu identiti luaran yakni merangkumi identiti ekspresif (bahasa, perayaan dan sistem panggilan) serta identiti lahiriah (pakaian dan makanan) dan identiti dalaman yang melihat identiti normatif (bangsa, kasta, agama dan kepercayaan, unsur mitos, adat dan amalan serta perkahwinan) dan identiti nilai (ekonomi, gender dan isu-isu sosial). Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah

meggunakan pendekatan kualitatif diskriptif. Tesis ini membantu pengkaji untuk mengenali dan mempelajari budaya mayarakat India dengan lebih terperinci.

Roshani binti Abdullah (2007) pula telah menjalankan kajian yang bertajuk *Kajian Unsur-unsur Pembentukan Sahsiah Yang Terkandung Dalam Novel Kanak-kanak* yang berjaya memenangi peraduan menulis novel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk tesis Doktor Falsafahnya (UKM). Roshani telah memilih sebanyak 27 buah novel kesemuanya yang telah memenangi peraduan menulis novel anjuran DBP pada tahun 1978, 1979, 1981, 1987 dan 1991. Novel-novel tersebut dibahagikan kepada beberapa tema seperti keluarga, sejarah, fiksyen sains dan pengembaraan. Kajian terhadap novel-novel ini tertumpu kepada unsur-unsur pembinaan sahsiah dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani yang merangkumi domain kognitif, efektif dan psikomotor. Kajian terhadap novel-novel ini dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan bahan untuk mencari kekerapan wujudnya nilai-nilai murni dalam novel-novel yang dikaji. Senarai semak 16 nilai murni yang terkandung dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) turut digunakan dalam kajian ini. Kajian ini telah menunjukkan bahawa 14 daripada 16 nilai murni tersebut telah digunakan dengan baik, sesuai dan berkesan untuk membantu perkembangan rohani, emosi dan jasmani kanak-kanak. Kajian ini menunjukkan bahawa novel kanak-kanak ini sangat membantu dalm pembentukan sahsiah kerana nilai murni disampaikan secara tersurat melalui penceritaan yang berkesan.

Selain itu, terdapat beberapa pengkaji peringkat Sarjana telah menjalankan kajian mereka dalam mengkaji beberapa aspek dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia.

Melalui tinjauan ini, pengkaji dapat mengetahui bahawa ianya hanya berkisar sekitar aspek-aspek yang berkaitan dengan sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Namun, ada juga golongan Sarjana yang telah membuat kajian umum berkaitan teori formalistik iaitu tema, plot, persoalan, latar, gaya bahasa dan sebagainya. Kesemua kajian ini amat membantu pengkaji untuk mengukuhkan lagi isi yang ingin dihuraikan.

Selain daripada itu, Ravindran Maraya, pengkaji sarjana dari Universiti Malaya melalui tesisnya bertajuk *Penggambaran Citra Wanita dalam Cerpen Tamil Malaysia, 1970-2010: Satu Kajian Berasaskan Teori Arketaipal* pada 2012, mendedahkan aliran cerpen Tamil Malaysia mula menampakkan perubahan ke arah kewujudan cerpen-cerpen bersifat pasca moden. Cerpen Tamil yang dihasilkan di Malaysia kini telah mula menerima pengaruh daripada pelbagai pemikiran. Dalam meneliti hakikat ini, kajian dijalankan dengan tujuan untuk menilai cerpen-cerpen Tamil Malaysia agar dapat menggambarkan citra wanita. Pendekatan teori *Arketaipal* digunakan sebagai dasar menilai hasil karya cerpenis tempatan. Dengan menggunakan teori ini, kita dapat mengkaji sejauh manakah cerpenis tempatan mengaplikasikan perwatakan watak-watak utama wanita dari kesusasteraan Tamil dalam penghasilan cerpen yang bermutu. Lantaran itu, kajian ini ingin memastikan sejauh manakah penggambaran citra wanita memainkan peranan dalam kehidupan masyarakat Tamil Malaysia dari segi karya-karya Puranam, epik, dewa-dewi serta dari segi cerita sastera rakyat dan pergerakan watak era moden. Pandangan ini memberi satu pendedahan baru dari segi pemikiran wanita dalam perkembangan diri mereka dari zaman kanak-kanak hingga akhir hayat dalam konteks mendukung konsep induk dalam diri manusia. Berikutan itu, penulisan cerpen yang berkembang mengikut peredaran masa

dapat memberikan satu kajian yang tepat dalam mengkaji kepelbagai watak *Arketaipal* dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia. Cara ini dapat menganalisis secara keseluruhannya perwatakan wanita-wanita zaman sekarang yang bersifat *Arketaipal* dalam masyarakat Tamil serta pengaruh pendekatan *Arketaipal* dalam kehidupan mereka dan secara langsung dapat membuktikan bahawa adanya perubahan terhadap citra wanita dalam cerpen Tamil Malaysia.

Seterusnya Bakkiyaletchumi, PK. (2012) dari Universiti Tamil Tanjavoor dalam tesis sarjananya bertajuk *Balamuruganin Cirukataikal Vali Maleciya Tamilarkalin Valkai* membincangkan kehidupan masyarakat Tamil Malaysia melalui cerpen-cerpen K.Balamurugan. Pengkaji mendapati cerpen-cerpen K.Balamurugan amat unik dan berbeza daripada penulis-penulis Tamil Malaysia yang lain. Hal ini kerana tema dan teknik penceritaan yang bukan lazim digunakan oleh cerpenis tersebut. Teori sastera pasca moden mendasari kebanyakkan cerpen beliau. Pengkaji mendapati isu-isu sosial semasa iaitu isu-isu kemasyarakatan yang baik dan buruk dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia dibincangkan secara terperinci dalam cerpen-cerpen beliau. Kehidupan masyarakat yang sengsara akibat pelbagai penindasan digambarkan dalam cerpen-cerpen K.Balamurugan. Antara persoalan yang sering menjadi pilihan penulis adalah kesengsaraan hidup masyarakat miskin, penindasan dalam kapitalisme, masalah pendidikan sekolah Tamil, kepercayaan karut dan sebagainya. Kajian ini hanya membincangkan isu-isu sosial dalam ruang lingkup yang kecil, iaitu isu sosial yang kurang popular sahaja dibincangkan.

Kajian seterusnya dijalankan oleh Norhidayu binti Kassim dalam sarjana sastera yang bertajuk "*Persepsi Kanak-kanak Terhadap Watak dan Perwatakan*

Tokoh Dalam Karya Sastera Kanak-kanak Berunsur Sejarah". Beliau telah membuat kajian tersebut pada tahun 2011 di Universiti Putra Malaysia. Kajian ini merupakan satu kajian kesusasteraan kanak-kanak yang membicarakan tentang persepsi kanak-kanak terhadap watak dan perwatakan tokoh dalam karya sastera kanak-kanak yang berunsur sejarah. Peranan watak dan perwatakan tokoh yang terdapat dalam sesebuah karya sastera berunsur sejarah amat penting bagi merangsang pembentukan peribadi kanak-kanak. Justeru, kajian ini menggunakan dua pendekatan iaitu Teori Humanistik Abraham Maslow dan Teori Resepsi. Teori Humanistik Abraham Maslow digunakan bagi memperolehi dapatan berkenaan persepsi kanak-kanak terhadap watak dan perwatakan tokoh. Melalui teori ini, pengkaji melihat peringkat hierarki yang dikemukakan oleh Abraham Maslow dalam menganalisis kajian berkaitan. Manakala Teori Resepsi pula adalah bertujuan untuk mendapatkan respons dan reaksi kanak-kanak terhadap karya sastera. Namun, Teori Resepsi hanya boleh digunakan semasa kajian lapangan dilakukan. Kajian lapangan dilakukan bagi memperoleh dapatan berkaitan respons kanak-kanak terhadap karya sastera.

Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah analisis teks bagi melihat persepsi kanak-kanak terhadap watak dan perwatakan tokoh yang terdapat dalam karya sastera kanak-kanak berunsur sejarah di enam zon di seluruh Malaysia. Hasil kajian menunjukkan pelbagai persepsi kanak-kanak terhadap karya sastera berunsur sejarah. Antara persepsi yang dapat dikesan adalah seperti suka, berminat, ingin tahu, berimaginasi dan mendapat pengajaran daripada karya sastera tersebut. Dalam kajian ini juga, kanak-kanak berjaya mengesan watak dan perwatakan tokoh seperti dalam cerita yang dikaji.

Segaran Muthapan melalui tesis sarjana bertajuk *Kajian Tema Karya-karya V.Munian* pada 2011 dari Universiti Malaya telah mengkaji isu-isu sosial, isu-isu budaya, pemikiran masyarakat dan corak kehidupan masyarakat Tamil di Malaysia. Pendekatan teori sosiologi dengan menggunakan pendekatan analisis deskriptif dan analisis kritikan sastera digunakan sebagai metodologi kajian. Beliau mendapati cerpen-cerpen V.Munian meliputi aspek sosial, budaya, pemikiran dan corak kehidupan masyarakat Malaysia yang melambangkan gagasan yang perlu diteliti. Hal ini penting untuk membentuk masyarakat madani yang masih lagi terikat kukuh dan berpegang teguh dengan nilai kasih sayang serta adat masyarakat India walaupun ditekan perubahan zaman. Dalam pada itu, kajian ini berjaya mengupas tema-tema dan isu-isu yang timbul dalam masyarakat India khususnya kaum Tamil di Malaysia. Hasil analisis membuktikan bahan unsur-unsur sosial seperti tradisi, bahasa, budaya, sejarah, nilai, pengalaman, ideologi dan fahaman membantu pemikiran V.Munian dalam memperkaya hasil kesusasteraan Tamil terutama genre cerpen Tamil di Malaysia.

Selain itu, Kunaseelan Subramaniam (2009), dari Universiti Malaya melalui tesis sarjananya yang bertajuk *Tema dan Persoalan Dalam Cerpen M.A.Ilanchelvan,* telah membicarakan tema dan persoalan. Selain mengkaji tema dan persoalan, kajian ini berjaya mendedahkan isu-isu sosial yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia dari tahun 1960 hingga 1980 melalui cerpen-cerpen M.A.Ilanchelvan. Walaupun kajian ini membincangkan isu-isu sosial yang dihadapi oleh masyarakat India tetapi tumpuan yang lebih hanya diberikan kepada tema dan persoalan. Dalam pada itu, kajian ini berjaya mengupas tema-tema dan isu-isu yang timbul dalam masyarakat India khususnya kaum Tamil di Malaysia. Hasil kajian membuktikan

bahan unsur-unsur sosial seperti tradisi, bahasa, budaya, sejarah, nilai, pengalaman, ideologi dan fahaman membantu pemikiran M.A.Ilanchelvan dalam memperkayakan hasil kesusasteraan Tamil terutamanya genre cerpen Tamil di Malaysia. Pendekatan kualitatif diskriptif dan teori sosiologi digunakan oleh beliau dalam menjalankan kajian ini.

Sementara itu, Ammini Ayavoo dari Universiti Malaya dalam tesis sarjananya bertajuk *Kajian Tema Cerpen Karya Penulis-penulis Tamil Negeri Johor (1950-2010)* pada tahun 2010, menyatakan bahawa kajian ini diselidik secara mendalam untuk memahami akan objektif sosial sebagai mesej yang ingin disampaikan kepada warga pembaca. Metodologi kajian yang digunakan ialah teori Mimetik yang merupakan cara untuk mencerminkan kehidupan sesebuah masyarakat. Tema yang paling ketara dalam karya penulis-penulis negeri Johor adalah kekeluargaan, masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat India dan sebagainya. Secara keseluruhan, pelbagai tema yang digunakan telah memperlihatkan isi hati para penulis yang ingin menyampaikan mesej tertentu kepada golongan pembaca menerusi cerpen. Penyelidikan ini memberi peluang kepada masyarakat Malaysia untuk memahami kehidupan dan tradisi masyarakat India Johor serta perkembangan cerpen Tamil di Johor sejak Tahun 1950-an hingga kini.

Dalam pada itu, Jesuthas, (2010) dalam peringkat Sarjana Tamil di Universiti Malaya, telah membuat kajian terhadap cerpen-cerpen M.Shanmugasiva. Tesis beliau bertajuk *Cerpen-cerpen Karya M. Shanmugasiva Satu Kajian Tema dan Struktur*. Hasil tinjauan beliau mendapati bahawa cerpen-cerpen M. Shanmugasiva bercorak eksperimental. Melalui bahan kajian beliau, pembaca dapat mengetahui pemikiran

secara kritis boleh mempengaruhi penciptaan sesebuah cerpen, prinsip-prinsip yang dominan dan pengaruh unsur luaran dalam menentukan corak pemikiran serta teknik penceritaan yang pelbagai dalam sesuatu karya. Kajian ini turut membincangkan tema sebagai unsur mencerminkan peristiwa, pergolakan atau kepincangan dalam masyarakat India di Malaysia. Namun, kajian ini tidak memberi tumpuan terhadap masalah sosial secara menyeluruh. Pengkaji telah menggunakan teori Analitikal bagi mengupas penggunaan bahasa semasa membincangkan tema dan isu-isu dalam membentuk masyarakat India yang berketrampilan dan maju. Hasil kajian beliau juga mempunyai unsur-unsur luaran seperti tradisi, sosial, budaya, sejarah, falsafah, pengalaman dan ideologi tetap berdialog dengan unsur-unsur dalam diri pengarang ketika proses penciptaan cerpen. Cerpen-cerpen penulis dapat membaiki dan meningkatkan lagi martabat serta kekayaan kesusasteraan Tamil di Malaysia.

Pengkaji seterusnya Annadurai. M dari Universiti Malaya (2007) dalam tesis sarjana bertajuk *Cerpen-cerpen Peravai Kataikal: (1986-2000): Satu Kajian Tema* telah mengkaji tentang tema-tema popular dalam cepren *Pe:ravai Kathaikal* dari tahun 1986 hingga 2000. Beliau memberi lebih fokus terhadap cerpen-cerpen yang memenangi hadiah sastera Tamil anjuran Persatuan Bahasa Tamil, Universiti Malaya. Kajian ini membincangkan tema sebagai unsur yang mencerminkan peristiwa, pergolakan atau kepincangan dalam masyarakat India di Malaysia. Hasil kajian cerpen-cerpen *Peravai Kataikal* berjaya menonjolkan identiti yang tersendiri dan membentuk satu warisan sejarah yang asli. Walaupun kajian beliau membincangkan isu-isu sosial tetapi ianya tidak memfokuskan kepada masalah sosial secara menyeluruh.

Terdapat juga sarjana yang cenderung dalam mengkaji unsur-unsur epik dalam bidang kesusasteraan Tamil. Veeramohan A/L Veeraputhiran dari Universiti Malaya (2007) telah membuat kajian yang bertajuk *Pemaparan Unsur Ramayanam dan Mahabaratam Dalam Cerpen Tamil Malaysia (1957-1987).* Kajian ini meninjau kesesuaian dan keberkesanan penggunaan unsur *Ra:mayana* dan *Mahabaratam* dalam cerpen tempatan sepanjang tempoh tiga puluh tahun. Kajian ini member fokus kepada aspek nilai kehidupan dan falsafah kehidupan manusia di zaman yang dikaji dalam *Ramayanam* dan *Mahabaratam* cerpen-cerpen Tamil Malaysia.

Di Universiti Malaya terdapat sebuah kajian pada peringkat sarjana yang berjudul *Isu-isu Semasa Dalam Cerpen Tamil Malaysia 1957 hingga 1993* oleh Uma Devi Brabaharan. Kajian ini dibuat pada tahun 2007. Menerusi cerpen ini, penulis membicarakan corak kehidupan masyarakat India yang melibatkan kekeluargaan. Dapatan kajian menyatakan bahawa cerpenis tempatan memainkan peranan yang tersendiri untuk menyampaikan mesej masing-masing. Penulis juga telah memaparkan perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat India iaitu dari segi pemikiran dan pemahaman budaya. Kajian ini memberikan sumbangan yang penting bagi pengkaji dalam konteks bahan sama tetapi teori beza.

Dalam pada itu, Premavathi Nallapan dari Universiti Malaya dalam tesis sarjananya yang bertajuk *Stereotaip Watak Wanita Dalam Cerpen Bahasa Tamil* pada tahun 2004 menyatakan bahawa diskriminasi terhadap kebebasan wanita dalam masyarakat berfahaman stereotaip dari sudut pandangan cerpenis lelaki dan wanita. Perbandingan dibuat untuk menentukan darjah kecenderungan gender cerpenis terhadap faktor stereotaip secara kolektif dan secara berasingan. Penyelidik juga

berhasrat untuk meneliti sejauh mana keberkesanan cerpenis dalam mengkecenderungan hasil karya mereka terhadap peenerimaan gejala stereotaip. Cerpenis boleh menjadikan cerpen sebagai instrumen untuk merintis jalan ke arah jalan yang mampu menghancurkan stereotaip negatif yang wujud pada masa ini.

Dalam pada itu, Omar Mamat (1994) menerusi tesis sarjana UKM yang bertajuk *Nilai-nilai Moral Dalam Novel Remaja* telah mengkaji aspek nilai-nilai moral dalam novel remaja. Sebanyak 36 buah novel telah dijadikan subjek dalam kajian beliau. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan moral yang menganggap tema sebagai suatu unsur yang sangat penting dalam merealisasikan nilai-nilai moral sesebuah novel. Terdapat beberapa aspek nilai moral yang sangat ketara dalam novel-novel yang dikaji. Aspek tersebut adalah seperti hormat-menghormati, kerajinan, baik hati, berdikari, berhemah tinggi dan kasih sayang. Selain aspek-aspek nilai moral yang baik, terdapat juga aspek moral negatif yang terkandung dalam novel-novel remaja yang dikaji seperti membalas dendam, tidak jujur, angkuh, sombong, melanggar peraturan, hasad dengki, pemikiran negatif dan suka bergaduh. Walaupun aspek moral berkaitan dengan kajian yang dibuat oleh pengkaji, aspek tersebut sebenarnya hanya sebahagian daripada modal insan yang menjadi teras kajian. Justeru, kajian tentang modal insan dalam novel-novel remaja tetap penting kerana bersifat lebih menyeluruh.

Di Universiti Malaya, Krishnan Maniam telah membuat kajian pada peringkat sarjana tentang *Cerpen Tamil dan Melayu (1957-1970) Satu Kajian Perbandingan Tema Dan Struktur* pada tahun 1989. Kajian ini merupakan perbandingan tema dan struktur yang digarap oleh pengarang cerpen Tamil dan Melayu dari tahun 1957

hingga 1970. Perbandingan dibuat di antara cerpen Tamil dan Melayu kerana kedua-dua bidang ini lahir pada zaman yang agak sama. Walaupun pada peringkat awal, kedua-duanya mengalami pengaruh luar dari Indonesia dan India, namun kedua-duanya aliran cerpen ini berjaya menonjolkan identiti yang tersendiri dan membentuk satu warisan sejarah yang asli pada akhirnya. Selain itu, masyarakat India dan Melayu pernah mengalami suasana ataupun masalah sejagat seperti masalah cinta, pergolakan, keluarga, kemiskinan dan kedua-dua aliran cerpen. Namun demikian, terdapat juga tema-tema yang berlainan apabila kedua-dua masyarakat itu mengalami detik-detik peristiwa yang berasingan seperti semangat kebangsaan oleh masyarakat India. Tema -tema seperti ini turut dikaji. Kajian ini memberikan sumbangan yang penting dalam konteks teori sama.

Kajian peringkat sarjana oleh Subramaniam, N. (1978) dari Universiti Malaya yang bertajuk *Penggambaran Masyarakat Malaysia Di Dalam Cerpen-cerpen Tamil Malaysia dan Perkembangan Cerpen Tamil Malaysia Selepas Merdeka* menyatakan bahawa persoalan cerpen pada masa itu tertumpu kepada isu sosial semasa iaitu isu-isu kemasyarakatan yang baik dan buruk dalam kalangan masyarakat India. Antara persoalan yang sering menjadi pilihan penulis adalah semangat kewarganegaraan, sekolah Tamil, kepercayaan karut dan sebagainya. Kajian ini hanya membincangkan isu-isu sosial dalam ruang lingkup kecil yang kecil, iaitu isu-isu sosial yang popular pada zaman tersebut. Kajian beliau juga menjelaskan tentang peranan yang dimainkan oleh akhbar dan majalah tempatan serta Persatuan Penulis Tamil Malaysia dalam perkembangan cerpen Tamil Malaysia. Selain daripada itu, beliau juga menerangkan bahawa kemerdekaan negara pada tahun 1957 telah mengubah tema kepada tema keluarga dan sosial.

Selain daripada kajian-kajian universiti tempatan, pengkaji juga mengambil inisiatif untuk merujuk kajian-kajian berkaitan cerpen-cerpen Tamil Malaysia yang dibuat oleh mahasiswa dan mahasiswi luar negara. Tesis-tesis yang dibincangkan dibawah adalah di peringkat sarjana dari Universiti Tamil Tanjavoor, Tamil Nadu, India. Tinjauan ini amat membantu pengkaji untuk mendapatkan lebih banyak buah fikiran dalam bidang yang dikaji.

Pada tahun 2010, S. Bawani dari Universiti Tamil Tanjavoor telah membuat kajian terhadap cerpen-cerpen Tamil Malaysia untuk melengkapkan pengajian sarjana beliau. Kajian beliau bertajuk *Pala Ettikal Anbarasanin Cirukatai Padaippu Tiran*. Beliau memberi fokus kepada tiga bahagian penting. Bahagian pertama menjelaskan tentang sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Bahagian kedua adalah perbincangan mengenai kandungan cerpen-cerpen yang dipilih dengan memberi penekanan kepada tema dan persoalan. Bahagian ketiga membincangkan aspek struktur. Strukturalisme dapat difahami sebagai teori yang menitikberatkan perkara-perkara dalaman yang membentuk rangka atau struktur sesebuah teks. Dalam kajian ini, pengkaji memberi fokus kepada tema, persoalan, watak dan perwatakan, bahasa, latar dan sudut pandangan. Pengkaji berjaya memperincikan perbahasan untuk mencari makna teks dengan mengaitkan satu aspek dengan aspek yang lain, melihat transformasi isi yang menerbitkan isi atau makna yang lain secara sinkronik.

Seterusnya, Ramesh Kumar (2008) dari universiti yang sama menghasilkan tesis sarjana yang bertajuk *Ko Punniyavanin Cirukathai Tiran*. Tesis ini merupakan kajian terhadap cerpen-cerpen cerpenis Ko.Punniavan. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji memberi fokus kepada tiga aspek iaitu sejarah perkembangan cerpen Tamil

di Malaysia, tema dan persoalan serta kajian struktur cerpen. Hasil tinjauan mendapati bahawa cerpen Tamil mula berkembang di Malaysia pada tahun 1930-an. Tema-tema yang digunakan oleh penulis pada ketika itu banyak membincangkan masalah yang dihadapi oleh masyarakat India di Tamil Nadu, India. Pengkaji juga turut mengkaji tentang struktur cerpen iatu plot, tajuk, watak serta perwatakan, latar tempat, latar masyarakat, latar masa dan sebagainya. Pengkaji menyatakan bahawa Ko.Punniavaan merupakan cerpenis yang bersifat eksperimental. Hal ini kerana beliau sentiasa mencuba sesuatu yang baru dalam menulis cerpen.

Dalam usaha untuk menghasilkan kajian ini, pengkaji telah membuat tinjauan dan menganalisis hasil-hasil kajian yang terdahulu. Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kajian ilmiah dan kertas cadangan berkaitan dengan tajuk yang sedang dihasilkan oleh pengkaji.

Pada tahun 1978, Poobalan dalam kertas cadangannya bertajuk *"Latar Belakang Kemasyarakatan Dalam Cerpen-cerpen Tamil Malaysia"*, telah menghuraikan penggunaan tema dan perkembangan cerpen Tamil di Malaysia. Beliau menyatakan bahawa golongan penulis sebelum dan selepas perang hanya lebih mementingkan perkara yang ingin disampaikan kepada masyarakat, dan kurang member perhatian kepada struktur dan cara penyampaian.

Kajian berikutnya adalah *"Jalan Ke Puncak dan Terupuluti: Satu Kajian Bandingan Cerpen Melayu dan Cerpen Tamil Malaysia"* yang dijalankan oleh Mannar Mannan pada tahun 1985 dari Universiti Malaya. Kertas cadangan ini membicarakan perkembangan cerpen-cerpen Tamil di Malaysia serta membuat suatu

perbandingan antara antologi cerpen Melayu dan Tamil Malaysia dari segi tema dan struktur. Beliau mengupas tema dan struktur secara umum dalam cerpen-cerpen Noorjaya dan M.AIlanchelvan. Kajian ini memberi gambaran ringkas mengenai latar belakang perkembangan cerpen Tamil Malaysia dan membincangkan secara ringkas tentang kedudukan sastera Tamil Malaysia dalam konteks kesusasteraan Malaysia.

2.3 KESIMPULAN

Hasil penelitian terhadap pelbagai bahan seperti tesis peringkat doktor falsafah, sarjana sastera, buku-buku ilmiah dan kertas cadangan oleh penulis-penulis tempatan dan luar negara telah memberi satu gambaran kasar mengenai perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Pengkaji juga mendapati terdapat banyak kajian terhadap cerpen-cerpen Tamil Malaysia. Namun begitu, kajian-kajian terdahulu lebih tertumpu kearah sejarah perkembangan sastera Tamil Malaysia dan bidang cerpen sahaja. Cuma ada beberapa sarjana sahaja telah membuat kajian umum terhadap tema, struktur, plot dan latar sesebuah cerpen Tamil. Tinjauan juga mendapati hanya beberapa pengkaji sahaja cuba untuk mengupas isu-isu sosial dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia. Keseluruhannya, pengkaji mendapati kebanyakan kajian yang dilakukan merupakan bentuk kajian kepustakaan dan pelbagai pendekatan dan teori diguna pakai masing-masing mempunyai kewajaran yang tersendiri.

Melalui kajian-kajian terdahulu, pengkaji juga berjaya mendapat maklumat secara menyeluruh mengenai konsep dan idea yang ingin dikemukakan pengkaji terdahulu. Oleh itu, pengkaji dapat memahami dengan lebih mendalam serta dapat

memberi lebih fokus terhadap permasalahan kajian yang hendak diutarakan. Kajian-kajian yang lepas juga dapat memberi hala tuju yang baharu terhadap kajian yang bakal dilakukan. Pengkaji juga dapat mempelajari bagaimana pengkaji lain menghubungkait teori dengan reka bentuk kajian dalam kajian masing-masing.

Antara perkara yang menarik perhatian pengkaji adalah kekurangan kajian-kajian mengenai peranan watak utama serta nilai kemanusiaan dalam cerpen Tamil Malaysia. Hal ini kerana nilai kemanusiaan pada watak utama amat penting bagi sesuatu masyarakat dalam membentuk generasi yang bermoral dan berakhlak mulia. Pembicaraan dan kupasan tentang nilai kemanusiaan pada watak utama kurang diketengahkan oleh mana-mana pengkaji terdahulu. Atas sebab ini, pengkaji merasakan nilai kemanusiaan yang terdapat pada watak utama dalam kumpulan cerpen R.Karthigesu memang patut diketengahkan untuk penghayatan masyarakat India.

Dengan ini pengkaji boleh menyimpulkan bahawa kajian mengenai peranan watak utama dalam genre cerpen Tamil Malaysia memang kurang setakat ini. Berdasarkan kajian lepas didapati masih terdapat lompang untuk dibuat kajian mengenai tajuk yang dipilih pengkaji. Tambahan pula, bahan kajian yang berkaitan dengan kumpulan cerpen R.Karthigesu turut masih kurang. Oleh itu, pengkaji ingin membuka satu lembaran baharu dalam penyelidikan kesusasteraan Tamil Malaysia dengan menganalisis peranan watak utama dalam kumpulan cerpen R.Karthigesu untuk penghayatan masyarakat India khususnya dan umumnya kepada khalayak umum serta pengkaji kesusasteraan yang lain.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan dan menjelaskan gambaran yang terperinci mengenai metodologi, kaedah dan prinsip yang berhubung kait dengan kajian yang sedang dijalankan, yang dikenali sebagai kerangka teori.

Metodologi merupakan sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kajian. Kaedah metodologi membincangkan hubungan antara teori dengan penyelidikan. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang bentuk hubungan di antara teori dengan penyelidikan, terutamanya teori yang digunakan dalam penyelidikan yang dikenali sebagai pendekatan deduktif atau teori induktif. Sejauh manakah penggunaan teori dalam penyelidikan kualitatif merupakan persoalan yang sering ditimbulkan dalam perbincangan berkaitan dengan metodologi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

penyelidikan kualitatif. Bab ini juga meneroka tentang hubungan teori dalam konteks penyelidikan kualitatif dan kaitannya dengan pembentukan kerangka kajian. Dalam metodologi kajian ini, kerangka pendekatan moral telah digunakan untuk mengaitkannya dengan pemilihan watak utama. Watak utama yang terdapat dalam karya cerpen R. Karthigesu sangat sesuai digunakan kerana pendekatan moral dianggap sebagai suatu medium yang paling berkesan dalam membina moral dan keperibadian sekelompok manusia. Ianya dikaji secara terperinci tentang nilai-nilai kemanusiaan yang tertera melalui watak utama. Teori ini dapat mempamerkan kemantapan pemilihan watak utama dalam cerpen-cerpen kerana terdapatnya bukti-bukti sahih yang berkaitan dengan pendekatan moral.

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mengkaji pendekatan moral yang terdapat dalam karya cerpen R.Karthigesu berdasarkan objektif-objektif kajian. Kaedah ini digunakan dalam usaha mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numarikal walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada statistik. Kebanyakan kajian dalam bidang ini memberi keterangan, interprestasi atau makna sesuatu proses komunikasi. Kaedah ini juga merupakan usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan masyarakat dengan menggunakan pandangan umum tentang apa-apa sahaja tindakan sosial. Justeru itu, penyelidikan kualitatif tidak hanya tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Tambahan pula, kaedah ini turut berusaha untuk memperolehi maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel (Othman Lebar, 2006:20).

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif. Semasa mengkaji pendekatan moral dalam karya cerpen R.Karthigesu, pengkaji menggunakan kaedah penelitian kualitatif deskriptif iaitu menganalisis bentuk deskripsi dan bukan berupa angka.

3.3 KERANGKA KAJIAN

Tajuk yang dipilih olek pengkaji adalah peranan watak utama dalam cerpen R.Karthigesu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti watak utama yang menampilkan nilai kemanusiaan dalam cerpen R. Karthigesu; menganalisis nilai kemanusiaan yang dimiliki oleh watak utama dalam cerpen R. Karthigesu dan membuktikan watak utama berperanan sebagai teladan kepada generasi muda.

Bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori pendekatan moral Horace. Sebanyak 13 cerpen hasil nukilan R. Karthigesu dijadikan sebagai sumber kajian. Kaedah kajian yang digunakan adalah dengan menganalisa kandungan teks dan kaedah kepustakaan. Analisis kualitatif digunakan untuk huraian deskriptif berdasarkan data-data yang diperolehi melalui analisis kandungan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P



Rajah 3.1. Kerangka Kajian. Dirangka berdasarkan Pendekatan Moral Horace

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

3.4 KAEDAH KAJIAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Penyelidikan ini pada dasarnya adalah satu kajian analisis deskriptif. Kaedah ini digunakan untuk memberi gambaran yang menyeluruh mengenai pemilihan watak utama yang terdapat dalam karya cerpen R.Karthigesu. Sehubungan itu, kajian telah digabungkan dengan kaedah analisis teks yang terkandung dalam kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat yang sesuai serta diperlukan melalui buku, jurnal, majalah, rencana, artikel, akhbar, penulisan ilmiah, kertas kerja dan tesis. Bahan rujukan visual seperti bahan daripada internet juga digunakan bagi mengukuhkan kajian ini.

3.4.1 KAEDAH KAJIAN KEPUSTAKAAN

Sesebuah kajian ilmiah biasanya melibatkan dua cara penyelidikan sama ada kajian kepustakaan ataupun kajian lapangan. Oleh hal sedemikian, kajian ini dibuat berdasarkan teks-teks serta bahan-bahan yang sudah diterbitkan mahupun masih dalam bentuk manuskrip. Bagi memastikan kajian yang dibuat lancar dan bersistematik, maka kaedah kepustakaan dirasakan amat sesuai digunakan bagi tujuan penyelidikan ini. Antara bahan yang diperolehi adalah seperti buku, bahan ilmiah, tesis, majalah, bahan daripada laman web dan bahan-bahan rujukan daripada sumber-sumber yang lain. Kajian kepustakaan ini dijalankan untuk membuat rujukan tentang definisi istilah yang terdapat dalam tajuk yang dikaji dan mencari kajian masa lampau oleh tokoh-tokoh yang berkait rapat dengan tajuk yang dikaji oleh pengkaji.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

Sepanjang proses mencari maklumat bagi kajian ini, pengkaji telah mengunjungi beberapa perpustakaan. Tujuan utama pengkaji adalah untuk mengumpul bahan-bahan lama dan baru yang berguna untuk digunakan bagi kajian ilmiah yang akan dijalankan. Antara perpustakaan yang dikunjungi pengkaji adalah Perpustakaan Negara, Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya, Perpustakaan Hamzah Sendut dan Perpustakaan Hamzah Tahir Universiti Sains Malaysia, Perputakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Ipoh, Perbadanan Perpustakaan Awam, Negeri Perak, Tambun, Perpustakaan *'Muttamil Patippakam'* (Perpustakaan Khas bagi Buku-Buku Tamil di Sentul) Kuala Lumpur dan Perpustakaan Daerah Taiping.

Selain itu, pengkaji turut menggunakan bahan-bahan rujukan sampingan melalui laman web internet. Pengkaji akan menggunakan pelbagai jenis buku dari tahun-tahun penerbitan yang terdahulu hingga kini. Pengkaji juga tidak terlepas dari merujuk tesis-tesis yang dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini. Rujukan bahan-bahan tersebut banyak membantu pengkaji dan menjadi panduan bagi menjayakan tesis ini.

Kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data digunakan bagi tujuan mengumpul data, kaedah dokumentasi digunakan untuk meneliti sebanyak mungkin dokumen dan bahan bacaan bagi mendapatkan maklumat dan gambaran yang jelas serta menyeluruh berkenaan persoalan yang dikaji. Bagi tujuan menganalisis data,

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

kaedah sintesis digunakan. Melalui kaedah ini, data dan fakta yang diperolehi dianalisa berdasarkan tujuan kajian.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.4.2 KAEDAH ANALISIS TEKS

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah analisis teks yang meliputi analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti gambaran pemikiran tentang pendekatan moral dalam Karya R.Karthigesu. Oleh kerana kajian mengenai karya cerpen sudah diterbitkan, maka kajian ini dilakukan menggunakan sumber asal iaitu cerpen-cerpen Tamil R.Karthigesu yang diterbitkan pada abad ke-21 dengan berdasarkan objektif kajian.

3.5 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Cara penggunaan data yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah analisis kandungan yang dilakukan secara kualitatif. Kaedah ini digunakan untuk mengkaji objektif teks berkenaan dengan lebih menyeluruh. Terdapat tiga langkah penting dalam proses analisis kandungan. iaitu pembacaan data, pemilihan data dan pembahagian data.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.5.1 PENELITIAN DATA

Pengkaji telah membaca dan meneliti sebanyak 40 buah karya cerpen yang telah diterbitkan pada jangka masa 1995 hingga 2012. Daripada 40 buah cerpen, pengkaji memilih 13 buah cerpen sahaja untuk dijadikan bahan kajian. Hal ini kerana pengkaji mendapati hanya 13 cerpen tersebut sahaja mempunyai teori moral yang akan dikaji. Dalam proses pembacaan data, pengkaji telah berusaha untuk mengenalpasti watak utama dalam setiap cerpen untuk memastikan nilai kemanusiaan yang ditonjolkkan oleh watak-watak tersebut.

3.5.2 MENGENALPASTI DATA

Pemilihan data dibuat berdasarkan tiga objektif utama kajian iaitu mengenal pasti watak utama yang menampilkan nilai kemanusiaan dalam cerpen R. Karthigesu; menganalisis nilai kemanusiaan yang dimiliki oleh watak utama dalam cerpen R. Karthigesu dan membuktikan watak utama berperanan sebagai teladan kepada pembaca dan genarasi muda.

3.5.3 MENGANALISIS DATA

Pendekatan moral telah digambarkan dalam 13 buah karya cerpen yang menjadi pilihan pengkaji. Pendekatan tersebut dikaji dari segi watak utama dan nilai kemanusiaan yang ditonjolkkan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.6 KERANGKA TEORI

Pengkaji menunjukkan pendekatan moral ini melalui dua cara iaitu semasa menghuraikan peranan watak utama sebagai teladan serta semasa nilai kemanusiaan ditonjolkan oleh watak utama tersebut. Dalam aspek peranan watak utama, pengkaji mengenal pasti watak utama yang memainkan pelbagai peranan dalam masyarakat seperti bapa, guru, warga tua, anak, ibu, kakak, wanita, remaja dan suami. Pengkaji kemudiannya menganalisis nilai kemanusiaan yang dominan seperti kepimpinan, hormat-menghormati, kasih sayang, bertanggungjawab, pengorbanan, kerajinan, kesabaran, keyakinan diri dan keadilan yang terdapat dalam setiap watak utama yang dipilih. Dengan ini, pengkaji dapat membuktikan bahawa watak utama boleh berperanan sebagai teladan kepada generasi muda. Walaupun cerpenis telah menulis banyak cerpen namun hanya 13 cerpen sahaja bersesuaian dengan kajian ini. Oleh itu, 13 watak utama dalam tesis ini diambil daripada 13 cerpen karya R. Karthigesu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F



Rajah 3.2. Kerangka Teori. Dirangka berdasarkan Pendekatan Moral (Horace)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

3.7 TEORI MORAL

Kesusasteraan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada khalayak di samping turut berfungsi sebagai bahan hiburan. Antara kesedaran yang diharapkan pengkaji adalah untuk memberikan pendidikan dan pengajaran. Tanggapan pendekatan moral ialah teks kesusasteraan bukan sahaja perlu dilihat sebagai satu hasil seni tetapi lebih kepada bagaimana sastera itu melalui isi dan matlamatnya, boleh menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih baik dan sempurna. Kesusasteraan daripada sudut ini dilihat sebagai unsur yang bersifat didaktivisme, yakni yang mempunyai ideologi kearah menyampaikan pengajaran, didikan dan pembentukan akhlak yang baik.

Teori moral merupakan antara pendekatan sastera yang tertua. Jika ditelusuri sejarahnya, teori moral sudah wujud sejak zaman Greek lagi. Ahli-ahli falsafah terdahulu seperti Plato, Socrates dan Aristotle seringkali menegaskan dalam teori sastera mereka bahawa pembentukkan warga negara yang baik dapat dilakukan melalui kesusasteraan. Pendekatan moral terus digunakan dalam sastera sejak zaman dulu hingga sekarang, maka ianya berguna sebagai alat perantaraan untuk membina sahsiah manusia.

Moral dalam bahasa Latin disebut *moralis, mos, moris* atau *mores* merujuk kepada adat, istiadat, kebiasaan, cara, tingkah laku, kelakuan, tabiat, watak, akhlak ataupun cara hidup. Maksud tersebut membawa pelbagai pengertian iaitu moral dihubungkaitkan dengan kegiatan-kegiatan manusia yang dipandang sama ada baik atau buruk, benar atau salah serta tepat atau tidak tepat. Pengertian lain termasuklah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

unsur yang sesuai dengan peraturan atau prinsip yang diterima berhubung dengan yang benar, adil, cekap dan berkebajikan. Hal ini termasuk kemampuan untuk menginsafi yang benar dan salah serta mendidik seseorang dengan peraturan yang sesuai sama ada tingkah laku itu betul atau salah semasa berhubungan dengan orang lain. Dengan kata lain, moral ialah unsur mendidik dan memberi pengajaran yang mempunyai nilai yang baik atau buruk serta menjadi dasar sesebuah karya sastera.

Aspek moral melalui kesusasteraan sering dikemukakan oleh pengkritik yang be rsikap komited terhadap masyarakat atau terhadap manusia secara keseluruhannya. Para pengkritik moral berpendapat bahawa kesusasteraan sesuai dijadikan bahan untuk mengajar dan mendidik individu atau masyarakat agar menerima nilai-nilai yang baik. Oleh itu, pengkritik akan mencari nilai-nilai yang baik dalam karya sastera yang dikaji dan jika nilai yang diamati itu kurang, maka pengkritik akan menegur dan berpesan kepada pengkarya agar menghasilkan karya-karya yang bermoral pada masa akan datang. Justeru dalam pendekatan ini, sesebuah karya sastera yang baik itu harus bermoral. Dalam konteks dunia kritikan kesusasteraan, ditegaskan bahawa pendekatan moral itu berpunca dari dasar pemikiran karya sastera tanpa mengira genre yang dianggap sebagai sebagai wacana yang ampuh dan efektif dalam usaha untuk membina moral dan keperibadian sesuatu kelompok masyarakat.

Dalam kritikan sastera, pendekatan moral ini boleh dianggap sebagai pendekatan yang sudah lama digunakan. Seperti yang dibincangkan di atas, pendekatan ini digunakan sejak dari zaman Greek lagi. Ianya pernah digunakan oleh Aristotle, sementara Plato menggunakan pendekatan ini dalam membuat penilaian puisi pada zaman beliau. Sasterawan Barat berpendapat bahawa hasil kesusasteraan


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

yang baik mestilah bermutu, menggambarkan kebenaran dan memperlihatkan kesungguhan yang tinggi serta sesuai dengan iklim dan amalan masyarakat pada zaman itu. Dalam tahun-tahun 1950-an, golongan moralis merupakan golongan pengkritik yang sangat aktif. Antara tokohnya adalah seperti D.H.Lawrence, John Middleon Murray, G. Ornell, F.R. Leavis, dan T.S.Elliot. Kebanyakan mereka berpendapat kritikan moral bergantung pada nilai baik dan buruk di mata masyarakat.

Abdul Halim Ali (2003) menyatakan pendekatan moral memberi penekanan kepada isi teks yang dihubungkan dengan prinsip-prinsip moral. Sastera dari sudut ini dilihat sebagai unsur yang bersifat didaktivisme iaitu yang mempunyai ideologi ke arah menyampaikan pengajaran dan didikan ke arah pembentukan akhlak yang baik.

Pendekatan moral tergolong dalam Teori Klasik Kesusasteraan. Secara dasarnya ditemui empat teori klasik kesusasteraan. Empat teori dalam teori klasik kesusasteraan boleh dilihat melalui rajah 3.3.



Rajah 3.3. Teori Klasik Kesusasteraan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Teori moral ini diutarakan oleh Horace melalui bukunya yang berjudul *Poetica* menjelaskan bahawa karya sastera sewajarnya meninggalkan kesan pengajaran dan pendidikan kepada para pembacanya. Tanggapan teori moral ialah, teks kesusasteraan bukan sahaja sebagai satu hasil seni tetapi yang lebih penting ialah bagaimana sastera itu melalui isi dan matlamatnya boleh menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang baik dan sempurna. Kesusasteraan daripada sudut ini dilihat sebagai unsur yang bersifat didaktivisme. Yakni, yang mempunyai ideologi ke arah menyampaikan pengajaran, didikan dan pembentukan akhlak yang baik. Horace menitikberatkan unsur didaktif sebagai keperluan yang perlu ada dalam karya di samping untuk tujuan hiburan. Melakukan kritikan berasaskan teori moral bermakna pengkritik berusaha mengkaji dan menganalisis isi teks serta menilai sesuatu teks kesusasteraan dengan memberi penekanan kepada nilai-nilai moral dan kesan didaktivismenya kepada masyarakat. Dalam hal ini, tentunya teks-teks kesusasteraan yang baik dan sarat dengan persoalan perilaku masyarakat sangat sesuai dikaji menggunakan pendekatan ini. Fokus pengkritik adalah untuk berusaha menimba dan menggali nilai-nilai murni, mesej dan pengajaran yang mengandungi unsur pendidikan. Pengkritik juga akan menghubungkan isi teks dengan realiti di luar teks untuk mengukuhkan signifikasi moral yang dikritik.

Dalam zaman kegelapan Eropah, telah muncul genre *Morality Play*, iaitu menceritakan kisah-kisah nabi daripada Bible, membicarakan tanggungjawab paderi di gereja yang mengemukakan cara-cara untuk memperbaiki perangai manusia. Drama-drama ini banyak memberikan panduan kepada para pengkaji untuk membina teori nilai dan teori sastera dalam kritikan pada waktu itu ditentukan oleh isi dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

moralitinya. Teori dan aplikasi kritikan zaman itu, banyak memberikan kesan kepada pendekatan moral ini.

Pada munculnya zaman Renaissance, di mana antara kodnya, manusia mempunyai taraf yang jauh lebih tinggi daripada haiwan dan dibezakan melalui sifat taakulan dan moral. Dengan itu, karya sastera telah diarahkan bagi menghidupkan watak yang benar-benar rasional dan bermoral. Dalam usaha ini, aliran humanisme ataupun fahaman kemanusiaan tercipta. Dalam pengertian falsafah humanisme ialah suatu tanggapan di mana manusia ialah pusat kehidupan alam yang bertaraf tinggi berbanding dengan makhluk-makhluk lain. Ketinggian taraf ini ditentukan oleh moral. Moral itu pula menentukan bahawa manusia haruslah mempunyai peraturan, disiplin dan batasan. Unsur Humanisme dan moral ini sentiasa mendapat perhatian daripada para kritikawan yang berpendapat pendekatan moral wajar dijadikan sebagai dasar kritikan.

Pendekatan moral menekankan aspek idea atau isi karya sama juga dengan pendekatan falsafah. Cuma pendekatan falsafah lebih memerhatikan sistem-sistem pemikiran, ideologi dan falsafah itu tersendiri. Pendekatan moral melihat kesusasteraan sebagai moralisme. Seseorang pengkritik itu perlulah rajin membaca dan mempelajari pertumbuhan, perkembangan, perubahan dan aliran-aliran moral. Oleh kerana skop, aliran dan dunia moral adalah luas, seseorang pengkritik itu perlu boleh memahami perbezaan-perbezaan tertentu seperti moral zaman Greek dengan moral zaman Rom dan moral Barat berbeza dengan moral Timur. Demi menjaga keadilan kesusasteraan dan menjaga maruah karya sastera, seseorang pengkritik perlu dan mestilah bersikap objektif, adil dan melihat karya dengan pertimbangan yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

cukup rasional dan bertanggungjawab. Seseorang yang mengamalkan pendekatan kritikan moral harus menunjukkan sifat moralisnya dan menyungguhkan aspek-aspek moraliti yang dapat menjamin kehidupan manusia.

3.8 KESIMPULAN

Pendekatan moral dianggap sebagai salah sebuah teori yang tertua iaitu bermula dari zaman Greek sehinggalah kini. Pendekatan ini memberi penekanan terhadap isi teks yang dihubungkan dengasn prinsip moral. Teks sastera bukan sahaja berfungsi sebagai hasil seni malah boleh menyumbang kepada pembentukkan masyarakat yang baik dan sempurna. Pengkaji menilai teks kesusasteraan serta memberi penekanan kepada nilai kemanusiaan dan kesan didaktif kepada masyarakat. Hal ini bermakna pendekatan moral lebih bersifat menyampaikan pengajaran, pendidikan kearah pembentukkan akhlak yang baik. Nilai-nilai kemanusiaan yang terkandung dalam karya ini boleh diteladani oleh generasi muda kini.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini menganalisis dan membincangkan hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada kajian kepustakaan. Perbincangan akan memberikan penekanan terhadap watak utama yang terkandung dalam cerpen hasil nukilan R.Karthigesu. Tumpuan kajian akan merangkumi tiga aspek utama iaitu mengenal pasti watak utama yang menampilkan nilai kemanusiaan dalam cerpen R.Karthigesu; menganalisis nilai kemanusiaan yang dimiliki oleh watak utama dalam cerpen R.Karthigesu; dan membuktikan watak utama berperanan sebagai teladan kepada genarasi muda. Dapatan kajian yang dibincangkan dalam bab ini berdasarkan kepada objektif-objektif yang dinyatakan dalam bab satu. Cerpen-cerpen karya R.Karthigesu dikaji dan dinilai berdasarkan pendekatan moral.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

4.2 WATAK UTAMA DALAM CERPEN R.KARTHIGESU

Tidak dapat dinafikan, perjalanan cerita dan perwatakan memainkan peranan yang penting dalam sesebuah cerpen. Kebanyakan perjalanan sesebuah cerpen berpunca dan dihidupkan oleh watak cerpen tersebut. Bagi kajian ini, pengkaji telah memilih 13 buah cerpen untuk mengkaji watak utama yang berasaskan nilai kemanusiaan. Dalam cerpen R.Karthigesu, kita dapat melihat pelbagai jenis perwatakan namun hanya 13 buah cerpen sahaja mempunyai watak utama yang menonjolkan nilai kemanusiaan. Kesemua watak utama ini mempunyai keistimewaan dengan ciri-ciri yang tersendiri.

4.2.1 GURU SEBAGAI WATAK UTAMA

Guru adalah antara insan terbaik yang pernah dicipta oleh Tuhan. Guru diumpamakan sebagai lilin yang membakar diri demi menerangi dan mencahayai keselesaan dan kesenangan hidup orang lain. Begitu besar pengorbanan seorang insan yang bergelar guru. Jasa guru dalam mendidik pelajar supaya menjadi seorang yang berguna kepada agama, bangsa dan negara memang tinggi . Tidak keterlaluan jika guru diibaratkan sebagai ibu bapa kedua kepada pelajar.

Menurut Yahya Buntat dan Zainuddin Masrom (2003), matlamat utama pendidikan di Malaysia adalah untuk menampung keperluan tenaga kerja dan mencapai perpaduan negara. Hal ini dapat dicapai melalui perkembangan individu yang bersepadu dan menyeluruh dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bagi menyempurnakan hasrat Falsafah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

Pendidikan Kebangsaan ini, para guru telah diamanahkan untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik bukan sahaja dari segi penyebaran ilmu bahkan dalam pembentukan sahsiah anak didik masing-masing. Generasi yang berilmu dan berakhlak tinggi dapat melahirkan bangsa yang bertamadun. Pihak pentadbir dan perancang sentiasa mengharapkan guru agar mempunyai cita-cita unggul untuk membina masyarakat yang bertamadun tinggi.

Menurut Robiah (1998), apabila Falsafah Pendidikan Kebangsaan dihayati, guru harus sedar bahawa mereka sebenarnya memikul tanggungjawab yang amat berat. Guru perlu terus mencurahkan ilmu walaupun bukan semua pelajar mahu menerimanya. Di samping itu, mereka harus peka dengan perubahan semasa dan menyesuaikan diri secara bijak dan tangkas bagi menangani masalah pengajaran dan pembelajaran, terutamanya yang berkaitan dengan disiplin pelajar. Secara amnya, guru perlu berubah menjadi pakar atau profesional dalam segala bidang. Untuk menjadi profesional, seseorang guru harus menekankan tiga aspek penting dalam diri iaitu kepakaran, pengetahuan dan pembentukan sahsiah.

Dengan ini, kita dapat menyimpul bahawa guru sememangnya memberi impak yang besar dan mendalam dalam diri setiap individu. Dari kecil hinggalah menjawat jawatan dalam bidang pekerjaan, semua itu adalah hasil ajaran dan didikan guru di sekolah. Dunia hari ini semakin maju serta bergerak pantas dan seiring dengan era ledakan maklumat ini, guru turut tidak terkecuali merasai tempiasnya. Peranan dan tanggungjawab yang digalas oleh guru semakin mencabar seiring kehendak kerajaan dan PIPP nya yang kita semua sedia maklum.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Dalam cerpen yang dikarang oleh R. Karthigesu terdapat dua cerpen berasaskan guru. Cerpen yang pertama ialah *"ottuppul"*. Watak utama dalam cerpen ini ialah Anbarasan. Beliau merupakan seorang guru muda yang baru menamatkan pengajiannya di maktab perguruan. Apabila tamat tempoh pengajiannya, Anbarasan mendapat penempatan di sebuah sekolah Tamil yang terletak di Pulau Pinang. Beliau yang masih muda dan bujang, dilantik sebagai guru kelas tahun enam. Anbarasan mengajar mata pelajaran Matematik untuk kelas tersebut. Walaupun beliau mempunyai major dalam Matematik, namun beliau mempunyai kemampuan untuk mengajar kesemua mata pelajaran Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Anbarasan adalah seorang guru yang tidak mementingkan kekayaan dan sanggup mengorbankan masa demi kejayaan murid.

Cerpen yang kedua ialah *"tikkarru"*. Watak utama dalam cerpen ini adalah Gurunath. Dalam cerpen ini, Gurunath tinggal berseorangan di biara. Beliau bekerja sebagai guru agama maka,beliau lebih dikenali sebagai tok guru. Bagi Gurunath, harta benda dan kekayaan dunia ini tidak penting. Sejak muda lagi, Gurunath lebih mengutamakan kesucian diri dan hati kerana beliau percaya tindakan ini dapat mendekatkan dirinya dengan Tuhan. Semasa berusia 35 tahun, beliau melanjutkan pengajian dalam bidang keagamaan dimana beliau mengaji selama empat tahun. Selepas tamat pengajiannya, beliau membuka sebuah biara dan mengadakan kelas agama secara percuma kepada pelajar maktab yang berhampiran. Beliau mempunyai ilmu yang mendalam dalam bidang keagamaan. Pada waktu lapang, Gurunath suka membaca buku-buku sastera dan menimba ilmu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

4.2.2 ANAK SEBAGAI WATAK UTAMA

N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Menurut Mohamad Azhari Abu Bakar (2010), remaja didefinisikan sebagai anak muda yang berumur di sekitar 13 hingga 25 tahun. Peringkat umur ini merupakan peringkat yang mencabar kerana anak muda amat mudah terpengaruh dengan alam persekitaran dan suasana. Remaja, lebih-lebih remaja pada masa kini, selalu inginkan segala-galanya serba ideal dan indah. Kehidupan yang berwajah glamor seringkali menjadi inspirasi para remaja. Oleh itu mereka cenderung untuk mencuba melakukan sesuatu yang baru dan mudah terpengaruh dengan hiburan serta keseronokan atas dorongan nafsu diri sendiri. Naluri, nafsu, keinginan dan kemahuan merupakan pendorong untuk remaja melakukan sesuatu perkara. Penerapan nilai-nilai etika dapat membantu mereka dalam menilai baik buruk sesuatu perkara tersebut sebelum melibatkan diri. Selain itu, ianya juga dapat bertindak sebagai pendinding untuk para remaja agar tidak mudah terpengaruh dengan perbuatan yang tidak beretika. Tumbesaran remaja yang seiring dengan pengisian nilai-nilai etika dapat membentuk masyarakat yang baik dan menpunyai sahsiah yang terpuji.

Seseorang insan bukan saja memiliki upaya ilmu dan ketrampilan yang sifatnya semasa dan canggih malah ianya turut mempunyai kepentingan nilai dan etika sebagai asas pedoman. Tanpa nilai dan etika, remaja mudah kehilangan pedoman serta petunjuk tentang sesuatu yang baik atau buruk, bermanfaat atau membawa akibat buruk, halal atau haram, berguna atau sebaliknya. Hal ini kerana kehidupan dewasanya nanti akan menjadi lebih sejahtera dan baik sekirannya seseorang itu dapat menilai sesuatu perkara dengan baik (Sidek Baba, 2005).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Watak utama dalam cerpen berjudul *"uci ilai maram"* adalah seorang lelaki dewasa. Dalam cerpen ini, pengarang tidak memberikan nama kepada watak utama tersebut. Sepanjang cerpen, beliau cuma digelar 'Aku'. Beliau dilahirkan dalam keluarga yang sederhana dan merupakan anak lelaki kepada En Tubash Duraisamy dan isterinya. En Tubash bekerja sebagai penterjemah di mahkamah. Beliau adalah anak sulung dalam keluarga dan mempunyai seorang adik lelaki yang masih belajar di luar negara. Watak utama ini, belajar sehingga ke peringkat ijazah di universiti tempatan. Beliau merupakan seorang yang bijak dan cerdik dalam pendidikan. Oleh itu, beliau mendapat biasiswa daripada kerajaan untuk melanjutkan pengajiannya. Kini beliau bekerja sebagai pegawai kerajaan.

R.Karhtigesu telah memperkenalkan Muttaiya sebagai watak utama dalam cerpen *"nallavaravatum tiyavaravatum"*. Muttaiya merupakan anak sulung kepada Parvathy dan suaminya. Dia mempunyai seorang adik perempuan bernama Meena. Adiknya berumur sepuluh tahun dan belajar di tahun lima. Kedua-dua anak ini tidak mendapat kasih sayang ayahnya. Selepas Meena dilahirkan, ayah Muttaiya telah meninggalkan Parvathy dan mencari perempuan lain. Kini Muttaiya berumur 14 tahun dan belajar di tingkatan dua. Muttaiya merupakan seorang remaja yang pandai. Dia juga mendapat keputusan yang cemerlang dalam Ujian Penilain Sekolah Rendah. Pencapaian cemerlang Muttaiya membanggakan ibunya. Namun, selepas Muttaiya melangkah ke sekolah menengah terdapat banyak perubahan pada tingkahlakunya. Selain itu, pencapaian Muttaiya juga semakin hari semakin menurun. Perubahan ini disebabkan oleh pengaruh kawan yang tidak baik. Walaupun Muttaiya terjebak dengan gejala negatif, dia masih sayang dan setia pada ibunya. Pada akhir cerpen, kasih sayang inilah mengubah Muttaiya menjadi insan yang baik.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2.3 BAPA SEBAGAI WATAK UTAMA

Menurut Sidek Baba (2005), institusi keluarga terdiri daripada bapa, ibu, anak-anak dan saudara mara. Setiap anggota mempunyai peranan yang jelas dan tersendiri. Walaupun keluarga merupakan agen sosial yang terkecil dalam masyarakat, namun peranan bapa amat penting dalam melahirkan insan yang cemerlang. Di samping itu, bapa perlu bertindak sebagai agen pertama dalam pembentukan sahsiah dan penjana kecemerlangan anak-anak. Oleh hal sedemikian, setiap bapa dalam institusi keluarga mesti menjadi teladan kepada anak-anak. Bagi menjadi teladan yang baik, bapa mestilah memulakannya daripada diri mereka sendiri.

Bapa tidak boleh menjadi seperti ketam yang mengajar anak berjalan lurus. Misalnya, dari segi penampilan diri, bapa yang menjadi teladan perlu berketrampilan sopan dan tidak melanggar batasan agama dan budaya. Selain itu, sebagai ketua keluarga, bapa juga perlu menjadi pengurus yang baik, contohnya dari segi pengurusan masa, pengurusan diri sehinggalah ke pengurusan kewangan. Pepatah Melayu ada mengatakan bahawa, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi, bapa borek anak rintik, dan bagaimana acuan begitulah kuihnya. Berdasarkan cambahan minda di atas, konklusi yang dapat dibuat ialah sukar untuk menafikan bahawa kecemerlangan ibu bapa menjadi teladan yang utama untuk menjana kecemerlangan anak-anak. Hal ini seiring dengan kata-kata mantan Perdana Menteri, Tun Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi yang berhasrat menjana rakyat Malaysia menjadi cemerlang, gemilang dan terbilang dalam usaha mewujudkan negara yang maju. Hal ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa peranan keluarga ini sebenarnya memberi sumbangan dalam pembentukan sesebuah negara. Tidak keterlaluan sekiranya

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS. UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

dikatakan bahawa maju atau mundur sesebuah negara terletak di tangan ketua keluarga yang membentuk sesebuah institusi keluarga.

Dalam cerpen *"muppatu latcam perum"*, Kumaran bergelar sebagai watak utama yang bertanggungjawab sebagai ketua keluarga. Beliau mempunyai seorang anak perempuan bernama Sakunthala yang baru berusia tiga tahun. Kumaran bekerja sebagai pengurus pemasaran di sebuah syarikat yang ternama. Sejak berkahwin, beliau menanggung beban kewangan keluarga sendiri dan tidak berminat untuk menghantar isterinya untuk bekerja. Kumaran merupakan seorang insan yang rajin dan tekun. Tuah menyebelahi Kumaran, apabila pengarah syarikat ini lebih berkeyakinan dengan bakat pemasaran Kumaran berbanding pekerjanya yang lain. Justeru itu, beliau sentiasa menghantar Kumaran ke luar negara untuk mencari dan berbincang kontrak bagi pihak syarikatnya. Kerajinan yang terserlah dalam dirinya membantu menaikkan pangkat dan kedudukan beliau di syarikat tersebut.

4.2.4 KAKAK SEBAGAI WATAK UTAMA

Sudah menjadi lumrah kehidupan bahawa manusia akan terikat dengan tanggungjawab. Peranan seorang kakak juga tidak terkecuali. Menurut Saedah Ghani (1995), sebagai seorang kakak, golongan ini turut mempunyai tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara. Mereka perlu menjaga adik beradik supaya sentiasa berada dalam keadaan aman dan harmoni. Mereka juga kadang-kala bertindak sebagai 'orang tengah' dalam menyelesaikan permasalahan yang melanda keluarga. Sebagai seorang kakak yang sudah boleh berfikir secara matang, mereka selalunya mampu menerima

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

sesuatu keadaan dengan hati yang terbuka dan cuba mengendalikannya dengan tindakan yang wajar. Sikap ini menggambarkan seseorang kakak mampu melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi serta boleh dijadikan sebagai teladan.

Dalam cerpen yang dikarang oleh R.Karthigesu, terdapat sebuah cerpen yang berasaskan pengorbanan seorang kakak. Watak utama dalam cerpen *"nalaikku"* adalah Rajeshwary. Dia merupakan anak sulung dalam keluarga. Rajeshwary mempunyai seorang adik perempuan yang bernama Pathma. Ayah Rajeswary dan Pathma telah meninggal dunia semasa mereka masih kecil lagi. Mereka dibesarkan oleh ibu secara bersendirian dalam keadaan yang sederhana. Namun, mereka sekeluarga tetap hidup dengan gembira. Apabila Rajeshwary mencecah usia remaja, ibunya mencarikan jodoh dan mengahwinkan beliau. Suami Rajeswary bernama Segaran. Hasil perkahwinan mereka dikurniakan dengan dua cahaya mata. Apabila beban keluarga semakin bertambah, Segaran mengalami masalah kewangan untuk menyara keluarga. Situasi ini memaksa Rajeshwary untuk keluar bekerja di sebuah kilang. Malang tidak berbau, ibu Rajeshwary pula meninggal dunia secara mengejut akibat sakit jantung. Sejak kematian ibu, Pathma yang tinggal keseorangan di rumah mengalami masalah tekanan emosi. Rajeshwary yang menyedari hal ini, telah membawa Pathma untuk tinggal bersama keluarga Segaran. Rajeshwary memang merupakan seorang kakak yang penyayang. Beliau mengambil berat dengan keperluan adiknya, Pathma.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2.5 REMAJA SEBAGAI WATAK UTAMA

Walaupun lebih separuh abad kita menghela nafas kemerdekaan, namun remaja yang merupakan bakal tunjang negara masih terbelenggu oleh pelbagai kemelut sosial. Ternyata mentaliti remaja di negara kita belum lagi mengalami anjakan paradigma selaras dengan arus pembangunan negara. Menurut kata mutiara sarjana, "Jika ingin melihat masa hadapan sesebuah negara, lihatlah remajanya pada hari ini." Presiden Soekarno pernah mengungkap, "Berikan saya 10 orang belia waja, nescaya akan saya gegarkan dunia." Ternyatalah di sini bahawa remaja yang berkualiti dapat memperkasakan kegemilangan nusa dan bangsa. Oleh itu, setiap remaja perlu memainkan peranan mereka dengan penuh tanggungjawab untuk merencanakan visi negara.

Dalam cerpen yang dikarang oleh R.Karthigesu terdapat satu cerpen berkaitan yang boleh diteladani oleh remaja kini. Watak utama dalam cerpen berjudul "*tankac cirakukal*" ialah Senthil. Dia merupakan anak tunggal dan baru berusia 19 tahun. Senthil dilahirkan dari keluarga yang berada, namun dia tidak memperoleh kasih sayang seperti yang diharapkan daripada kedua ibu dan bapanya. Selepas menamatkan alam persekolahan, Senthil mengambil keputusan untuk keluar dari rumah tanpa pengetahuan ibu bapanya. Senthil berjaya mendapat pekerjaan di sebuah restoran sebagai tukang cuci. Senthil langsung tidak berkongsi masalah peribadi dengan rakan sekerja dan ketuanya. Senthil kekal sebagai seorang remaja yang pendiam dan berdisiplin.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.2.6 IBU SEBAGAI WATAK UTAMA

Pada alaf baru ini, ibu memberi peranan yang penting kepada masyarakat dan negara. Media cetak mahupun media elektronik sering menyiarkan isu berkaitan ibu. Ibu seringkali diberi perhatian dalam masyarakat ini terutamanya kerajaan. Perdana Menteri Malaysia ke-5, Dato Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi pernah menegaskan kepentingan untuk membentuk masyarakat penyayang. Seiring dengan saranan Perdana Mneteri, terdapat pelbagai langkah-langkah yang diambil dalam usaha untuk membentuk masyarakat penyayang.

Sehubungan dengan hal ini, ibu seharusnya memberikan kasih sayang kepada anak-anak. Namun sedemikian, terdapat ibu yang mengabaikan kehidupan anak mereka. Hal ini kerana ada ibu yang lebih mementingkan kemewahan hidup dan kekayaan. Ibu seharusnya meluangkan lebih banyak masa dengan anak-anak mereka pada alaf globalisasi ini. Setiap ibu yang ada di negara kita perlu menjadi modal insan yang dapat dicontohi, sekurang-kurangnya kepada anak masing-masing.

Dalam unsur ini terdapat dua cerpen yang boleh diteladani oleh remaja kini. Watak utama dalam cerpen *"vellaip punaiyum karuppuk kuttikalum"* ialah Parvathi. Beliau telah berkahwin dan mempunyai seorang anak lelaki yang kurang upaya. Anaknya bernama Arumugam berusia lapan tahun. Suami Parvathy bekerja sebagai pemandu lori. Walaupun suaminya bekerja keras tetapi beliau gemar membazir wang dengan tabiat meminum arak. Beliau juga tidak menanggung beban keluarganya. Oleh itu, Parvathy terpaksa bekerja sebagai tukang masak di sebuah restoran. Parvathi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

berdikari mencari rezeki bagi membesarkan Arumugam tanpa bergantung pada pendapatan suami. Walaupun Parvathi berusia muda tetapi beliau kelihatan seperti wanita tua. Kulitnya tidak berseri dan berkedut akibat daripada bekerja keras demi masa hadapan anak lelakinya.

Cerpen yang seterusnya berkaitan dengan watak ibu adalah *"makesvariyin pillai"*.Watak utama dalam cerpen ini bernama Maheswari. Beliau mempunyai dua orang cahaya mata. Anak sulungnya bernama Suganthi manakala yang keduanya bernama Jega. Walaupun Maheswari sangat sayang akan kedua-dua anaknya namun, dia terpaksa memberi lebih perhatian kepada anak keduanya. Hal ini kerana anaknya dilahirkan cacat dan menghadapi masalah tulang.

4.2.7 WARGA TUA SEBAGAI WATAK UTAMA

Dasar Warga Tua Kebangsaan mendefinisikan 'warga tua' sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Pada masa kini, dianggarkan terdapat lebih dua juta orang warga tua di Malaysia. Sungguhpun jumlah ini adalah kecil dibandingkan dengan jumlah kanak-kanak dan orang dewasa yang lain (rujuk kepada Jadual 4.1) tetapi hakikatnya bilangan warga tua di Malaysia bertambah dari tahun ke tahun.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Jadual 4.1

Peratusan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Penduduk Malaysia 1991-2010

UMUR	1991	2000	2005	2010
0-14	36.5	33.3.	32.6	31.0
15-24	19.1	19.1	18.0	17.3
25-59	38.6	41.3	42.0	42.9
60-74	4.6	5.0	5.3	5.9
75+	1.2	1.3	1.4	1.5

Jadual 4.2

Pengurusan Tempat Tinggal Individu Berumur 60 Tahun Dan Ke Atas Di Malaysia.

Pengurusan Tempat Tinggal	1991	2000
Tinggal bersendirian	5.2	7.4
Tinggal bersama pasangan	17.7	7.3
Tinggal bersama ahli keluarga	77.1	85.3
Jumlah	100.0	100.0

Jadual 4.2 menunjukkan kebanyakan warga tua di Malaysia tinggal bersama ahli keluarga mereka. Jadual ini membuktikan bahawa dalam keadaan-keadaan tertentu, pergantungan warga tua kepada ahli keluarga yang lain adalah tinggi. Senario ini adalah baik bagi menunjukkan bahawa di Malaysia, kewujudan keluarga

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

luas masih terpelihara di mana anak-anak dan saudara mara masih mengambil berat tentang warga tua.

Perubahan struktur keluarga di negara ini memerlukan sokongan warga emas, khususnya ibu bapa yang sudah bergelar datuk dan nenek supaya dapat dibangunkan secara kukuh dan seimbang. Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Tan Sri Napsiah Omar, berkata arus kemodenan negara hari ini memperlihatkan pentingnya peranan datuk serta nenek dalam sesebuah institusi keluarga.

Cerpen *"malliyum malaiyum"* menceritakan kisah kehidupan tiga beranak yang merangkumi datuk sebagai watak utama, anak lelakinya serta cucu. Datuk dan anak lelakinya tidak diberikan nama manakala cucunya dikenali sebagai Malli. Datuk merupakan bekas pegawai kerajaan yang terkenal dengan sikapnya yang gemar membaca. Datuk sentiasa mengisi masa lapang dengan membaca atau melayari internet untuk menambat ilmu berkaitan berita dan isu-isu semasa. Novel *Kalli Katu itikacam* yang dikarang oleh Vairamuthu menjadi novel kegemaran datuk. Apa sahaja yang dipelajari atau diketahui datuk akan dikongsi bersama anaknya dan Malli. Datuk mahu mendidik Malli semenjak kecil lagi dan tidak mahu cucunya hidup tanpa pengetahuan am, seperti kata pepatah 'katak di bawah tempurung.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.2.8 SUAMI SEBAGAI WATAK UTAMA

Menurut Saedah Ghani (1995), pembentukan rumahtangga yang bahagia dan teratur amat dipandang berat dan diberi keutamaan dalam masyarakat kerana rumahtangga yang sempurna dapat menjamin kelahiran generasi berguna untuk memimpin negara kelak. Suami perlu cuba mewujudkan kemesraan di dalam hubungan keluarga. Kebanyakan suami yang bergelar sebagai ketua keluarga merasakan bahawa sebahagian daripada hak, kehendak dan kebebasan diri sendiri perlu diketepikan supaya dapat hidup dengan lebih sempurna dengan pasangan masing-masing. Perkongsian hidup sebagai suami isteri memerlukan pengorbanan tanpa menjejaskan secara total kebebasan dan pengenalan seseorang suami atau isteri. Sebagai suami, mereka mempunyai tugasan sendiri di dalam dan di luar keluarga. Contohnya seperti dalam kerjaya dan tanggungjawab terhadap keluarga asal kedua-dua pihak. Kehidupan yang baik bukan sahaja bergantung kepada apa yang berlaku di dalam rumahtangga tetapi juga bergantung kepada perhubungan yang sihat dengan masyarakat luar. Oleh itu, suami memainkan peranan yang penting dalam pembentukan institusi keluarga.

Cerpen *'oru cumarana kanavan'* mengisahkan tentang kehidupan Thiagu sebagai watak utama. Thiagu bekerja sebagai pemandu lori dan beliau baru sahaja melangsungkan perkahwinan dengan wanita pilihan keluarganya, Annamah. Kerana kesusahan dan kesempitan hidup, Thiagu terpaksa keluar bekerja walaupun baru tiga hari melangsungkan perkahwinannya. Beliau kini menyewa sebuah rumah di Ayer Hitam. Walaupun kesempitan wang, Thiagu dan Annamah hidup bahagia. Mereka saling faham memahami dan hidup bersederhana.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Watak utama dalam cerpen *"rakatevatai"* ialah Magalingam. Beliau merupakan seorang penyanyi klasik yang berpengalaman dalam dunia muzik. Walaupun beliau menceburi diri dalam bidang ini sepenuh masa namun pendapatan yang diperolehi agak kurang, namun Magalingam tidak pernah terfikir untuk menyerah kalah.

4.2.9 WANITA SEBAGAI WATAK UTAMA

Menurut Ravindran Maraya (2012), dalam abad kedua puluh satu ini, prestasi dan kemajuan tidak lagi ditentukan oleh aset fizikal tetapi sebaliknya oleh seseorang insan. Kaum wanita merupakan separuh daripada penduduk dunia lantaran merangkumi setengah daripada sumber berpotensi yang mampu memacu prestasi. Hal ini diperkuat lagi oleh trend kebelakangan ini yang menyaksikan kaum wanita mencakupi sebahagian besar daripada golongan yang berpendidikan tinggi. Oleh itu, kaum wanita merupakan sumber berpotensi yang semakin penting yang mampu memikul amanah sebagai pemimpin. Dalam ekonomi sedang pesat membangun yang menghadapi kekurangan tenaga mahir berkelayakan tinggi, soal gender tidak menjadi suatu isu. Malah wanita berjaya memegang jawatan-jawatan kepimpinan berdasarkan merit dan keupayaan mereka.

Watak utama dalam cerpen berjudul *"akka makal"* ialah Saratha. Dia merupakan anak perempuan kepada Ananthan dan Maheswari. Saratha mempunyai dua adik perempuan. Umurnya lebih kurang 18 atau 19 tahun. Dia belajar sehingga ke peringkat SPM dan mencapai keputusan yang cemerlang dalam SPM. Saratha ialah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

anak yang taat dan hormat kepada ibu bapa. Sejak kecil lagi, Saratha telah kehilangan bapa akibat kemalangan jalan raya. Oleh itu, dia hanya mendapat kasih sayang ibu sahaja. Dia dilahirkan dari keluarga yang miskin. Akibat daripada kemiskinan, Saratha tidak dapat melanjutkan pengajiannya dan bekerja di sebuah syarikat swasta.

4.3 NILAI KEMANUSIAAN DALAM WATAK UTAMA

Menurut Abdullah Hussain (1980), nilai kemanusiaan dalam sastera mampu menginsafkan individu dan kelompok masyarakat. Nilai kemanusiaan ialah sifat murni yang membentuk seseorang untuk menjadi manusia yang baik terhadap dirinya sendiri, keluarga dan masyarakat. Selain itu, ia juga menjadi panduan hidup bagi melahirkan masyarakat yang berbudi, bekerjasama dan hormat-menghormati di antara satu sama lain. Pendek kata, nilai kemanusiaan ialah sifat mulia yang dimiliki dan diamalkan oleh seseorang insan akan menjadikannya manusia contoh dan ikutan sepanjang hayat.

4.3.1 NILAI TANGGUNGJAWAB

Dalam cerpen berjudul *"ottuppul"*, pengkaji telah menemui nilai tanggungjawab yang dicitrakan melalui watak Anbarasan. Cerpen ini mengisahkan tentang seorang guru yang sanggup berkorban demi kejayaan murid. Anbarasan seorang guru yang baru mula berkhidmat di sekolah Tamil. Walaupun pada awalnya, Anbarasan tidak berminat untuk menceburi bidang keguruan namun tugasan yang diberikan oleh guru

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

besar sekolah itu mengubah Anbarasan menjadi seorang guru yang bertanggungjawab. Anbarasan menukar pemikiran dan sifat keperibadiaannya seperti yang dinyatakan dalam rencana Sinar Harian 14 September 2012, "individu yang mahu bergelar seorang guru perlu sedar bahawa menggalas tugas sebagai pendidik bukan sekadar memenuhi keperluan ekonomi, malahan lebih daripada itu ia memikul amanah besar dalam melahirkan insan berkualiti untuk negara".

Beliau tidak mempunyai pengalaman mengajar tahun enam. Namun, guru besar sekolah itu telah memberi tugas kepada Anbarasan untuk menjadi guru kelas tahun enam. Beliau menerima tanggungjawab ini dengan sepenuh hati dan mula berkhidmat dengan tekun. Dalam hal pengurusan dan kepimpinan bilik darjah kebanyakan guru mempunyai persepsi yang tidak tepat kerana bagi mereka peranan kepimpinan terletak di bahu pengetua atau pentadbir sekolah. Namun, persepsi ini diperbetulkan oleh Anbarasan sebagai guru kelas, seperti yang disarankan oleh Blase dan Blasé (1998) bahawa asas kejayaan sebuah sekolah yang berjaya bukannya disebabkan oleh pemimpin guru besar tetapi disebabkan oleh kordinasi para guru selaku pemimpin pengajaran. Pendapat ini telah pun difahami oleh Anbarasan. Oleh sebab itu, beliau tahu membezakan peranan antara pengetua sekolah dengan gurunya dimana guru berperanan sebagai pemimpin pengajaran dan pengetua sebagai penyelaras sahaja.

Pada hari pertama, Anbarasan mengumpul maklumat peribadi murid kelasnya. Mengikut pemerhatian Anbarasan, di dalam kelas itu terdapat 18 orang pelajar. Kesemua murid itu tinggal di ladang berhampiran. Murid-murid ini tidak menunjukkan minat yang mendalam terhadap pelajaran. Mengikut pemerhatian beliau

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

melalui proses pengajaran dan pembelajaran, hanya sepuluh murid sahaja yang boleh lulus dalam kesemua mata pelajaran. Bagi mencapai sasaran itu, Anbarasan perlu berusaha bersungguh-sungguh. Beliau tidak berputus asa dengan kelemahan muridnya, malah mengambil ini sebagai satu cabaran. Sebelum Anbarasan memulakan aktiviti pecutan akhir Ujian Penilaian Sekolah Rendah, beliau telah mengagihkan pelajarnya kepada tiga kumpulan iaitu pandai, sederhana dan lemah. Ilmu psikologi pendidikan yang dipelajari oleh Anbarasan telah diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Anbarasan digambarkan sebagai seorang guru kelas yang pandai menguruskan anak murid dengan penuh strategik. Anbarasan mempunyai kesanggupan diri untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna. Menurut Sheiller, Pam dan Bryant, Tamera (2002) tanggungjawab adalah perilaku yang menentukan seseorang bereaksi terhadap situasi setiap hari yang memerlukan beberapa keputusan. Sikap sebegini telah ditonjolkan oleh Anbarasan di dalam bilik darjah beliau.

Tanggungjawab Anbarasan sebagai guru kelas dilaksanakan dengan sempurna. Kini beliau mengambil langkah yang seterusnya bagi menjayakan anak muridnya, Anbarasan telah merancang aktiviti seperti Pecutan Akhir Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan kelas tambahan. Beliau mengajar dan mendidik murid tanpa mengira masa, tenaga serta wang ringgit. Anbarasan boleh diibaratkan sebagai lilin yang membakar diri demi memberi didikan terbaik kepada pelajarnya. Beliau sedar bahawa tanpa usaha dan pengorbanan guru, tidak mungkin pelajar dapat mencapai kejayaan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

yang cemerlang. Oleh itu, beliau melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan penuh semangat.

> "Anbarasan mendapati sepuluh daripada lapan belas pelajarnya mampu lulus dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah tahun ini. Namun, bagi mencapai hasrat ini, beliau perlu berusaha lebih gigih dengan mengadakan kelas tambahan pada waktu malam" (*ottuppul 2001:133*).

Menurut situasi di atas, Anbarasan merancang untuk mengadakan kelas tambahan pada waktu malam. Bukan sahaja cadangan ini tidak mendapat sokongan daripada rakan sekerja malah mereka memberi banyak alasan yang tidak munasabah bagi membatalkannya. Namun, Anbarasan berpegang teguh dengan prinsip beliau dan meneruskan program kelas malam ini. Bagi melaksanakan program ini, Anbarasan telah merancang dan menyediakan kertas kerja serta menyerahkan kepada guru besar. Kertas cadangan yang diserahkan oleh Anbarasan telah dipersetujui oleh guru besar. Anbarasan kemudiannya, mengumumkan tentang program ini kepada waris dan penjaga murid tahun enam.

Pada hari pertama, hanya enam murid sahaja yang hadir ke kelas malam itu. Anbarasan yang tidak berpuas hati dengan kedatangan yang rendah, mengambil keputusan untuk berjumpa dengan waris dan penjaga murid di rumah masing-masing untuk mengetahui punca masalah ini. Pada pandangan Anbarasan, tanggungjawab guru bukan sekadar mengajar namun perlu turut mengetahui perkara yang berlaku di persekitaran murid.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Hasil perbincangan dengan waris, Anbarasan mendapati mereka tidak berminat untuk menghantar anak ke kelas malam. Bagi waris, kelas ini tidak memberi apa-apa manfaat. Anbarasan tidak berputus asa malah mengambil peluang ini untuk menerangkan tujuan kelas tambahan tersebut diadakan. Situasi ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:-

Perbualan ini berlaku antara Anbarasan dan bapa Gayathiri.

> "Saya sebenarnya mengadakan kelas tambahan ini untuk melatih Gayathiri dan rakan sekelasnya agar lebih bersedia untuk menghadapi Ujian Penilaian Sekolah Rendah pada tahun ini. Latihan yang diberikan semasa waktu persekolahan biasanya tidak mencukupi. Oleh sebab itulah, saya mengadakan kelas malam ini."
>
> Bapa Gayathiri berfkir sejenak dan kemudiannya menjawab Anbarasan. "Sebenarnya, saya takut untuk menghantar Gayathiri ke kelas malam. Lagipun, Gayathiri seorang gadis yang masih kecil" *(ottuppul 2001:136).*

Anbarasan sedar bahawa tanggungjawabnya bukan setakat mendidik pelajar malah perlu memberi kesedaran tentang kepentingan pendidikan kepada ibu bapa yang tinggal di ladang. Pendidikan mempunyai impak yang besar ke atas pelbagai peluang kehidupan manusia untuk memperolehi dan meningkatkan kualiti kehidupan. Menurut Affizal Ahmad (2008), pendidikan boleh menjelaskan keupayaan seseorang individu dalam mengurus hidup yang berkualiti kerana faktor ekonomi dan sosial bergantung kepada pendidikan yang diterima. Pendidikan berkualiti sangat efektif bagi menentang kemiskinan, membina demokrasi, dan membentuk masyarakat yang sejahtera. Ia juga memberi kuasa kepada individu untuk bersuara, mendedahkan potensi, menunjukkan jalan ke arah penyempurnaan diri, serta meluaskan pandangan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

dan pemikiran individu kepada dunia tanpa sempadan. Melalui pendidikan, individu berupaya membina keyakinan diri untuk berhadapan dengan dunianya, menikmati kemudahan yang ada dipersekitaran, serta memahami diri sendiri. Pendidikan bertindak sebagai pemangkin kesejahteraan hidup dengan cara memimpin individu ke arah sumber-sumber ekonomi yang mantap, keupayaan kawalan diri, dan kestabilan hubungan sosial. Pendidikan yang berkualiti ini adalah satu konsep yang dinamik, berubah, dan berkembang mengikut masa serta berubah dalam konteks sosial, ekonomi, dan persekitaran setempat. Sebagaimana yang dinyatakan dalam petikan di atas, Anbarasan turut menegaskan perkara yang sama. Menurut beliau tanpa pendidikan yang sempurna mustahil untuk kanak-kanak yang tinggal di ladang keluar dari kelompok kemiskinan. Cuma pendidikan dapat menjamin masa hadapan dan taraf kehidupan anak-anak.

Segala usaha dan impian Anbarasan mula berhasil seperti mana yang dirancang olehnya. Para ibu bapa bersetuju dengan cadangan Anbarasan dan mula menghantar anak mereka ke kelas malam. Dalam hal pembelajaran, Anbarasan menyedari hakikat bahawa perkembangan diri kanak-kanak sebenarnya tidak sama antara satu sama lain. Oleh yang sedemikian, Anbarasan melayan murid-murid itu mengikut keperluan psikologi masing-masing. Semua perancangan Anbarasan yang melibatkan aktiviti, kandungan, pemilihan bahan, strategi pengajaran dan sebagainya sesuai dengan perkembangan diri kanak-kanak ketika itu. Anbarasan memikirkan tentang tahap kemampuan berfikir, pembinaan konsep-konsep, keperluan mewujudkan suasana konkrit daya ingatan dan sebagainya yang sebenarnya sentiasa melibatkan proses pembelajaran. Menurut prinsip ini, mengajar seseorang kanak-kanak tentang sesuatu yang baru akan memakan masa yang panjang daripada

mengajar seseorang kanak-kanak tentang sesuatu yang bersesuaian dengan kemampuannnya. Hal ini bermaksud bahawa faktor kemampuan dan kematangan dalam pembelajaran adalah penting. Biasanya anak murid Anbarasan mempunyai motivasi yang lebih tinggi untuk belajar.

Anbarasan sedar bahawa pembelajaran harus berasaskan minat, umur, kecenderungan, keupayaan mental, emosi dan sosial murid. Kandungan pengajaran yang dirancang oleh Anbarasan telah diperingkat-peringkatkan, disusun atur dan disampaikan mengikut keperluan anak muridnya. Anbarasan juga telah mengambil kira tentang prinsip-prinsip pembelajaran yang lain melibatkan pergerakan daripada yang mudah kepada yang lebih kompleks, daripada yang di dalam pengalaman kepada yang di luar pengalaman, daripada yang dekat kepada yang jauh dan sebagainya.

Anbarasan telah mengaplikasikan teori kognitif yang dipelajarinya dalam bilik darjah. Beliau sedar bahawa teori ini amat penting dalam perkembangan minda anak muridnya. Secara umum, Anbarasan sedar bahawa teori pembelajaran kognitif merupakan satu teori yang sangat penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid. Teori ini menekankan proses kognitif bagi menghasilkan perubahan tingkah laku dalam pembelajaran. Selain itu, ia juga satu cara pembelajaran yang menggunakan pengalaman sedia ada untuk memikirkan cara penyelesaian masalah yang dihadapi. Teori pembelajaran kognitif ini sangat menitikberatkan pengetahuan dan pengalaman yang sedia ada pada murid-murid untuk proses pembelajaran. Dengan adanya teori pembelajaran kognitif ini, ia secara langsung memberikan implikasi kepada proses pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak. Anbarasan juga turut mengamalkan segala teknik yang dinyatakan dalam teori ini kepada anak

muridnya. Implikasi penggunaan teori pembelajaran kognitif bagi Anbarasan ialah merangsang ingatan anak muridnya. Dalam pembelajaran kognitif, ia lebih kepada penggunaan pengalaman yang sedia ada bagi membantu dalam proses pembelajaran (Mahmood Nazar Mohamed, 1990).

Pengkaji dapat melihat dengan jelas, nilai tanggungjawab yang cuba ditonjolkan oleh pengarang melalui watak Anbarasan. Tanggungjawab Anbarasan tidak terbatas di bilik darjah sahaja malah lebih daripada itu. Anbarasan telah melibatkan diri dalam semua aspek berkaitan urusan rasmi peribadi, murid dan sekolah. Kejayaan sesebuah sekolah amat bergantung kepada kebolehan guru untuk melaksanakan setiap tanggungjawab yang diamanahkan dengan sempurna. Kesimpulannya, tanggungjawab sebagai seorang guru bukan suatu amanah yang mudah, namun ianya bukan sesuatu yang mustahil seperti yang ditonjolkan oleh Anbarasan.

Cerpen yang kedua berkaitan nilai bertanggungjawab ialah *"tikkarru"*. Tanggungjawab Gurunath bukan sahaja terbatas dalam lingkungan tempat ibadat sahaja, namun turut melibatkan tugasan agama dan sosial yang dapat meninggikan taraf kehidupan masyarakat dari segi pengetahuan, kesihatan dan sebagainya. Gurunath bertanggungjawab untuk menyampaikan ilmu dan pengetahuan keagamaan kepada anak murid beliau. Mengikut pandangan Gurunath agama merupakan fenomena penting dalam kehidupan manusia. Beliau memberi pendedahan kepada anak muridnya bahawa agama bukan sahaja membantu manusia untuk mengenal Tuhan, tetapi juga memberi kesejahteraan hidup. Gurunath sentiasa menekankan pernyataan ini kepada anak muridnya dalam setiap kelas agama.

Gurunath juga sentiasa menekankan konsep-konsep moral yang lain seperti mematuhi ketepatan masa, mendisiplinkan diri dan cara berdoa serta melakukan pooja dengan betul. Bagi Gurunath ini merupakan salah satu pengajaran yang agak penting untuk diturunkan ke generasi yang semakin berjauhan dengan kerohanian. Melalui pengajarannya Gurunath berharap agar dapat menukar cara pemikiran anak muridnya. Kelasnya juga telah menarik minat ramai golongan muda yang sebelum ini mempunyai kehidupan yang tidak terurus. Banyak di antara mereka yang berubah selepas mendapat pendedahan daripada Gurunath. Melalui kelas agama ini kebanyakkan anak murid meluangkan masa dengan aktiviti kerohanian yang berfaedah. Beliau juga mengambil kesempatan ini untuk berkongsi hikayat *bakti ilakkiyam* bersama mereka. Secara tidak langsung Gurunath berjaya menyebarkan ilmu kesusasteraan Tamil kepada generasi di bawahnya. Perbuatan Gurunath turut menjamin keteruslangsungan sastera Tamil. Bagi Gurunath, beliau cuma menjalankan tanggungjawabnya untuk mendidik generasi muda di kampungnya.

Tanggungjawab Gurunath bukan sahaja setakat menyampaikan ilmu kerohanian kepada anak murid sebaliknya beliau juga mengajar teknik melakukan yoga kepada mereka. Gurunath menjelaskan kepada anak muridnya bahawa Yoga adalah antara senaman yang efektif untuk menghilangkan segala tekanan yang membelenggu pada diri seseorang pelajar. Disiplin yang diajar oleh beliau pada senaman Yoga membantu anak muridnya sentiasa tenang. Senaman ini juga menjaga pernafasan. Secara tidak langsung, ia akan melatih anak muridnya sentiasa tenang jika menghadapi apa-apa cabaran dan dugaan yang mendatang. Sikap panas baran juga dapat dikikis secara berperingkat. Ramai pelajar pada masa kini tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran. Akibat daripada ini pencapaian mereka juga

akan terjejas. Masalah sebegini juga dihadapi oleh anak muridnya. Gurunath menjelaskan kepada anak muridnya bahawa Yoga bukan sahaja senaman yang melibatkan fizikal, malah juga menuntut kekuatan mental. Senaman Yoga memerlukan anak muridnya untuk sentiasa tenang dan kosongkan fikiran untuk melakukannya. Jelas ia dapat membantu dan melatih anak muridnya meningkatkan tahap kosentrasi untuk sentiasa fokus dengan sesuatu yang mereka lakukan. Dengan ini jelaslah bahawa Gurunath merupakan jurulatih yang bertauliah untuk memantau senaman tersebut.

Saban hari Gurunath bertanggungjawab untuk mengadakan pooja. Malam sebelumnya beliau akan menyediakan semua bahan yang diperlukan untuk pooja sebelum tidur. Beliau bangun seawal pukul empat pagi untuk menyediakan dan memulakan poojanya. Sebagai seorang tok guru banyak pengorbanan terpaksa dilakukan oleh Gurunath. Beliau terpaksa mengorbankan tidurnya demi memastikan setiap pooja dilakukan pada waktu yang tepat. Sikap tanggungjawab ini amat berbeza berbanding dewasa kini yang semakin kurang meluangkan masa untuk aktiviti kerohanian. Mereka cuma berdoa apabila inginkan sesuatu.

Bagi Gurunath agama adalah pegangan yang harus ada dalam diri setiap manusia. Tanpa pegangan agama, maka akan goyahlah kehidupan manusia. Peranan agama yang paling dominan adalah dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan manusia. Pegangan agama juga boleh menjadi asas kepada ketamadunan dan acuan kepada latar budaya masyarakat. Gurunath mempertimbangkan hal-hal ini dan melaksanakan tanggungjawabnya dengan sempurna.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kedua-dua watak utama dalam cerpen ini mempunyai matlamat untuk memajukan taraf kehidupan anak murid masing-masing. Walaupun berdepan dengan pelbagai rintangan, namun sikap tak ingin mengalah berjaya menjadikan mimpi mereka menjadi realiti. Kenyataan ini turut disokong oleh Varatharasanar (1949) dalam buku falsafah *'Tirukkural'*. Menurut beliau, seseorang yang ingin maju dalam hidup perlu menyemai keinginan yang tinggi untuk berjaya di dalam hati.

வெள்ளத் தனைய மலர்நீட்டம் மாந்தர்தம்
உள்ளத் தனையது உயர்வு (குறள் 595)

Vellat tanaiya malarnittam mantartam
Ullat tanaiyatu uyarvu (Kural 595).

Selaras dengan kuplet di atas, keinginan untuk melihat anak murid berjaya inilah yang mendorong sifat bertanggungjawab seorang guru kepada murid seperti yang ditonjolkan secara langsung melalui watak utama. Guru yang digambarkan dalam kedua-dua cerpen ini ialah seorang yang berani bertanggungjawabnya dan berusaha sebaik mungkinberdasarkan potensi diri dengan semaksima mungkin. Dengan ini pengkaji dapat merumuskan bahawa guru yang digambarkan dalam kedua-dua cerpen ini adalah seorang guru yang bertanggungjawab kerana memenuhi segala keperluan anak muridnya dengan menjayakan mereka dalam pendidikan. Watak utama ini digambarkan memiliki nilai kemanusiaan yang tinggi. Menurut teori moral, kemuliaan sesebuah karya sastera adalah disebabkan oleh adanya nilai kemanusiaan yang menjadi tulang belakang karya tersebut. Karya yang baik haruslah bermoral dan ketinggian sesebuah karya pula bergantung kepada ketinggian moralnya

(Mana Sikana, 2003:94). Sehubungan itu, nilai bertanggungjawab akan melahirkan individu yang berketrampilan yang berupaya mencapai kesejahteraan diri, memiliki sifat ketenangan, kekuatan diri dalam menghadapi cabaran hidup. Individu yang bertanggungjawab akan dapat melaksanakan amanah terhadap diri sendiri, keluarga, masyarakat dan Tuhan.

4.3.2 NILAI HORMAT MENGHORMATI

Dalam hasil karya R. Karthigesu terdapat dua cerpen yang boleh dicontohi oleh anak-anak masa kini bagi mempelajari nilai hormat menghormati. Kedua-dua watak utama dalam cerpen ini adalah anak sulung kepada ibu bapa mereka. Bagi mereka, ibu bapa merupakan insan yang paling rapat dan dihormati kerana mereka banyak berkorban dalam membesarkan dan memberi didikan. Walaupun berada dalam kesusahan, ibu bapa tidak pernah meminta serta mengharapkan balasan atau bayaran terhadap semua penat lelah, pengorbanan dan kasih sayang yang diberikan. Segala jasa dan pengorbanan yang dilakukan oleh ibu bapa dikenang selalu oleh watak 'Aku' dan Muttaiya. Nilai-nilai yang ditonjolkan oleh watak utama dalam kedua-dua cerpen ini perlu dicontohi oleh anak-anak muda kini. Pada era ini, terdapat ramai anak yang tidak menghormati ibu bapa mereka. Perkara ini amat serius terutamanya di negara Barat yang mengalami kepincangan dalam sistem sosial dan kekeluargaan. Anak-anak telah hilang rasa hormat, sering bercakap dengan nada tinggi dan kasar, bahkan ada yang berani memukul kerana tidak sependapat atau berselisih faham. Hal ini amat bertentangan dengan sikap yang ditonjolkan oleh watak utama dalam kedua-dua cerpen ini.

Dalam cerpen *"uci ilai maram"*, watak bernama 'Aku' telah menunjukkan nilai hormat-menghormati dalam pelbagai situasi yang berlainan. Sebelum menghuraikan situasi-situasi tersebut, pengkaji menyedari bahawa ibu bapa beliau adalah punca utama bagi melahirkan nilai hormat menghormati dalam diri 'Aku'. Ibu bapa 'Aku' sedar bahawa nilai hormat-menghormati amat penting untuk memastikan anak-anak mereka hidup dalam keadaan aman dan damai. Tidak mustahil jika rasa hormat dalam diri hilang, maka masyarakat negara kita akan menjadi hura-hara disebabkan pergaduhan dalam masyarakat. Sekiranya masalah sebegini wujud maka anak-anak mereka turut akan menjadi mangsa kejadian. Oleh yang sedemikian, hal ini telah pun dititikberatkan oleh ibu bapa 'Aku' dan mereka mengamalkan nilai hormat-menghormati dalam kehidupan seharian. Sejak kecil lagi, ibu bapa 'Aku' telah memupuk nilai hormat-menghormati dalam diri 'Aku', bak kata pepatah "meluntur buluh biarlah daripada rebungnya". Hal ini menggambarkan peranan ibu bapa 'Aku' dalam mencorakkan anak. Oleh yang sedemikian, ianya menjadi satu budaya yang dibawa sehingga 'Aku' menjadi dewasa. Dalam cerpen ini, ibu bapa 'Aku' turut telah menjadi contoh yang baik kepada anak kerana tabiat mereka menjadi ikutan watak utama. Tanpa mengira tempat sama ada di dalam atau di luar rumah, ibu bapa 'Aku' tidak pernah lupa untuk menonjolkan sifat hormat menghormati sesama jiran, keluarga dan orang sekeliling. Secara langsung ini akan memberikan pengaruh positif kepada 'Aku'.

'Aku' merupakan seorang anak yang menghormati adat resam dan budaya Hinduisme. Bapanya Tubash Duraisamy merupakan seorang insan yang mencintai bahasa Tamil. Beliau menunjukkan minat yang ketara dalam bidang kerohaniaan dan keagamaan. Beliau juga sanggup berkorban demi memajukan bangsanya. Ayah 'Aku'

mempunyai pengetahuan yang luas tentang latar belakang Hinduisme, perkembangan bahasa dan bangsanya. Segala pengetahuan bapanya diturunkan kepada 'Aku'. 'Aku' juga menghomati bahasa ibunda seperti ayahnya. Bagi 'Aku' pengetahuan sejarah perlu diketahui, difahami dan dihayati sepenuh hati. Hal ini kerana ia membantu ke arah menanam dan mengembangkan kesedaran dan kebanggaan bangsa. Di sini 'Aku' bukan sahaja menunjukkan minat dalam bahasa dan kesusasteraan Tamil, namun 'Aku' turut menhormati serta mengamalkan segala unsur nilai murni yang dipelajarinya dalam kehidupan harian. Dengan mempelajari sejarah dan perkembangan Bahasa Tamil, ianya menimbulkan rasa sayang dalam diri 'Aku' dan mendedahkan 'Aku' kepada semangat kesetiaan, rasa kesyukuran serta sedia berkorban untuk mempertahankan bangsa. Di samping itu juga, intipati sejarah kesusasteraan bahasa Tamil membantu golongan muda seperti 'Aku' memahami dan menghargai perjuangan dan kemajuan yang telah dicapai oleh bangsa Hindu. Kesedaran yang mendalam tentang perlunya mengetahui adat resam, latar belakang kesusasteraan Tamil inilah yang menyebabkan 'Aku' menuntut pelajaran di sekolah Tamil. Sikap 'Aku' yang hormat dan taat terhadap bahasa Tamil telah digambarkan dalam situasi ini.

> "Bilangan golongan masyarakat India di negara Malaysia yang menghormati dan mematuhi adat resam Hinduisme semakin menurun. Golongan ini lebih terpengaruh dengan budaya barat. Walaupun kebanyakan pola kehidupan masyarakat India berubah namun, 'Aku' dan keluarganya masih berpegang teguh dengan adat resam dan kepercayaan keturunan Hindu. Sumbangan ikhlas mereka kepada Saivisme dan bahasa Tamil turut dilanjutkan"*(uci ilai maram 2003:10).*

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Walaupun selepas kematian Tubash Duraisamy watak 'Aku' tidak pernah terlupa akan ajaran bapanya. Segala yang dipelajari masih segar di fikiran 'Aku'. Sejak di bangku sekolah sehingga melangkah ke universiti, 'Aku' tidak pernah lalai dalam pelajaran. Bagi 'Aku' tugasnya buat masa ini adalah untuk belajar bersungguh-sungguh sahaja. Berkat usaha 'Aku' membuahkan hasil apabila 'Aku' dianugerahkan biasiswa sebagai pelajar cemerlang. Kejayaan ini mampu dijulang 'Aku' kerana 'Aku' menghormati nasihat yang diberikan oleh ibu dan bapanya. 'Aku' beranggap bahawa nasihat ibu bapa patut diikuti tanpa bantahan sehinggakan hasrat untuk mencari pasangan hidup turut diberi kepercayaan sepenuh oleh 'Aku' kepada ibunya. Apabila ibunya memperkenalkan Manggaiyarkarasi sebagai bakal isterinya, 'Aku' langsung tidak membantah, malah menerima Manggaiyarkarasi sebagai pasangan hidup dengan sepenuh hati. Bagi 'Aku' keputusan yang diambil ibunya adalah keputusan yang paling baik. Melalui perbincangan ini, kita dapat melihat dengan jelas bagaimana 'Aku' mempraktikkan nilai hormat menghormati. Walaupun sudah bergelar graduan, 'Aku' tidak pernah mengabaikan atau memperlekehkan nasihat ibunya.

Dalam situasi terakhir ini, kita turut dapat melihat sifat menghormati terhadap perasaan dan pandangan orang lain yang ditonjolkan oleh 'Aku'. Ibunya tersilap apabila beranggapan adik 'Aku' akan menerima pasangan hidup pilihannya seperti 'Aku'. Adik 'Aku' membantah cadangan ini, malah beliau mempunyai pilihan tersendiri. Tindakan adik mengguriskan hati ibunya. Namun, 'Aku' bertindak sebaliknya. Tanpa memarahi adiknya, 'Aku' menasihati ibunya untuk menerima keputusan yang diambil oleh adiknya. 'Aku' turut memujuk ibunya agar tidak memarahi atau memusuhi adiknya. Petikan ini membuktikan pernyataan diatas.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

> "Saya tidak pernah bercinta, jadi saya tidak tahu apakah akibatnya. Namun begitu, saya tidak boleh menghalang adik daripada bercinta. Saya tidak tahu siapakah gelaran gadis pilihan hatinya, tetapi saya yakin adik akan mengambil keputusan dan pilihan yang baik", kata Aku *(uci ilai maram 2003: 14).*

Cerpen kedua yang membincangkan nilai hormat menghormati ialah *"nallavaravatum tiyavaravatum"*. Dalam cerpen ini, kita dapat melihat perbezaan sifat watak utama ketika beliau mendengar nasihat ibunya dan ketika beliau lalai dan leka akibat pengaruh rakan sebaya. Muttaiya mampu menjadi pelajar cemerlang ketika di peringkat sekolah rendah berkat sifatnya yang menghormati dan taat nasihat ibunya. Namun, ini berubah sama sekali apabila Muttaiya berada di sekolah menengah. Akibat pengaruh rakan yang nakal, Muttaiya mula ketinggalan dalam pelajaran dan sifat hormat menghormati yang diamalkan sebelum ini semakin pudar. Jelas kelihatan bagaimanakah hala tuju masa hadapan Mutaiyya ketika beliau berada di bawah bimbingan ibunya dan ketika beliau berada di bawah pengaruh kawan. Walaupun Muttaiya pernah bergelar sebagai pelajar pintar, namun dia masih memerlukan tunjuk ajar ibunya dalam menentukan perkara yang baik dan tidak baik. Akibat daripada pengaruh rakan sebaya, Muttaiya tidak menghormati nasihat ibunya. Tindakan yang kurang matang ini sedikit sebanyak menjejaskan masa hadapan Muttaiya.

Remaja dalam generasi kini beranggapan bahawa mereka betul dalam semua perkara. Jadi apabila ada ibu bapa yang menegur atau menasihati anak-anak mereka, ada di antara remaja yang memandang serong, bahkan mengejek ibu bapa sendiri. Perkara ini berbeza dengan Muttaiya. Walaupun Muttaiya mempunyai pelbagai

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

masalah disiplin di sekolahnya, namun sikap kasih sayang dan hormat akan ibunya masih berbaki.

> "Semua orang sedia maklum yang Kesavan merupakan seorang remaja yang jahat. Ibu masih tidak faham kenapa engkau masih rapat dengan orang sebegini. Ibu bimbang dia akan membawa engkau ke jalan yang salah" (*nallavaravatum tiyavaravatum 2001:27)*

Pada satu hari, ibu Muttaiya terserempak dengan anaknya yang sedang melepak di sebuah kedai. Ibunya terperanjat kerana waktu itu merupakan waktu persekolahan. Kebimbangannya mengenai Kesavan menjadi nyata, apabila dia turut melihat Kesavan bersama Muttaiya. Ibunya lantas menyorok dari pandangan mereka dan bercadang untuk menanyakan perkara ini kepada Muttaiya kelak.

> "Di manakah kamu berada semasa waktu persekolahan hari ini", tanya ibu Muttaiya. "Err...saya di sekolah..err..saya belajar macam biasa...," gugup Muttaiya. (*nallavaravatum tiyavaravatum 2001:28)*

Ibunya yang tahu akan situasi sebenar, marah dan mula memukul Muttaiya menggunakan sebatang kayu. Muttaiya menerima pukulan demi pukulan yang hinggap ke badannya sambil merayu agar dimaafkan dan dilepaskan. Kita dapat melihat bagaimana Muttaiya menerima hukuman yang dijatuhkan ibunya tanpa melawan walaupun sedikit. Hal ini membuktikan bahawa sifat sayang dan hormat pada ibunya masih ada pada Muttaiya. Situasi yang sama tidak boleh dilihat pada remaja kini. Pantang dimarahi, ditegur atau dipukul, ada remaja yang bertindak ganas.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Berita di bawah menjadi contoh yang paling baik untuk menerangkan situasi diatas. Berita Harian bertarikh 5 April 2014 ada melaporkan berita mengenai pertengkaran seorang ibu dan anak lelakinya yang berkaitan pembelian telefon pintar, berakhir dengan tragedi apabila wanita itu mati ditikam anaknya. Ketua Polis Miri, ACP Gan Tian Kee, berkata polis menahan remaja berusia 18 tahun itu untuk membantu siasatan selepas menemui mayat wanita berusia 43 tahun itu di dalam keretanya di tempat letak kereta berhampiran sebuah gelanggang tenis. Beliau berkata, polis turut menemui pisau yang disyaki digunakan untuk membunuh wanita itu yang bertugas sebagai guru tuisyen, di dalam kereta itu. Polis menganggap kes bunuh ini selesai. Pertengkaran wanita dan anak lelakinya berpunca daripada keengganan ibu suspek membeli telefon pintar untuk anak lelakinya yang tidak bekerja itu (Berita Harian, 5 April 2014).

Melalui berita ini, kita dapat melihat bahawa hal yang kecil boleh menjadi serius sehingga menyebabkan kematian. Walaupun mengejutkan, namun berita-berita seperti ini sering terpampang di dada akhbar. Hal ini berbeza dalam situasi Muttaiya. Dalam cerpen ini, Muttaiya dipukul agak teruk oleh ibunya. Namun, Muttaiya langsung tidak melawan atau memberontak. Dia sebaliknya meminta maaf serta berjanji akan insaf. Tindakan Muttaiya membuktikan bahawa dia masih menghormati ibunya.

Kesimpulannya, watak utama dalam kedua-dua cerpen ini mengamalkan sikap saling hormat menghormati. Kita dapat melihat sikap ini ditonjolkan dalam dua perwatakan yang berbeza, yakni watak 'Aku' yang menggambarkan diri sebagai anak yang taat dan watak Muttaiya yang bermasalah. Walaupun mempunyai perwatakan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang berbeza, R.Karthigesu berjaya menonjolkan nilai hormat menghormati antara dua watak utama cerpen ini.

4.3.3 NILAI KASIH SAYANG

Kasih sayang antara ahli keluarga terutamanya antara bapa dengan anak adalah kasih sayang yang istimewa kerana ia diperkukuhkan dengan pertalian darah yang sama. Cerpen berjudul "*muppatu Latcam perum*" ini menggambarkan nilai kasih sayang seorang bapa terhadap anaknya Sakunthala. Kumaran berkhidmat di sektor swasta, yang kadangkala beban tugas memaksa Kumaran untuk berjauhan dengan keluarga. Setiap kali berpisah sementara dengan Sakunthala, Kumaran akan berasa sedih. Namun, Kumaran terpaksa ke luar negara atas urusan rasmi syarikat. Semasa berada di luar negara, kerinduan Kumaran kepada Sakunthala memuncak. Walaupun agak sibuk dengan perniagaan, beliau tetap teringat akan telatah Sakunthala. Antara kenangan manis yang sentiasa dikenang ialah semasa Sakunthala menyanyikan lagu yang dipelajari di Taska. Hal ini dapat dibuktikan dalam teks seperti di bawah:

> "Pada minggu lepas, Sakunthala mempelajari sebuah lagu yang baru di Taskanya.Dia menyanyikan lagu *"If you are happy and you know it.."*, dengan penuh kegirangan kepada Kumaran." (*muppatu Latcam perum* 2003: 96)

Kenangan sebegini menjadi penawar bagi kerinduaan di hati Kumaran. Beliau juga kerap tersenyum bersendirian mengenang segala kenakalan Sakunthala. Sifat kesabaran dan kesayangan seorang ayah kepada anaknya menjadi teras dalam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

membina hubungan yang intim antara anak beranak ini. Pada zaman kini, ketua keluarga yang bergelar sebagai bapa telah melupakan adat dan kasih sayang yang perlu diamalkan dalam keluarga dan hanya sibuk dengan pekerjaan dan mengumpul kekayaan sahaja. Dalam hal Kumaran perkara ini agak berbeza. Istana yang dibina oleh beliau dipenuhi dengan kasih sayang. Bagi Kumaran rumah menjadi asas menjalin kasih sayang dan keharmonian.

Sementara Sakunthala yang dilahir dalam ikatan perkahwinan juga diberi kasih sayang, penjagaan rapi, pendidikan, tempat bergantung dan perlindungan yang selamat. Sakunthala berasa selamat dan tenteram dibawah jagaan bapa yang bertanggungjawab serta mendapat kasih sayang yang penuh. Keluarga adalah dunia kecil yang harmoni dan dapat membentuk ahli masyarakat. Menurut kajian ahli psikologi Arnold Gesell (2008), beliau mendapati tingkah laku manusia berkembang mengikut peringkat kematangan biologi. Perkembangan tingkah laku seseorang kanak-kanak itu berkembang mengikut persekitaran dan asuhan dalam sesebuah keluarga. Dalam hal ini suasana harmoni dan kasih sayang amat penting. Hal ini juga disedari dan dititikberatkan oleh Kumaran (Salleh Lebar, 1999).

Semasa berada di luar negara, kesibukkan Kumaran memaksa beliau untuk bekerja lebih masa. Akibatnya Kumaran sentiasa terlepas waktu berhubung dengan Sakunthala. Setiap kali Kumaran ingin menghubungi anaknya, waktu tempatan di Malaysia sudah larut malam. Beliau sedar Sakunthala sudah tidur lena dan terpaksa membatalkan niat untuk menghubungi Sakunthala kerana bimbang akan menganggu tidur anak kesayangannya. Niat itu berterusan sehingga keesokan hari dan hari-hari yang berikutnya. Hal ini terbukti dalam situasi di bawah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

> "Paparan waktu di telefon bimbitnya menunjukkan sudah hampir pukul 2.30 pagi. Kumaran cuma mampu mengeluh.Masakan dia mahu menelefon Sakunthala pada waktu sebegini.Anakku sudah tentu lena dibuai mimpi, fikir Kumaran" *(muppatu Latcam perum 2003: 96).*

Kasih sayang seorang ayah kepada anaknya jelas digambarkan oleh pengarang. Tiada pengakhiran bagi kesayangan Kumaran terhadap Sakunthala. Kasih sayang antara dua beranak ini juga turut berlanjutan walaupun ketika saat genting.

Kasih sayang Kumaran bukan sahaja setakat bergaul mesra dengan anaknya. Selain itu, Kumaran juga menyediakan semua keperluan dan kemudahan yang berkaitan dengan pendidikan kepada anaknya. Segala pertolongan daripada Kumaran dapat membantu meningkatkan proses pembelajaran Sakunthala. Penyediaan tempat belajar yang sesuai amat penting bagi seseorang kanak-kanak. Hal ini disedari oleh Kumaran. Oleh itu, beliau menyediakan tempat belajar yang strategik serta mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran Sakunthala. Dengan hal ini, anaknya dapat belajar secara efektif dan berkesan. Kumaran juga sentiasa mendorong setiap penglibatan dan aktiviti anak yang menjurus ke arah kebaikan serta kecemerlangan dalam pendidikan. Hal ini demikian kerana bapa yang memperuntukkan masa dan perhatian untuk anak akan berjaya melahirkan insan yang berkualiti. Walaupun Sakunthala masih kecil lagi, Kumaran sentiasa memberi kata-kata perangsang serta bimbingan sama ada secara formal atau melalui tindakan dan percakapan. Dengan cara ini, Sakunthala berasa lebih yakin dan bersemangat untuk belajar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Melalui watak Kumaran terbuktilah bahawa asuhan bapa mempunyai impak terhadap pertumbuhan anak-anak. Kajian di negara Barat, terutama di Amerika Syarikat mendapati perkembangan psikososial anak-anak sangat dipengaruhi oleh keluarga melalui gaya asuhan ibu bapa (Carlson, 1990). Kemunculan model asuhan bapa selepas modal-modal asuhan ibu bapa adalah kerana terdapat sebilangan memilih untuk melibatkan diri dalam asuhan secara lebih aktif dalam meningkatkan peranan mereka terhadap asuhan anak. model asuhan bapa yang dibangunkan oleh (Lamb, 1987) dianggap dapat memberikan satu pengertian yang terbaik dan terkini dalam pengukuran penglibatan bapa yang agak sukar untuk difahami (Mc Bride, 2002).

Prinsip dan nilai persaudaraan sesama manusia ialah kasih sayang. Nilai ini merupakan nilai yang bersifat universal. Dalam hubungan sesama manusia kasih menjadi titik permulaan rasa sayang dan seterusnya rasa cinta. Sebab itulah dalam bahasa Melayu perkataan kasih selalunya digabungkan dengan perkataan sayang. Perkataan ini agak sukar untuk dibezakan dan diterjemahkan terutama dalam hubungan perasaan sesama manusia. Menyayangi seseorang belum tentu mencapai tahap percintaan kerana skop menyayangi lebih luas berbanding dengan mengasihi. Kasih sayang akan memberikan kesan yang berpanjangan kepada orang yang menyayangi dan disayangi. Perkara inilah digambarkan dalam kisah Kumaran.

Hasil daripada perbincangan cerpen ini, dapatlah dirumuskan kasih sayang Kumaran diutamakan kepada Sakunthala. Cerpen ini mencitrakan tentang nilai kasih

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

sayang antara bapa dengan anak. Contoh bapa seperti Kumaran inilah yang digambarkan dalam kuplet di bawah, yang dipetik dari buku falsafah *Tirukkural*.

அன்பிற்கும் உண்டோ அடைக்குந்தாழ் ஆர்வலர்
புன்கணீர் பூசல் தரும் (குறள் 71)

Anpirkum unto ataikkuntal arvalar
Punkanir pucal trum (Kural 71)

Kuplet di atas menyatakan bahawa kasih sayang yang tulen tidak boleh disembunyikan dan pasti akan meletus semasa orang yang dikasihi ditimpa kesusahan. Hal ini dibuktikan melalui perasaan Kumaran apabila Sakunthala terlibat dalam kemalangan.

Cerpen ini mencitrakan tentang nilai kasih sayang antara manusia. Menurut Omar Mamat (1994), kebahagiaan sesebuah keluarga bergantung kepada pemberian kasih sayang dan perhatian yang diberikan. Kasih sayang mampu menjadi tali pengikat kasih antara ibu bapa dan anak-anak, jadi anak adalah satu amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada ibu bapa. Ibu bapa harus bersyukur dalam menerima pemberian Tuhan yang besar ini dengan menjaga anak-anak sebaik mungkin.

4.3.4 NILAI KEADILAN

Dalam cerpen berjudul *'nalaikku'*, cerpenis ingin menekankan nilai keadilan melalui watak Rajeswary. Takrifan keadilan merangkumi maksud keseimbangan, kesaksamaan dan pemberian hak kepada mereka yang berhak meletakkan sesuatu

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

pada tempatnya yang betul. Secara keseluruhan, keadilan ini bermakna tidak berlaku sebarang bentuk penindasan, tidak ada yang berkepentingan, tidak menzalimi dan tidak memilih kasih dalam memberi layanan dan hak kepada orang lain. Takrifan tersebut amat sesuai digambarkan melalui tindakan Rajeshwary seperti yang dapat kita lihat di perenggan berikutnya.

Dalam budaya Hindu, anak perempuan yang sudah berkahwin mempunyai hak yang lebih kepada keluarga suami manakala hak terhadap keluarga sendiri akan berkurangan. Rajeshwary menyedari budaya ini dan seperti gadis lain yang sudah berkahwin, cuba melaksanakannya sebaik mungkin. Namun, tindakan Rajeshwary berubah selepas kematian ibunya. Beliau terpaksa mengambil berat akan Pathma kerana adiknya tinggal sebatang kara. Bagi Rajeshwary, beliau tidak berperikemanusiaan serta bertanggungjawab jika beliau tidak mengendahkan langsung akan keadaan Pathma. Situasi ini membuktikan keputusan yang diambil oleh Rajeshwary adalah saksama serta tidak berat sama.

Situasi kedua yang menonjolkan nilai keadilan dalam diri Rajeshwary ialah ketika berlaku permasalahan antara Pathma dan Baskaran. Masalah ini bermula selepas kehadiran Pathma ke rumah itu yang tidak disukai oleh ahli keluarga Segaran. Pathma menghadapi pelbagai masalah akibat daripada tindakan mereka. Rajeshwary mempunyai seorang adik ipar bernama Baskaran yang berumur tiga belas tahun. Walaupun Baskaran masih bersekolah, tetapi nilai kemanusiaan dalam diri Baskaran agak kurang. Baskaran sudah biasa terlibat dalam gejala negatif seperti gangstarisme, meragut dan sebagainya. Sebelum ini, Baskaran tidak pernah bertingkahlaku buruk pada ahli keluarganya tetapi selepas kedatangan Pathma, wujud pelbagai masalah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

yang dicetuskan Baskaran. Baskaran sentiasa berpura-pura seperti budak baik dihadapan ibu dan abangnya tetapi semasa mereka tidak berada di rumah dia gemar menyakat Pathma. Pada suatu hari, Baskaran masuk ke bilik Pathma dengan niat untuk mencabul kehormatannya. Hal ini menjadi mimpi ngeri buat Pathma. Pathma terus mengadu kepada Rajeswary selepas pulangnya beliau ke rumah. Walaupun perbuatan ini benar dan disedari oleh ahli keluarga Baskaran tetapi mereka cuba menyembunyikan serta menyelamatkan Baskaran. Lebih malang lagi apabila mereka menuduh Pathma sebagai pelacur dan cuba menggoda Baskaran. Walaupun seluruh keluarga Segaran menyalahi adiknya, namun Rajeshwary teguh dengan pendirian bahawa Pathma langsung tidak bersalah. Beliau bertegas dan bersuara akan terus mempertahankan Pathma. Melalui tindakan ini, Rajeshwary sedar bahawa hubungan beliau dengan Segaran boleh terjejas. Namun, Rajeshwary yang mementingkan keadilan, beranggapan bahawa kebenaran lebih penting daripada diri sendiri. Keputusan yang diambil Rajeshwary sedikit sebanyak membantu menenangkan hati Pathma yang kini menjadi mangsa gangguan seksual. Sekurang-kurangnya Pathma merasakan ada insan lain yang memahami masalah emosinya. Selain itu, Rajeshwary juga bertindak sedemikian kerana tidak mahu nasib yang sama menimpa gadis-gadis lain akibat perbuatan Baskaran pada masa hadapan kelak. Tindakan yang diambil Rajeswary sangat sesuai digambarkan melalui kuplet ini.

சமன்செய்து சீர்தூக்குங் கோல்போல் அமைந்தொருபால்
கோடாமை சான்றோர்க் கணி (குறள் 118)

Camanceytu cirtukkun kolpol amaintorupal
Kotamai canrork kani (Kural 118)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

Menurut kuplet tersebut, keadilan jitu perlu dilaksanakan tanpa berat sebelah atau berpihak kepada mana-mana paksi. Langkah ini jelas ditunjukkan oleh Rajeswary dalam mengendalikan masalah Pathma. Beliau bertindak adil dan saksama walaupun rumahtangganya terjejas dalam isu ini. Kemurniaan Rajeswary tidak dapat dipertikaikan lagi.

Penderaan seksual merujuk kepada segala bentuk aktiviti seksual yang mempunyai tujuan untuk memenuhi nafsu seks orang dewasa melalui pornografi, gambar dan juga merangkumi memegang tempat sulit kanak-kanak, merogol, meliwat dan menunjukkan kemaluan kepada kanak-kanak. Beberapa ahli psikologi berpendapat bahawa bentuk penderaan ini akan membawa implikasi buruk kepada perkembangan emosional seseorang kanak-kanak mangsa penderaan. Oleh yang demikian penderaan seksual mempunyai kaitan erat dengan penderaan emosional. Menurut Amar Singh, Ketua Jabatan Pediatrik Hospital Ipoh dianggarkan lebih 10 peratus daripada populasi kanak-kanak di negara ini yang mana dipercayai pernah dan terus mengalami penderaan dan gangguan seksual (Utusan Malaysia, 11 oktober 2003).

Terdapat ramai wanita yang menjadi mangsa gangguan seksual, namun, bukan semua diantara mereka melaporkan hal ini kepada pihak berkuasa. Penyebab utama bagi mereka untuk tidak melaporkan peristiwa ini adalah untuk melindungi maruah diri. Tanpa disedari perbuatan tidak melaporkan gangguan seksual menjadi pendorong bagi pelaku-pelaku seksual untuk meneruskan kegiatan mereka. Mangsa-mangsa gangguan seksual kebiasaannya akan bersendirian dalam hal ini. Dalam hal Pathma, kita dapat perkara yang sebaliknya berlaku. Dengan sokongan, dorongan dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

kepercayaan Rajeshwary menyebabkan Pathma tidak keseorangan dalam menghadapi masalah gangguan seksual ini. Akhir kata, nilai keadilan dipamerkan oleh Rajeshwary sebaik mungkin.

4.3.5 NILAI KESABARAN

Menurut Ravindran Maraya (2012), kesabaran adalah sebuah keutamaan yang menghiasi diri seorang mukmin, di mana seseorang mampu mengatasi pelbagai kesusahan dan tetap berada dalm ketaatan kepada Tuhan meskipun kesusahan dan cubaan itu begitu dahsyat. Begitu juga dalam cerpen ini, kesabaran menjadi salah satu sifat mulia yang dimiliki oleh Senthil selaku watak utama. Sifat kesabaran pada diri Senthil telah membawa banyak kebaikan dan manfaat dalam kehidupan harian beliau. Hal ini menjadikan Senthil tidak mudah marah dan ianya sangat membantu dalam menjalani kehidupan sosialnya. Sejak kecil lagi, Senthil tidak mendapat kasih sayang seperti yang diingini daripada kedua-dua ibu bapanya. Walaupun terperangkap dalam situasi ini, Senthil tidak pernah menengking atau memarahi ibu bapanya. Pengajaran tersirat yang dapat dipelajari melalui Senthil adalah tidak ada keberanian yang sempurna tanpa kesabaran. Kesabaran adalah nafas yang menentukan selama mana keberanian bertahan dalam diri seorang pahlawan. Maka pada zaman dahulu ulama kita mengatakan bahawa "Keberanian itu sesungguhnya hanyalah kesabaran sesaat." Risiko adalah pajak keberanian, hanya kesabaran yang dapat memberi sarana seorang pemberani dengan kemampuan untuk membayar pajak itu terus menerus.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Ada banyak pemberani yang tidak mengakhiri hidup sebagai pemberani. Hal ini kerana mereka gagal menahan beban risiko. Jadi keberanian adalah aspek ekspansif dari kepahlawanan manakala kesabaran adalah aspek defensifnya. Kesabaran sebeginilah ditonjolkan oleh Senthil dalam kehidupan hariannya. Bagi Senthil, kesabaran adalah daya tahan psikologi yang menentukan sejauh apa dia mampu membawa beban idealisme kepahlawanan, dan sekuat mana dia mampu tegar dalam menghadapi tekanan hidup. Sifat yang dimiliki Senthil ini pasti akan membantunya dalam menjadi pemimpin berbakat kelak.

Sifat kesabaran yang ada pada diri Senthil ini menyebabkan dia menunggu agar ibu bapanya sedar akan kesilapan mereka dan akan mula mencurahkan kasih sayang kepada Senthil. Namun, setelah menunggu hampir 19 tahun, Senthil merasakan kesabarannya sudah memuncak. Hal ini menyebabkan Senthil mengambil keputusan untuk keluar dari rumah buat sementara waktu bagi menyedarkan mereka. Kekurangan kasih sayang ini membawa tekanan emosi kepada Senthil tetapi dia masih cuba untuk mengawal dan menghadapinya dengan penuh sabar. Bagi memulihkan hubungan silaturahim antara ahli keluarga, Senthil berfikir dengan tenang dan cuba mencari penyelesaian yang difikirkannya terbaik. Zaman remaja yang dilalui Senthil diakui sebagai zaman yang sangat indah namun penuh pancaroba. Pada saat inilah remaja seperti Senthil akan meneroka pelbagai sudut kehidupan demi mencari hala tuju. Dalam tempoh pengembaraan ini, Senthil berdepan dengan pelbagai masalah yang menguji ketabahan diri. Apabila dibebani masalah seperti Senthil, kebanyakan remaja lain lebih cenderung untuk melarikan diri daripada masalah daripada cuba untuk menyelesaikannya. Tindakan begini cuma akan mencetus masalah lain. Mereka juga mengambil jalan mudah dengan keluar melepak

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

bersama rakan-rakan yang mungkin mendorong mereka untuk melakukan perkara-perkara negatif. Hubungan mereka dengan rumah sendiri akan mula meruncing apabila mereka tidak ingin pulang ke rumah. Namun, dalam cerpen ini Senthil berjaya menangani masalah dengan penuh kesabaran.

Kesabaran Senthil bukan sahaja setakat dia kekal tinggal di rumahnya selama 19 tahun sambil mengharapkan ibu bapanya berubah, namun dia juga menunjukkan sifat kesabaran dalam pekerjaan. Semasa dia meminta pekerjaan daripada ketua kedai itu, dia diajukan banyak soalan. Ketuanya, Mydin merasakan ada sesuatu yang tidak kena pada Senthil. Bagi memuaskan hati dan mencari jawapan, Mydin bertanya pelbagai soalan kepada Senthil. Di sebalik asakan persoalan Mydin, Senthil menjawab setiap soalan yang diutarakan dengan yakin dan sabar.

Selain itu, Senthil juga digambarkan sebagai seorang pendengar yang sabar. Senthil mempunyai seorang kawan bernama Sultan di kedai itu. Dia amat gemar menceritakan hal peribadinya kepada Senthil. Kadangkala Senthil berasa letih akibat bekerja keras namun dia tetap sabar mendengar cerita yang disampaikan Sultan. Bagi Sultan, Senthil merupakan seorang pendengar yang baik. Senthil sentiasa memberikan ruang untuk orang lain peluang untuk bercakap dan menyuarakan pendapat mereka. Selain itu, kesabaran mendengar yang terserlah pada Senthil turut menggalakkan kawannya untuk bercakap secara terbuka. Apabila Sultan berkongsi segala cerita bersama Senthil, barulah dia dapat tidur dengan lena. Sifat kesabaran pada Senthil menyebabkan sesiapa sahaja suka pada dia kerana Senthil menjadikan mereka selesa untuk meluahkan apa yang mereka ingin perkatakan. Kesabaran Senthil digambarkan melalui petikan di bawah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

> " Makanan yang engkau makan terlalu sedikit. Mungkin ianya cuma cukup untuk kepala engkau sahaja, ejek Sultan sambil ketawa terbahak-bahak". "Saiz hidangan ini sudah cukup untuk saya, ujar Senthil kepada Sultan"*(tankasirakukal, 2003:123).*

Melalui situasi ini, kita dapat melihat bahawa Senthil bukan sahaja seorang pendengar yang baik, malah dia juga seorang yang penyabar dan mengambil masa untuk menjawab soalan Sultan secara berhati-hati agar tidak mengguris perasaan Sultan.

Selari dengan pendapat ini, dapatlah dikatakan bahawa nilai kemanusiaan yang terdapat dalam cerpen *"Tangga Siragugal"* ini adalah mengenai kesabaran seorang remaja dalam institusi keluarga serta bersama rakan sekerjanya. Melalui watak ini, nilai kesabaran yang tinggi dan relevan dengan kehidupan seharian dalam membentuk sebuah masyarakat yang harmoni berjaya disampaikan. Salah satu kuplet yang mengisarkan tentang kesabaran adalah seperti berikut.

> நிறையுடைமை நீங்காமை வேண்டின் பொற்யுடைமை
> போற்றி யொழுகப் படும் (குறள் 154).
>
> Niraiyutaimai ninkamai ventin poryutaimai
> Porri yolukap patum (Kural 154).

Kuplet ini bermaksud seseorang yang ingin menjadi insan yang sempurna, haruslah mengamalkan nilai kesabaran terlebih dahulu dalam kehidupan. Pengkaji mendapati watak Senthil sangat sesuai dijadikan sebagai contoh yang menggambarkan kuplet

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

tersebut. Hal ini dilihat apabila Senthil sabar dan mengambil masa untuk berfikir sebelum membuat apa-apa keputusan drastik. Sikap inilah yang menjadikan diri Senthil sebagai teladan kepada generasi muda mudi kini.

4.3.6 NILAI PENGORBANAN

Menurut Martono (2009), pengorbanan berasal daripada kata korban, maknanya memberi secara ikhlas, harta benda, tenaga, fikiran, bahkan mungkin nyawa demi cintanya atau ikatannya dengan sesuatu atau demi kesetiaan. Seseorang dalam berkorban tidak pernah memikirkan untuk mendapat balasan berupa jasa, kedudukan, pangkat serta harta benda.

Ibu bapa merupakan dua insan yang banyak berjasa bagi memastikan kejayaan anak dalam kehidupan. Pengorbanan mereka tidak ternilai harganya dan ia dilakukan tanpa mengharapkan sebarang balasan. Terdapat dua cerpen yang menceritakan tentang pengorbanan seorang ibu. Dalam cerpen *"vellaip punaiyum karuppuk kuttikalum"*, Parvathy bersusah payah untuk mencari wang. Berbekalkan semangat kental dan tidak mudah berputus asa, Parvathy cuba sebaik mungkin untuk menyara keluarga di samping menjaga anaknya yang kurang upaya. Kehidupan Parvathi bertambah sukar selepas kelahiran anak istimewa ini. Suaminya langsung tidak dapat menerima kenyataan bahawa anak sulungnya dilahirkan cacat. Beliau tergamam menuduh Parvathi curang dan anak yang dilahirkan cacat itu bukan anak kandungnya. Walaupun kerap menerima cemuhan dari suami, Parvathi tidak pernah menyalahi takdir.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Bagi Parvathy ini merupakan satu ujian Tuhan dan beliau menerimanya dengan hati yang terbuka. Parvathi tidak pernah terfikir untuk mengabaikan anaknya yang satu ini. Bukan sesuatu yang janggal apabila anak yang dilahirkan cacat atau kurang sempurna diabaikan keluarga sendiri di negara kita. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan berita pengabaian seorang kanak-kanak cacat yang berlaku di Nilai, Negeri Sembilan. Anak lelaki malang itu dibiarkan tanpa pengawasan sesiapa dan dikurung dalam sebuah bilik. Keadaan bilik itu amat daif dan menyedihkan kerana berselerak dan dipenuhi najis manusia. Tidak dapat dipastikan berapa lama anak itu ditinggalkan tanpa diberi makanan berkhasiat kerana tubuh badannya amat kurus ketika ditemui (Berita Harian, 21 Jun 2014).

Bagi menyara diri dan anaknya, Parvathi bekerja sebagai tukang masak di sebuah restoran. Paravathi berazam untuk berdikari mencari rezeki bagi membesarkan anak tunggalnya tanpa bergantung pada pendapatan suami. Walaupun berjauhan dari rumah dan diberi gaji yang rendah, Parvathi tetap bekerja di situ. Setiap hari, Parvathy berjalan kaki ke tempat kerja tanpa mengira panas atau hujan. Parvathy sangat berjimat cermat dalam soal wang. Dia tidak suka membazirkan wang sewenang-wenangnya kerana pada fikiran Parvathy, wang yang disimpan dapat digunakan untuk perubatan Arumugam pada masa hadapan. Hasil menabung sedikit demi sedikit, Parvathy kini mempunyai sejumlah wang dan sedikit barang kemas. Wang tersebut tidak pernah digunakan Parvathy untuk diri sendiri. Apabila hal ini diketahui oleh suami Parvathy, dia merancang untuk balik ke rumah dan merampas wang Parvathy. Perkara ini digambarkan melalui petikan di bawah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

> "Tolong berikan barang kemas ini untuk sebulan sahaja. Saya berjanji akan memajak semula sebelum tempohnya tamat", kata suami Parvathy. "Barang kemas ini dikumpul sedikit demi sedikit hasil dari titik peluh saya. Lagipun awak akan mengadaikannya untuk membayar hutang awak. Saya sama sekali tidak akan bersetuju", ujar Parvathy (*vellaip punaiyum karuppuk kuttikalum 2001: 45)*
>
> .

Semasa Parvathy berada dalam situasi di atas, beliau tetap berusaha untuk menyelamatkan barang kemas kerana ianya dapat membantu kos perubatan Arumugam. Walaupun Parvathy berjuang habis-habisan, suaminya tetap berjaya merampas kesemua barang kemas simpanan beliau. Parvathy amat terkilan dengan nasib yang baru menimpa diri beliau. Hasil titik peluh yang dikumpulkan selama ini dirampas begitu sahaja. Arumugam cuma terkebil-kebil melihat Parvathy kesedihan. Apabila terkenang anaknya, Parvathy terus melupakan segala kesedihan diri dan berikrar untuk memulakan semula iktihar menabung wang.

Kasih sayang dan cinta Parvathy kepada anaknya memang tidak terbalas dan tidak ternilai. Perjuangan Parvathy untuk kesejahteraan Arumugam sangat luar biasa. Ketulusan dan pengorbanan Parvathy dalam menjaga seorang anak sejak dari kandungan sehingga dewasa tidak mungkin dapat dicari ganti.

Parvathy rela mempertaruhkan nyawanya hanya untuk kehidupan anak. Ketika bersalin, Parvathy dan kesemua ibu di dunia ini secara amnya, meletakkan nyawa masing-masing dihujung rambut, dan bertarung maut semasa melahirkan anak. Tiada sesiapa yang mampu memberi kasih sayang yang mendalam dan pengorbanan yang tinggi dalam hidup seseorang anak, melainkan ibu sendiri. Itulah kasih sayang yang

Tuhan kurniakan dalam bentuk hati seorang ibu seperti Parvathy. Sikap ketabahan menghadapi cabaran kehidupan dapat dijadikan modal kepada golongan kaum wanita yang ingin berjaya dalam kehidupan masing-masing.

Cerpen berkaitan dengan pengorbanan ibu yang seterusnya adalah *"makesvariyin pillai"*. Dalam cerpen ini, Maheswari sangat sayang akan kedua-dua anaknya namun dia terpaksa memberi lebih perhatian kepada anak keduanya. Hal ini kerana anak kedua itu, yang dinamakan Jega dilahirkan cacat dan menghadapi masalah tulang. Oleh sebab itu, Maheswari perlu sentiasa berada bersebelahan dengan Jega dan peka kepada keperluan bayi itu.

Selepas kelahiran Jega terdapat banyak perubahan ketara dalam diri Maheswari. Beliau terpaksa mengorbankan segala kebahagiannya demi Jega. Maheswari kurang mengambil berat tentang kesihatan diri sendiri. Beliau tidak lagi pergi ke majlis-majlis perkahwinan saudara mara dan sebagainya kerana beliau risau keperluan harian anaknya tidak dapat dipenuhi. Demi menjaga Jega, Mageswary terpaksa mengubah gaya hidupnya.

Semasa Maheswari masih bujang, beliau tinggal bersama dengan kakak beliau dan mengasuh anak sulung kakaknya. Selepas Maheswari berkahwin, dia menetap bersama suaminya di negeri lain. Masa dan hari berlalu dengan cepat. Pada suatu hari, Maheswari menerima jemputan daripada kakaknya. Kakak Maheswari menjemput beliau untuk perkahwinan anak sulungnya. Maheswari terlalu sayang dan rapat dengan anak sulung kakaknya tetapi dia tidak dapat membuat keputusan dengan serta merta untuk pergi ke majlis itu. Hal ini kerana dia risau akan anak keduanya. Dalam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

situasi yang kritikal ini, suami Mageswary telah membuat keputusan untuk mengambil cuti selama dua hari untuk menjaga Jega. Suaminya menasihati Maheswari untuk menghadiri majlis itu. Namun, Mageswary masih bimbang tentang anaknya dan tidak dapat pergi dengan hati yang tenang. Sebelum pergi ke majlis itu, dia mengajar suaminya cara-cara untuk menjaga, menyuap makanan, mengangkat dan menukar lampin Jega.

> "Keadaan Jega memaksanya untuk mengambil pelbagai ubat pada selang masa yang tertentu. Demi memastikan ubat diberi dengan tepat, Mageswary kerap memasang jam loceng untuk mengingatkan diri dan juga untuk membangunkannya. Dia juga perlu memeriksa Jega setiap 2 jam untuk memeriksa pernafasan Jega. Sekirannya Jega tercungap-cungap, Mageswary perlu memberikan tabung oksigen kepada anaknya" (*makesvariyin pillai 2001:18).*

Situasi ini menjelaskan kesabaran, ketabahan dan kekuatan hati seorang ibu. Walaupun tanggungjawab Maheswari untuk menjaga Jega lebih berat tetapi dia tidak berasa kecewa. Suami Mageswari turut terkejut apabila mendengar kerja seharian isterinya dalam menjaga Jega. Beliau tidak pernah menyangka pengorbanan Mageswari begitu besar. Pada alaf baru ini, kebanyakkan ibu bapa mengabaikan anak-anak mereka dalam kesibukan mencari nafkah. Nilai yang terserlah pada Maheswari memang berbeza kerana beliau tidak mementingkan kemewahan dan kekayaan dalam kehidupan. Sebaliknya beliau lebih banyak meluangkan masa bersama Jega. Kasih sayang Maheswari dapat dilihat melalui kesanggupan dia meluangkan masa bersama dengan anak-anak beliau.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Keluarga yang harmoni dan bahagia hanya dapat diwujudkan jika setiap individu yang menganggotainya telah melalui pelbagai proses pemupukan jiwa yang berkesan sejak kecil. Kesediaan Maheswari untuk sedia berkorban dan bertolak ansur memudahkan proses pemupukan keluarga harmoni dan bahagia. Sesungguhnya keluarga bahagia merupakan asas pembentukan masyarakat yang penyayang dan masyarakat yang maju. Jika pincang keluarga maka pincanglah masyarakatnya. Jika semua ibu bersikap prihatin dan bertanggungjawab seperti Maheswari maka harapan negara untuk melahirkan masyarakat penyayang tidak akan gagal. Hal ini kerana masyarakat penyayang lahirnya dari rumah itu sendiri.

Kecacatan anggota badan bukanlah sesuatu yang luar biasa pada zaman sekarang. Mereka perlu diberi perhatian yang istimewa dan galakan padu untuk memajukan diri sendiri. Kini berbagai-bagai peluang diperuntukkan bagi mereka yang bergelar orang kurang upaya seperti peluang pendidikan, kerjaya, kemahiran, mengurus diri sendiri, bantuan kewangan, kaunseling dan sebagainya. Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan, Wan Mohd Noor Wan Endur berkata, setiap tahun pihaknya menerima lebih 2000 permohonan bagi memasuki sekolah menengah Vokasional Pendidikan Khas . Beliau menambah, pihaknya memastikan supaya mereka diberikan layanan sama rata seperti pelajar lain bagi meningkatkan keyakinan untuk menghadapi dunia kelak (Utusan Malaysia 17 Jun 2014:6).

Program pembangunan OKU di peringkat kebangsaan, secara aktif bermula dengan pengiktirafan tahun Antarabangsa Orang Kurang Upaya 1980 dan pelancaran *The World Programme of Action Concerning Disabled Persons 1982*. Kerajaan

Malaysia juga telah mewujudkan Dasar Kebajikan Negara pada tahun 1990 yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kestabilan masyarakat untuk pembangunan negara. Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, sasaran Kementerian Pendidikan Malaysia adalah untuk mencapai 30% enrolmen pelajar berkeperluan Khas pada tahun 2015. Pada 2013 kementerian telah mencapai satu pertiga daripada sasaran, iaitu 9.2% MBK yang kini sudah didaftarkan.

4.3.7 NILAI KEPIMPINAN

Dalam cerpen *'malliyum malaiyum'*, watak datuk menonjolkan ciri kepimpinan melalui teladan kepada anak dan Malli. Di samping mengekalkan hubungan erat dengan anak dan isterinya, datuk juga turut mengawasi dan membantu mengasuh Malli. Datuk sentiasa memastikan Malli diberi makanan yang berkhasiat sahaja pada waktu yang tepat. Beliau juga selalu menyelia perkembangan pembelajaran Malli di tadika. Melalui huraian ini, kita dapat simpulkan bahawa sifat datuk dalam memberikan kasih sayang kepada anak dan cucunya menggambarkan nilai kepimpinan dalam diri watak utama. salah satu situasi yang menunjukkan ciri kepimpinan datuk adalah seperti di bawah.

> Datuk sedar bahawa Malli masih belum menjamah makanan yang terhidang, lantas bertanyakan sebab mengapa Malli masih belum makan. "Datuk, saya langsung tidak lapar. Gulai hari ini langsung tidak sedap", jawab Malli. "Kenapa kamu berkata sedemikian tanpa merasa sedikit pun makanan yang terhidang. Lagipun ini merupakan lauk ayam kegemaran kamu", ujar datuk *(malliyum malayyum, 2011: 9).*

Situasi seterusnya yang menggambarkan nilai kepimpinan datuk ialah apabila beliau membantu anaknya dalam kehidupan berkeluarga. Bagi datuk pengalamannya sebagai bapa boleh diturunkan kepada anaknya sebagai pedoman dalam membesarkan anak. Sebagai contoh, anaknya sering memarahi Malli apabila dia menconteng dinding. Datuk yang mengetahui perkara ini melarang anaknya dari menegur Malli. Bagi datuk, tindakan memarahi akan membantutkan kemahiran berfikir dan imaginasi Malli. Perkara-perkara kecil sebeginilah yang dapat dipelajari oleh anaknya sepanjang berada dibawah bimbingan datuk. Secara tidak langsung, cucunya akan dibesarkan dalam keadaan yang harmoni dan kondusif.

Selain itu, datuk juga menyediakan segala keperluan dan kemudahan bagi memastikan Malli dapat belajar dalam persekitaran yang sempurna. Datuk sedar bahawa Malli lebih menunjukkan minat dalam bidang kesenian. Jadi datuk menyediakan banyak bahan yang berkaitan seni seperti buku warna, pensil warna, kertas lukisan bagi Malli. Keperluan dan kemudahan asas ini menggalakkan Malli untuk mengembangkan bakat dalam kesenian. Selain itu, datuk juga menggalakkan Malli untuk berfikir secara kreatif. Beliau tidak pernah marah apabila Malli bertanyakan soalan dan adakalanya datuk sendiri tidak dapat menjawab soalan Malli. Malli yang tidak memperolehi jawapan yang tepat telah cuba untuk mencari jawapan melalui lukisannya. Huraian ini dibuktikan melalui situasi di bawah.

> Malli termenung panjang memerhatikan hujan yang turun. Hujan itu semakin renyai dan akhirnya berhenti sepenuhnya."Kenapa hujan sudah berhenti datuk?", tanya Malli. "Hujan sudah habis buat masa ini. Mungkin ianya akan turun petang nanti" jawab datuk. Tiba-tiba Malli bertanyakan satu soalan. "Datuk apakah warna hujan?", tanya Malli sekali lagi. "Err..datuk rasa

air hujan tiada warna", jawab datuk yang tidak sangka akan diajukan soalan ini (*malliyum malaiyum, 2001: 9).*

Kesimpulannya, watak datuk dalam cerpen ini menunjukkan sifat kepimpinan dalam pelbagai situasi seperti yang dapat dilihat diatas. Ramai beranggapan orang tua tidak lagi berguna dalam institusi keluarga. Namun, melalui watak datuk kita dapat membuktikan bahawa tanggapan ini adalah salah. Walaupun sudah bergelar sebagai warga tua, datuk masih memainkan peranan yang penting.

4.3.8 NILAI KERAJINAN

Terdapat dua cerpen yang menggambarkan nilai kerajinan ini iaitu *"oru cumarana kanavan"* dan *"rakatevatai"*. Persamaan yang ketara dalam watak utama kedua-dua cerpen ini ialah mereka sanggup bertungkus lumus untuk meningkatkan taraf hidup. Bagi mereka sikap kerajinan adalah sangat penting dalam kehidupan. Kerajinan adalah sesuatu yang tidak dapat dikecualikan dalam kehidupan mereka. Dengan adanya sifat kerajinan, mereka berusaha sedaya upaya untuk mendapat kejayaan. Mereka sedar bahawa jika mereka ingin dapatkan kejayaan maka mereka harus rajin bekerja. Sikap dan pemikiran yang ditonjolkan oleh mereka memberi pengajaran kepada masyarakat bahawa kerajinan adalah berkait rapat dengan kejayaan.

Sifat rajin berusaha ini telah pun disemai dalam diri kedua-dua insan. Hal ini dapat dibuktikan dalam dua situasi yang berbeza. Dalam cerpen *"oru cumarana kanavan"*, Thiagu merupakan seorang pemandu lori. Beliau adalah seorang pekerja

yang rajin berusaha mencari pendapatan tambahan melalui bekerja lebih masa. Usaha ini menyebabkan Thiagu menjadi pekerja yang berdedikasi. Tanpa kerajinan, Thiagu tidak akan berjaya mengumpul duit serta membahagiakan isterinya. Setiap kejayaan adalah datang daripada usaha dan kerajinan diri sendiri. Begitu juga dalam cerpen *"Ra:gathevathai"*. Pendapatan Mahalinggam di tempatnya sendiri tidak menentu dan kadangkala tidak mencukupi untuk menyara kehidupan. Justeru itu, Mahalinggam mengambil keputusan untuk mengadakan persembahan nyanyian klasik di luar negara. Walaupun pendapatan yang diterima Mahalinggam masih kecil, namun beliau tetap meneruskannya. Dengan sifat rajin dan berusaha semasa menjalankan persembahan ini, akhirnya beliau berjaya menarik perhatian banyak penonton. Mahalinggam akhirnya mendapat keuntungan yang lebih tinggi. Dengan usaha yang gigih, beliau boleh mencapai kejayaan. Dengan fikiran yang positif, Mahalinggam boleh mendapat keuntungan yang diinginkan dan dengan itu taraf hidup beliau juga dapat dipertingkatkan.

Pada awal usia muda, Mahalinggam merupakan sebagai seorang pelajar muzik klasik. Semasa zaman itu, beliau berusaha mencari ilmu untuk bekalan hidup. Mahalinggam perlu dicontohi dalam usaha beliau bagi mencapai kejayaan. Kesimpulannya, tidak rugi jika kita sentiasa berusaha dan rajin belajar. Setiap insan yang rajin akan mendapat segala yang mereka inginkan. Oleh itu, wajar dikatakan sebenarnya kejayaan tidak akan datang bergolek tanpa usaha yang bersungguh-sungguh. Setelah kita berjaya, kita akan dipandang tinggi dan mulia oleh masyarakat. Sifat kerajinan perlu disemai pada setiap insan untuk mencapai kejayaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Kedua-dua watak utama terus berusaha gigih untuk meningkatkan taraf hidup keluarga masing-masing. Walaupun berasal dari keluarga berpendapatan rendah, kedua-dua watak tersebut tidak menjadikan ini sebagai alasan untuk terus kekal miskin malahan mereka mengambil situasi ini sebagai cabaran untuk menjadi lebih rajin. Hal ini turut dinyatakan dalam buku falsafah Thirukurral.

ஆள்வினையும் ஆன்ற அறிவும் எனஇரண்டின்
நீள்வினையால் நீளும் குடி (குறள் 1022)

Alvinaiyum anra arivum enairantin
Nilvinaiyal nilum kuti (kural 1022).

Menurut kuplet ini, seseorang yang bijak berfikir serta berusaha secara berterusan dapat meningkatkan taraf kehidupan keluarganya. Perkara ini dibuktikan melalui tindakan yang ditunjukkan kedua-dua watak utama cerpen ini.

4.3.9 NILAI KEYAKINAN DIRI

Cerpen berjudul *'akka makal'* mengisahkan tentang Saratha sebagai watak utama. Sejak kecil lagi Saratha telah kehilangan bapanya. Akibat daripada kematian bapanya, keluarga Saratha kehilangan punca pendapatan dan ini memaksa pak cik Saratha untuk mambantu menanggung keluarga ini. Apabila Saratha meningkat dewasa dan mula bekerja, dia berkeyakinan untuk menanggung beban keluarganya sendiri. Bagi Saratha, pak ciknya telah pun banyak membantu keluarga dan ini adalah masa yang sesuai untuk Saratha mengambil alih tanggungjawab tersebut.

Sebenarnya Saratha ingin melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat menara gading. Bagaimanapun, keinginan ini tidak dipersetujui oleh ibunya. Kemiskinan juga menjadi faktor yang menghalang impian Saratha. Namun, kerana kepercayaan diri yang tinggi, Saratha berjaya mendapat pekerjaan yang setimpal dengan taraf pendidikan beliau. Walaupun pekerjaan itu,tidak memberikan pulangan yang lumayan namun, Saratha tetap yakin akan mampu menanggung diri dan keluarganya.

> "Ibu, saya tidak keluar bekerja semata-mata untuk wang. Saya sudah lam terkurung dalam rumah ini dan saya juga berkeinginan untuk melihat dunia luar. Lagipun, sampai bila lagi ibu dan pak cik ingin menyara keluarga ini. Saya rasa kini sudah tiba masanya untuk saya mengambil alih tanggungjawab tersebut"(*akka makal 2001: 148*).

\

Situasi di atas menggambarkan Saratha seorang wanita yang berdikari. Sifat berdikari yang ada pada diri Saratha ini membantu meningkatkan keyakinan dalam dirinya. . Konsep keyakinan diri pertama kali dikemukakan oleh Bandura. Menurut beliau, keyakinan diri merupakan salah satu kemampuan pengaturan diri individu. Keyakinan diri mengacu persepsi tentang kemampuan individu untuk mengorganisasi dan mengimplementasi tindakan untuk menampilkan kecakapan tertentu. Pervin memberikan pandangan yang memperkuat pernyataan Bandura tersebut. Pervin menyatakan bahawa keyakinan diri adalah kemampuan yang dirasakan untuk membentuk perilaku yang relevan pada tugas atau situasi yang khusus (Smet, 1994).

Berdasarkan persamaan pendapat para ahli tersebut, dapat disimpulkan bahawa keyakinan diri adalah perasaan Saratha mengenai kemampuan diri dalam

membentuk perilaku yang relevan dalam situasi khusus yang mungkin tidak dapat diramalkan dan mungkin menimbulkan tekanan emosi.

Sejak kecil lagi, Saratha tidak mengenali dunia luar dan sentiasa bergantung pada ibunya. Sikap bergantung pada orang lain ini tidak disukai oleh Saratha. Atas sebab ini, dia membuat keputusan bahawa dirinya tidak boleh dikurung dalam rumah seperti katak di bawah tempurung. Saratha ingin mempelajari dunia melalui pengalaman bekerja. Selain itu, dia berjanji pada dirinya sendiri bahawa segala impian dan keinginannya akan dicapai satu demi satu. Di sini, pengarang menggambarkan Saratha sebagai seorang wanita muda yang berpegang teguh atas keyakinannya.

Iltizam yang kuat ada pada diri Saratha merupakan salah satu kunci kejayaan baginya. Memang tidak boleh dinafikan, semua wanita boleh berjaya. Tetapi, ia hanya akan menjadi nyata dengan adanya disiplin diri dan usaha gigih seperti Saratha. Hal ini adalah kerana usaha merupakan tangga kejayaan.

Dalam cerpen ini, Saratha mempunyai cita-cita tinggi dan meletakkan matlamat untuk mencapai cita-cita tersebut. Ianya mendorong beliau untuk bekerja lebih keras demi mencapai cita-cita yang diidamkan selama ini. Di dalam proses untuk mencapai kejayaan, tentunya Saratha mengalami beberapa dugaan, bak kata pepatah 'hidup bagai gelora, ada kalanya naik, ada kalanya turun'. Tetapi, ini tidak bermakna Saratha berputus asa dan tidak meneruskan perjuangannya. Dia tidak menjadikan kegagalan sebagai hambatan dari mencapai kejayaan. Sebaliknya,dia

menjadikan kegagalan sebagai pengajaran. Antara halangan yang dihadapi olehnya adalah:-

> "Saratha, hari ini pak cik ternampak kamu sedang berbual gembira dengan seseorang remaja lelaki. Pak cik memang tak berkenaan kamu berbual dengan si lelaki tersebut. Bayangkan apa yang orang lain akan anggap jika kamu bermesra dengan orang asing"
>
> "Lelaki pada zaman ini tidak boleh dipercayai. Hari ini mereka akan datang sebagai kawan tetapi lama-kelamaan mereka akan mengambil kesempatan tanpa kamu sedari" (*akka makal* 2001: 149)

Willis Whitney mengatakan "sesetengah orang mempunyai beribu-ribu alasan tentang sebab mereka tidak boleh melakukan sesuatu, sedangkan mereka hanya perlu satu alasan atau sebab mereka boleh melakukannya (*some men have thousands of reasons why they cannot do what they want to, when all they need is one reason why they can*).

Bagi Saratha kunci keyakinan diri ialah idea dan keinginan untuk mencapai kejayaan. Apabila kunci itu sudah ada dalam genggaman, maka Saratha beranggapan bahawa segala bentuk cabaran, dugaan, halangan, tribulasi dan ujian yang dihadapi olehnya hanyalah berupa asam garam dalam kehidupan. Tumpuan Saratha hanya kepada potensi diri sendiri, bukan lagi kepada tekanan luaran.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

4.4 PERANAN WATAK UTAMA DALAM CERPEN R.KARTHIGESU

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Watak utama berperanan sebagai wakil pengarang untuk menyampaikan tema dan persoalan. Watak utama memainkan peranan penting dalam menghidupkan cerita. Hampir semua peristiwa melibatkan watak utama kerana watak utama menjadi fokus utama cerita. Watak utama juga berperanan untuk mengembangkan plot kerana perkembangan plot seiring dengan perkembangan perwatakan watak utama. Selain itu, watak utama berperanan menyampaikan mesej dan nilai peribadi yang diterangkan oleh pengarang.

4.4.1 PERANAN GURU SEBAGAI TELADAN

Dalam cerpen berjudul *"ottuppul"*, Anbarasan sebagai seorang guru memainkan peranan yang penting sebagai teladan kepada generasi muda kini. Bagi Anbarasan sekolah merupakan tempat kedua di mana murid-murid menghabiskan kebanyakkan masa mereka. Oleh yang sedemikian, sekolah turut berperanan dalam pembentukan insan sempurna dengan guru sebagai agen utama.

Dalam cerpen ini, Anbarasan secara tidak langsung berperanan menerapkan nilai-nilai kemanusiaan dalam diri murid-murid untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi JERIS selaras dengan matlamat dan objektif FPK. Tidak dapat dinafikan bahawa sekolah merupakan sebuah agen sosialisasi yang penting dalam merealisasikan FPK (Mahmood Nazar Mohamed, 1990).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

Anbarasan sedar bahawa tugasnya bukan setakat mengajar malahan membentuk murid-muridnya untuk memiliki akhlak yang mulia dan nilai kemanusiaan yang tinggi. Bukan itu sahaja, beliau menganggap dirinya ibarat "sepohon kelapa yang tinggi menjulang dengan buah yang penuh di tandan, berguna dari pucuk hingga ke pangkal". Pengajaran ini dipelajari oleh Anbarasan semasa berlaku satu peristiwa di dalam kelasnya. Situasi di bawah menyatakan tentang salah satu cabaran yang dihadapi oleh Anbarasan semasa kelas tambahan dijalankan :-

> "Anbarasan mengarahkan Gayathiri untuk berhenti membuat pengiraannya dan lantas menanyakan sebab Gayathiri yang leka sejak kebelakangan ini." (*ottuppul* 2001:133)

Dalam situasi di atas, murid bernama Gayathiri menaruh hati dengan gurunya. Anbarasan menyedari perkara ini melalui perubahan tingkahlaku pada pelajar tersebut. Tanpa melengah masa Anbarasan ingin menyelesaikan masalah Gayathiri. Situasi ini memang menyedihkan Anbarasan kerana Gayathiri merupakan seorang murid yang pandai dalam kelas tersebut tetapi akibat daripada perasaan ini, fokusnya terhadap pelajaran terganggu. Bagi menangani masalah ini, Anbarasan menasihati pelajar tersebut dengan baik. Nasihat yang diberikan olehnya mengubah hati dan fikiran Gayathiri. Guru penyayang sebeginilah dinyatakan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir dalam pernyataan dibawah:

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA

> "Guru bukan saja bertanggungjawab menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid, tetapi bertanggungjawab juga kepada pembentukan peribadi murid iaitu nilai hidup yang dipegang dan budaya yang diterima olehnya." (Petikan ucapan beliau pada

Sambutan Hari Guru peringkat Kebangsaan di Ipoh pada16 Mei 2000).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Sepertimana yang dinyatakan dalam pernyataan di atas, menjadi tanggungjawab teras Anbarasan untuk membentuk jati diri dan akhlak Gayathiri dengan keluhuran budi pekerti yang tinggi dan akhlak yang mulia. Sebenarnya, teras utama dalam aspek pendidikan adalah untuk membimbing dan memberi pendidikan akhlak murni. Jadi, dalam apa jua mata pelajaran yang diajar oleh Anbarasan, beliau tidak mengabaikan penerapan nilai kemanusiaan. Hal ini yang dinyatakan sebagai 'nilai merentas kurikulum'.

Sejak kebelakangan ini, terdapat banyak kes di mana guru lelaki memandang serong akan pelajar perempuan. Walaupun mereka berada di bidang profesional yang mulia, namun fikiran dan tingkahlaku mereka tidak matang sama sekali. Oleh sebab ini, banyak pelajar perempuan menjadi mangsa kerakusan nafsu guru sendiri. Hal ini dibuktikan melalui berita Sinar Harian, 15 November 2013, Yek berusia 30 tahun, dari Setiawan, Perak dihantar ke penjara untuk memulakan hukuman kerana sebelum ini, dia dibebaskan dengan ikat jamin sementara menunggu rayuan. Pada 26 Januari tahun lepas, Mahkamah Sesyen memutuskan tertuduh bersalah merogol seorang pelajar yang ketika itu berusia 12 tahun 3 bulan di makmal sains sebuah sekolah di Pasir Putih, Kelantan antara 8 pagi dan 3 petang bulan Ogos 2009. Anbarasan berbeza dalam hal ini. Walaupun masih bujang dan diminati oleh seorang pelajar yang agak cantik, namun Anbarasan tidak terpengaruh mahupun lari dari tanggungjawab asalnya. Dengan adanya nilai murni yang tinggi, Anbarasan wajar digelar sebagai

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

insan yang cemerlang dan boleh diteladani. Tiada contoh yang lebih baik yang boleh dijadikan teladan untuk guru-guru pada masa kini.

Masyarakat yang berpendidikan tinggi amat diperlukan dalam pembangunan negara ke arah yang lebih maju. Tidak dapat disangkal, peranan menyediakan masyarakat yang pintar adalah antara tanggungjawab yang perlu dipikul oleh guru. Guru muda kini kurang menyedari bahawa betapa mulianya tugas mereka. Malahan mencari kebendaan menjadi sasaran utama mereka. Fikiran ini menjejaskan kualiti profesionalisme seseorang guru. Situasi seperti di atas dapat dilihat dengan jelas di sekolah tempat Anbarasan berkhidmat.

Bagi menangani masalah sebeginilah wujudnya Model Standard Guru Malaysia. Model ini merupakan suatu standard yang dapat menjadi penanda aras bagi bakal dan para guru di Malaysia dalam melahirkan guru yang berkualiti. Pelancaran buku Standard Guru Malaysia telah dilaksanakan pada 16 Mei 2009 bersempena Hari Guru peringkat kebangsaan. Perasmian yang dilakukan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak turut memberikan jawapan terhadap persoalan para guru mengenai Model Standard Guru Malaysia ini semasa beliau merasmikan pelancaran buku Standard Guru Malaysia tersebut. Beliau dipetik berkata:

> "Bagi guru yang sering bertanya mengenai "berkualiti", apa standard yang mereka perlu ada, maka Standard Guru Malaysia adalah petunjuknya.Walaupun pembikinan Standard Guru Malaysia berasaskan negara luar namun penanda arasnya dibangunkan dalam konteks dan budaya serta amalan nilai-nilai masyarakat negara ini." (Utusan Malaysia, 14 Mei 2009)

Sebagaimana yang digambarkan dalam cerpen ini, Anbarasan yang baru mula berkhidmat tidak mendapat sokongan daripada guru-guru lain manakala rakan sekerjanya cuba mengubah fikiran Anbarasan ke arah yang terpesong. Bagi mereka, kejujuran dalam perkhidmatan tidak begitu penting. Kekayaan adalah segala-galanya. Konsep ini tidak dapat diterima oleh Anbarasan. Malahan Anbarasan berpegang teguh dengan pendiriannya dan menjadikan SGM sebagai pedomannya. Beliau merasakan ianya dosa besar jika memecahkan amanah yang diamanatkan kepada diri sendiri. Anbarasan cuma memikirkan usaha yang perlu diambil untuk memajukan murid dan sekolah tersebut sahaja. Salah satu usaha beliau untuk mengadakan kelas tambahan mendapat tentangan daripada guru matapelajaran yang lain. Namun Anbarasan tidak berpatah hati. Beliau yakin dan mengambil keputusan untuk mengajar sendiri kesemua mata pelajaran yang lain. Anbarasan tidak lokek dalam meluangkan masa beliau sendiri untuk kesejahteraan anak muridnya. Guru yang sebegini wajar dijadikan teladan.

Menurut Tajul Ariffin dan Nor Aini (2002) konsep ibadah dalam profesion perguruan semakin hilang. Ramai guru yang keliru dan terlupa bahawa tugas mendidik adalah satu ibadah. Hal ini mengakibatkan tugasan mendidik dicemari dengan kerakusan untuk mencari kekayaan, kemegahan dan pangkat. Banyak masa dihabiskan untuk perkara-perkara yang tiada kaitan dengan pendidikan. Masyarakat yang memerhati perkara ini akan mula hilang kepercayaan kepada kewibawaan guru. Lama-kelamaan rasa hormat kepada kaum guru akan turut luntur. Fenomena inilah yang akan menyebabkan martabat guru menjadi semakin rendah. Situasi ini memberi kesedaran kepada Anbarasan dan dijadikan iktibar kepada beliau untuk memiliki

perasaan ikhlas, jujur dan penuh iltizam dalam menjalankan tugas mereka sebagai pendidik.

Sejak kebelakangan ini berita guru memukul pelajar, mendera, mencabul dan merogol anak didik sendiri sering berlaku. Kejadian seumpama ini sering dipilih untuk dijadikan tajuk utama bagi media masa dan ianya terus menjadi bualan hangat dikalangan masyarakat. Dahulu, para pendidik mempunyai status yang tinggi dalam hierarki hidup masyarakat tetapi bukan lagi buat masa ini. Pada 15 Disember 2005, seorang guru tuisyen, Patricia Barbara Shanta, 54 tahun telah ditahan kerana mendera pelajar dan menyebabkan kecederaan fizikal ke atas pelajar tahun tiga. Sementara itu, seorang guru didakwa kerana telah menendang pinggang seorang pelajar tahun enam sebanyak dua kali. Kejadian ini berlaku pada 2 April 2007 di salah sebuah sekolah di Sik, Kedah. Antara beberapa lagi kejadian yang menunjukkan keganasan dilakukan oleh guru adalah apabila muka seorang pelajar berusia dua belas tahun senget akibat ditampar seorang guru pada 11 Jun lalu. Pelajar itu ditampar gara-gara ingin mengambil buku di dalam beg sebelum terlewat menghadiri perhimpunan. Dalam hal ini, Anbarasan sedar bahawa keganasan tidak membawa manfaat kedua-dua pihak malahan ia hanya meregangkan hubungan antara guru dengan murid. Oleh hal sedemikian, Anbarasan sentiasa menjadi guru penyayang terhadap anak muridnya.

Dengan ini kita dapat menyatakan bahawa guru merupakan salah satu daripada profession pekerjaan yang ditawarkan di Malaysia sama ada melalui kerajaan ataupun swasta. Zaman pra kemerdekaan melihatkan tugas guru hanyalah mengajar membaca, menulis dan mengira. Seiring dengan peredaran masa, beban di bahu para guru sebagai aset negara semakin bertambah. Peranan mereka dalam dunia pendidikan

sekarang bukan sahaja untuk mengajar, malah, untuk menjana insan yang berjaya. Anbarasan merupakan seorang guru dikatakan antara orang yang paling sesuai dalam memikul peranan ini. Tingkahlaku positif yang ditonjolkan oleh Anbarasan ini menyebabkan terjalin satu ikatan yang kuat dengan pelajar. Hubungan dan pemikaran ini menyebabkan Anbarasan sanggup mengorbankan masa, tenaga dan wang ringgit demi kecemerlangan pelajarnya.

Profesion perguruan juga merupakan badan yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk menghasilkan rakyat masa depan yang serba canggih sebagai jentera penggerak negara. Tanggungjawab profesion perguruan menjadi semakin berat kerana rakyat masa hadapan yang hendak dihasilkan itu bukan sahaja perlu diterapkan dengan pelbagai ilmu pengetahuan semata-mata, tetapi perlu juga diseimbangkan dengan nilai sosial yang baik dari segi moral dan etika yang murni. Malangnya ketika kita bersungguh-sungguh menyahut cabaran masa kini untuk merealisasikan aspirasi negara, timbul pula pelbagai masalah dikalangan guru-guru.

Guru dan pelajar merupakan manusia biasa. Perbezaan yang ada pada mereka adalah dari segi umur dan cara pemikiran. Sudah pasti para guru seperti Anbarasan lebih berumur dan lebih matang dalam cara pemikiran berbanding para pelajar. Para pelajar yang terdiri dalam kalangan remaja biasanya muda dan masih mentah jalan pemikirannya ibarat setampuk pinang. Pada saat-saat yang genting dalam mencari identiti diri ini, para remaja akan menjadikan sesiapa di sekeliling mereka sebagai idola dan contoh. Tugas Anbarasan yang mencabar dan penampilan yang berwibawa menjadikan setiap pelajar melihat beliau sebagai idola mereka ke arah yang positif.

Hal ini dapat dijadikan sebagai platform dalam menjana modal insan pada masa akan datang.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Secara kesimpulan, guru memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Maka, warga guru setentunya wajar dan wajib memanfaatkan kepakaran dan ilmu masing-masing untuk membina insan yang seimbang dalam pelbagai disiplin dan dimensi demi memenuhi untutan zaman global masa kini. Seterusnya, mampu mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan disamping melahirkan pemikir tersohor sebagai pemimpin yang berwibawa dengan kecelikan akal budi demi kegemilangan negara Malaysia di pentas dunia.

Cerpen kedua yang berjudul *"tikarru"* boleh dijadikan panduan untuk pembentukkan insan yang terbilang. Pada suatu petang, Gurunath ternampak seorang wanita yang berusia lewat 50-an, sedang termenung jauh. Raut wajah wanita itu jelas menunjukkan kegusaran di hatinya. Atas dasar prihatin, Gurunath menghampiri wanita tersebut lalu bertanyakan sebab kegusaran tersebut dengan harapan dapat membantunya.

Selepas bercakap hampir 10 minit, Gurunath mengetahui sebab kesedihan wanita itu. Menurut wanita tersebut, dia mempunyai seorang anak perempuan bernama Prema berusia awal 30-an. Namun, berbeza seperti anak gadis yang lain, Prema enggan berkahwin. Walaupun sudah dipujuk, dinasihati, malah dimarahi oleh ibunya, Prema tetap enggan mengubah keputusannya dan sentiasa bertengkah dengan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

ibunya. Apabila Gurunath mengetahui akan perkara ini, beliau bertekad untuk mengubah sikap Prema.

Hal ini menyebabkan iri hati di kalangan sida-sida yang lain. Mereka berharap dapat mendampingi Gurunath lebih dari yang sepatutnya dan merasakan Prema langsung tidak layak mendapat perhatian Gurunath. Atas dasar iri hati ini, beberapa sida mula berkomplot dan menyebarkan khabar angin konannya ada perhubungan sulit antara Gurunath dan Prema. Ianya dicipta untuk mengusir Prema keluar dari Ashrama tersebut.

Walaupun khabar angin ini sampai ke pengetahuan Gurunath, namun beliau tidak mengambil apa-apa tindakan dan menganggap ianya sebagai dugaan. Bagi Gurunath, Tuhan Maha mengetahui dan tidak perlu untuk beliau membela dirinya. Sementara itu, Gurunath terus membimbing Prema ke jalan yang betul. Akhirnya, beliau berjaya mengubah hati anak muridnya. Prema telah insaf dan pulang ke rumah. Di sini tok guru memainkan peranan yang penting dalam melahirkan insan yang terbilang. Walaupun Prema masih muda dan berwajah jelita, namun semua ini tidak dapat mempengaruhi fikiran dan tindakan Gurunath. Demi janji dengan Ibu Prema, beliau melayan Prema sebagaimana anak muridnya yang lain. Prema turut dibenarkan tinggal di biara dengan harapan dia akan berubah. Gurunath wajar dijadikan contoh insan yang sempurna kepada imam-imam dan sami-sami yang lain. Mereka inilah yang dianggap contoh kepada ramai orang berikutan tugas mereka yang sentiasa mendampingi Tuhan dan hal-hal keagamaan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

4.4.2 PERANAN ANAK SEBAGAI TELADAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Dewasa ini masyarakat berhadapan dengan suasana yang penuh dengan kemelut keruntuhan akhlak yang cukup membimbangkan. Kita seringkali dihidangkan dengan berita-berita yang negatif tentang generasi muda berbanding dengan sebilangan kecil kisah kejayaan dan kecemerlangan yang telah diraih oleh mereka.

Dalam mengarap usaha untuk menangani permasalahan ini, para sasterawan di negara kita telah mengarang pelbagai jenis cerpen. Kebanyakkan cerpen ini memaparkan para remaja itu sendiri sebagai watak utama yang beretika dan bermoral. Salah satu cerpen yang boleh dicontohi oleh remaja kini ialah *uci ilai maram.* Dalam cerpen ini, kita dapat melihat dengan jelas bagaimana seseorang anak memainkan peranan penting dalam pembentukkan insan yang berjaya. Watak utama dalam cerpen ini telah melalui pelbagai peringkat perkembangan manusia. Salah satu teori yang mengagumkan tentang psikologi perkembangan adalah teori *Erik Homburger Erikson*. Dalam teori ini, Erikson mengelompokkan tahap kehidupan ke dalam lapan peringkat yang merentas sejak kelahiran hingga kematian. Mengikut pengiraan tahap kehidupan beliau, watak utama ini telahpun melalui enam peringkat iaitu tahap usia bermain (*Play Age*): 3 hingga 5 tahun tahap usia sekolah (School Age): Usia 6 – 12 tahun tahap remaja (Adolescence): usia 12 hingga 18 tahun tahap dewasa awal (Young Adulthood): Usia 18 hingga 35 tahun (Neil J. Salkind, 2010).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

'Aku' merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai bagi ibu bapa beliau. Sejak 'Aku' lahir sehingga mendirikan rumah tangga sendiri, beliau berada di dalam

pengawasan, bimbingan dan tumpuan ibu bapanya. Jadi, sudah menjadi lumrah 'Aku' mematuhi kata-kata ibu bapanya selagi tidak bercanggah dengan ajaran agama. Hubungan antara 'Aku' dengan ibu bapa sememangnya akrab namun perselisihan faham masih berlaku. Kebiasannya, perselisihan itu tidak berlarutan untuk sesuatu tempoh yang lama.

Ibu bapa 'Aku' merupakan insan yang berpegang teguh dengan ajaran agama Hindu. Oleh hal demikian, 'Aku' yang juga anak sulung mengamalkan tradisi kaum Hindu sejak kecil lagi. Bagi melahirkan insan yang berdisiplin dan bertingkahlaku baik, kedua-dua ibu bapanya sangat tegas dalam mengawal perkembangan tingkahlaku 'Aku' dan adik beradik yang lain. Hal ini menyebabkan 'Aku' tidak mempunyai kebebasan untuk melakukan sesuatu tanpa keizinan ibu bapanya. Walaupun ketegasan ini mengongkong 'Aku' tetapi ia memberikan satu impak yang baik dalam kehidupan 'Aku' untuk menjadi insan yang sempurna kelak. Remaja yang sebaya 'Aku' biasanya inginkan kebebasan yang penuh. Mereka tidak sedar bahawa kebebasan tanpa kawalan boleh membawa lebih banyak kesan negatif berbanding kesan positif. Kita dapat melihat bahawa bilangan contoh remaja modal insan seperti 'Aku' semakin berkurangan. Masalah ini secara langsung akan merencatkan perkembangan negara kerana masa hadapan negara bergantung kepada remaja. Menurut Mohammad Abu Bakar, perkembangan teknologi dan kemajuan tidak hanya menbawa perkembangan positif dalam kehidupan manusia namun terdapat impak negatif yang wujud, contohnya seperti penyalahgunaan teknologi internet dan pergaulan tanpa batasan. Pembendungan kesan-kesan negatif ini dapat dilakukan dengan mendedahkan para remaja kita dengan nilai-nilai etika yang sewajarnya. Pendedahan terhadap nilai-nilai etika dan moral yang baik akan membentuk sebuah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

masyarakat yang memahami tentang kebaikan dan keburukan yang wujud daripada kesan perkembangan kemajuan disamping bertindak untuk menjadi penghakis daripada melakukan perbuatan yang tidak beretika. Masalah sosial ini berlaku kerana kebebasan yang disalahgunakan dan ketegasan yang disalahertikan. Namun, dalam cerpen ini 'Aku' amat memahami ketegasan yang ditonjolkan oleh ibu bapanya dan ini membantu 'Aku' dalam pembentukan modal insan.

Menurut Mohamad Azhari Abu Bakar (2010), remaja digolongkan dalam kategori anak muda yang berumur sekitar 13 tahun hingga 25 tahun. Dalam peringkat umur ini, remaja amat mudah terpengaruh dengan alam persekitaran dan suasana. Kehidupan remaja selalunya inginkan segala-galanya serba ideal dan tertulis indah. Kehidupan yang berwajah glamor sering menjadi inspirasi remaja. Oleh itu, mereka cenderung untuk cuba melakukan sesuatu yang baru dan mudah terpengaruh dengan hiburan dan keseronokan atas dorongan nafsu diri sendiri. Nafsu, naluri, keinginan serta kemahuan merupakan pendorong untuk remaja melakukan sesuatu perkara. Penerapan nilai-nilai etika dapat membantu mereka dalam menilai baik buruk sesuatu tingkah laku tersebut. Selain itu ianya juga dapat bertindak sebagai pendinding untuk para remaja agar tidak terpengaruh dengan perbuatan yang tidak beretika. Tumbesaran remaja seiring dengan pengisian nilai-nilai etika dapat membentuk masyarakat yang baik dan mempunyai sahsiah yang terpuji. Disebabkan 'Aku' telah didedahkan dengan pelbagai nilai kemanusiaan, watak ini langsung tidak terpengaruh dengan anasir negatif. Jadi tidak keterlaluan jika dikatakan nilai kemanusiaan mampu menjana pembentukan insan yang sempurna.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Kegemaran 'Aku' untuk membaca hikayat-hikayat dan cerita berdasarkan Hinduisme juga banyak membantu dalam pembentukkan imej dan fikiran yang baik. Hikayat *Ramayana* turut menceritakan tentang Sri Rama yang amat taat dan setia kepada ibu bapanya. Walaupun Sri Rama dan Seetha dijodohkan oleh ibu bapa, namun mereka tidak melepasi batasan sehingga perkahwinan dilangsungkan. Mereka berdua masih berpegang teguh dengan pengajaran ibu bapa masing-masing. Sikap yang ditonjolkan oleh Sri Rama dapat dilihat menerusi watak 'Aku' dalam cerpen ini. Kehidupan dan kesucian 'Aku' sebelum dan selepas perkahwinan agak selaras dengan konsep hikayat *'Ra:mayana'*. Menurut Kenny dan Rice (1995), pelajar yang mempunyai pertautan yang baik dengan ibu bapa mempunyai konsep kendiri yang jelas, estim kendiri dan keupayaan sosial yang tinggi serta penyesuaian yang lebih berkesan. Keperluan remaja dalam membuat keputusan akan menilai sejauh manakah keberkesanan nilai-nilai yang disemai oleh ibu bapa. Begitu juga dalam cerpen 'Aku' seorang remaja banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya namun dengan pertautan yang baik, 'Aku' dapat membuat keputusan dengan lebih baik. pemikiran matang 'Aku' menyebabkannya menjadi insan yang sempurna.

Menyedari permasalahan remaja pada masa kini, cerpenis mengarang cerpen dengan 'Aku' sebagai contoh insan yang berjaya. Mereka berharap contoh sebegini dapat dijadikan idola dan pedoman bagi generasi muda kini. Cerpen-cerpen sebegini amat membantu dalam pembentukkan insan yang cemerlang.

Tidak keterlaluan jika dikatakan anak-anak dewasa pada era ini semakin hilang sifat menyayangi ibu bapa. Pembangunan yang semakin pesat dan maju, menghilangkan nilai yang mulia ini. Justeru itu, berbagai ragam krisis akhlak dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

moral kini terus menular, merebak dan mewabak dalam masyarakat kita khasnya di kalangan remaja. R.Karthigesu juga menekankan betapa pentingnya kasih sayang bagi seseorang anak melalui cerpen *nallavaravatum tiyavaravatum.* Cerpen ini mengisahkan tentang seorang anak yang nakal dan liar namun dapat berubah kepada anak yang baik selepas diberikan peluang. Dalam cerpen ini, Muttaiya tidak merasai kasih sayang bapa sejak kecil lagi kerana bapanya telah meninggal dunia. Bagi mengatasi masalah kewangan dan menyara keluarga, ibunya Parvathi bekerja di sebuah kilang. Bagi mendapatkan pendapatan yang tinggi, Parvathi sanggup bekerja syif. Hal ini menyebabkan Parvathi tidak dapat menunjukkan kasih sayang sepenuhnya kepada Muttaiya dan Meena. Pengorbanan ibu yang penyayang, sentiasa mementingkan masa depan dan mengambil berat tentang kesihatan kedua-dua anaknya tidak difahami, dirasai atau disedari oleh Muttaiya dan akibatnya dia mula menjinakkan diri dalam gejala negatif.

Walaubagaimanapun, Parvathi sentiasa menasihati Muttaiya agar belajar bersungguh-sungguh. Disebabkan pengaruh kawannya agak kuat, Muttaiya mula melakukan perkara-perkara yang kurang sopan. Apabila Parvathyi mengetahui tingkahlaku anaknya yang sebenar, beliau berasa sedih dan kecewa sehingga jatuh sakit. Apabila Muttaiya mengetahui bahawa ibunya sakit tenat, dia mula berasa takut ibunya juga akan meninggalkannya. Pada saat inilah Muttaiya sedar akan kesalahan lalu insaf. Muttaiya berjanji pada ibunya bahawa dia akan menjadi seorang anak yang membanggakan ibunya. Sebagai anak, perasaan bersalah menebal dalam hati namun sikap inilah yang mendorong Muttaiya untuk berubah. Sifat ini harus wujud dalam setiap anak untuk menjadi insan yang berjaya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Oleh itu, contoh insan teladan sebagai seorang anak perlu diterapkan ke dalam diri setiap individu. Dalam cerpen-cerpen R.Karthigesu, peranan insan berteladan sebagai anak tidak diabaikan. Seseorang anak itu perlu patuh dan taat kepada ibu bapa mereka tidak kiralah dalam apa-apa jua keadaan sekalipun. Seburuk-buruk layanan, mereka tetap ibu bapa yang menjaga kita semasa kecil. R.Karthigesu menyedari hakikat itu dan menyemaikan nilai ini ke dalam kebanyakkan cerpennya.

4.4.3 PERANAN BAPA SEBAGAI TELADAN

Peningkatan kos sara hidup pada masa kini memaksa bapa untuk bekerja lebih masa. Hal ini menyebabkan masa yang diluahkan bersama anak semakin berkurangan. Keletihan bekerja turut menyebabkan bapa terlupa mengenai tanggungjawab di rumah. Cerpenis yang sedia maklum tentang permasalahan ini telah mengarang banyak cerpen yang mengisahkan tentang perjuangan bapa dalam mengagihkan masa antara bekerja dan keluarga. Contohnya ialah watak Kumaran dalam cerpen *muppatu latcam perum*. Perjuangan Kumaran wajar dijadikan contoh sebagai insan yang berjaya dan boleh dijadikan teladan

Kesibukkan tugas memaksa bapa-bapa tidak peka terhadap kesihatan anak masing-masing. Namun, ini berbeza bagi watak Kumaran. Walaupun beliau berjauhan dan sentiasa bekerja sehingga larut malam tetapi Kumaran tidak pernah lupa untuk bertanyakan khabar tentang anaknya. Pada satu malam, Sakunthala telah terlibat dalam kemalangan jalan raya. Kecederaaan yang dialaminya pada bahagian kepala dan kaki menyebabkan anak kecil ini berada dalam keadaan serius. Apabila majikan

Kumaran mendapat berita ini, ketuanya amat bimbangkan keadaan Kumaran. Majikannya sedar kasih sayang Kumaran akan menyebabkan beliau tidak dapat menerima kenyataan ini dengan mudah. Walaubagaimanapun, majikannya tetap menghubungi Kumaran serta merta untuk menyampaikan berita sedih ini. Kumaran dapat mengenal suara di sebalik talian itu sebagai majikannya. Beliau merasa pelik mengapa majikannya menelefon pada waktu sebegini.

> "Kumaran, tolong dengar dengan baik. Saya ada berita yang kurang baik buat kamu. Sakunthala terlibat dalam kemalangan sebentar tadi dan mengalami kecederaan di bahagian kepala. Kakinya turut patah. Saya harap Kumaran bersabar dan dapat menerima berita ini dengan tenang." *(muppatu latcam perum 2003:101)*

Kumaran tidak dapat menerima hakikat ini dengan fikiran terbuka. Tanpa melengahkan masa, Kumaran terus ke lapangan terbang untuk segera pulang ke tanah air. Kasih sayang seorang bapa terhadap anak menyebabkan Kumaran mengorbankan segala kekayaan dan peluang kenaikan pangkat. Baginya, keselamatan Sakunthala lebih penting berbanding dengan segala-galanya buat masa ini. Tiada benda yang lebih bernilai dari nyawa anaknya. Kita dapat lihat bahawa bukan semua bapa akan bertindak seperti Kumaran. Bapa yang lebih mementingkan kewangan dan harta benda pasti tidak akan bertindak sebegini.

Walaupun anak merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai, namun bukan semua bapa menyedari hal ini. Lebih menyedihkan ada bapa yang menganggap anak sebagai penghalang dalam karier mereka. Jadi tidak menghairankan apabila mereka melepaskan tekanan kerja kepada anak sendiri. Salah satu kesan langsung daripada

akibat ini ialah peningkatan kes penderaan kanak-kanak di negara kita. Antara isu hangat yang pernah dipaparkan di Utusan Malaysia ialah pasangan Malaysia di Sweden, Azizul Raheem Awaluddin dan Shalwati Norshal yang didakwa di mahkamah Sweden atas tuduhan memukul dan mendera keempat-empat anak mereka dalam beberapa insiden sepanjang tiga tahun sejak September 2010.

Bapa merupakan tunjang dan teras keutuhan dalam suatu institusi kekeluargaan. Tanpa tanggungjawab bapa, anak-anak akan hanyut dalam arus kehidupan yang penuh pancaroba. Atas dasar kesedaran inilah, semua bapa harus peka dan lebih prihatin untuk membimbing anak-anak ke arah kecemerlangan dalam kehidupan masing-masing. Dengan ini, kita mampu melahirkan insan yang cemerlang demi pembangunan dan kemajuan negara selaras dengan visi Satu Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Menurut Saedah Ghani (1992), menjelaskan corak peraturan dan norma keluarga dalam sebuah keluarga boleh menjamin sifat harmoni dan hormat di kalangan ahli-ahli keluarga. Seharusnya, dalam sebuah keluarga yang berfungsi, norma dan peraturan yang ada perlulah jelas, positif, adil dan tekal. Sifat hormat dan perasaan kemesraan sukar wujud apabila ahli keluarga kurang jelas mengenai disiplin dan tingkah laku yang diterima. Hal ini telahpun dititikberatkan oleh Kumaran dalam kehidupannya. Corak perhubungan Kumaran bersama keluarga dalam memberi sokongan dan kemesraan kepada ahli keluarga menyebabkan beliau melahirkan keluarga yang sepadu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.4.4 PERANAN KAKAK SEBAGAI TELADAN

Rajeshwary merupakan seorang kakak yang patut dicontohi oleh anak muda-mudi masa kini. Beliau dan adiknya amat rapat seperti kata pepatah 'bagai isi dan kuku'. Dalam cerpen *'Na:laikku'*, cerpenis menggambarkan peranan seorang kakak sebagai anak sulung. Dalam konteks ini, anak sulung boleh dikatakan sebagai ketua dalam susunan adik-beradik. Oleh yang sedemikian, anak sulung selalu diberi kepercayaan untuk mengawasi pergerakan adik-beradik yang lain. Sebagai anak sulung yang masih kecil, kadangkala keinginan dan impian mereka sendiri akan menyebabkan mereka melupakan adik-beradik yang lain. Namun, sikap ini akan berubah apabila mereka semakin membesar. Acapkali, anak sulung ini akan melakukan pengorbanan semata-mata untuk melihat adik-beradik yang lain bagi mencapai impian dan seterusnya membanggakan nama baik ibu bapa mereka. Tindakan sebeginilah dilakukan oleh Rajeshwary dalam cerpen ini.

Selepas kematian ibunya, Pathma tiada tempat bergantung. Pathma yang masih di bangku sekolah lagi tidak mempunyai sesiapa untuk menjaganya. Kematian ibu bapa Rajeshwary menyebabkan adiknya berkeseorangan. Situasi ini membimbangkan Rajeshwary dan akhirnya beliau membuat keputusan untuk membawa Pathma tinggal bersama dengannya. Sikap sebegini jarang dijumpai di kalangan adik-beradik pada masa kini. Jika menghadapi masalah seperti Rajeshwary, kebanyakkan adik-beradik yang lain cuma akan memikirkan diri sendiri sahaja tanpa menambah beban sedia ada. Bagi mereka membantu tanpa balasan akan merugikan diri sendiri. Jika membantu sekalipun mungkin ada yang mengharapkan balasan. Pada era ini, jumlah adik beradik yang bersikap pentingkan diri sendiri semakin meningkat

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

berbanding dengan adik-beradik yang penyayang. Masyarakat sebegini perlu berubah dan mencontohi insan seperti Rajeshwary.

Selepas ditahan oleh polis atas tuduhan membunuh Baskaran, Pathma terpaksa meringkuk dalam penjara. Setahun berlalu dan Pathma dibebaskan kerana berkelakuan baik semasa dalam tahanan. Rindu Pathma yang memuncak ke atas Rajeswary memaksa Pathma menulis sepucuk surat kepada kakaknya bahawa dia sudah bebas. Keluarga Segaran yang mengetahui hal ini amat marah dan cuba untuk menghalang Rajeswary dari bertemu adiknya. Mereka masih marah akan tindakan Pathma membunuh Baskaran. Rajeswary yang amat gembira dengan berita pembebasan Pathma lantas merancang dan bertemu dengan Pathma walaupun sedar tindakan beliau mampu mengundang sifat benci keluarga Segaran ke atasnya. Rajeswary akhirnya membuat keputusan membawa Pathma pulang semula ke rumah Segaran namun, tindakan ini mendapat tentangan hebat dari keluarga suaminya. Rajeswary yang dapat menjangkakan respons ini telah bertindak mencari dan menyewa sebuah bilik terlebih dahulu. Rajeswary membuat keputusan yang mengejutkan semua apabila beliau tekad meninggalkan keluarga suaminya untuk tinggal bersama Pathma. Sebagai seorang kakak, Rajeswary menjadi contoh insan terkemuka apabila mempertahankan Pathma dan terus bersama adiknya walaupun tindakan ini mampu mengugat masa depannya sendiri. Rajeswary percaya akan konsep 'berani kerana benar' dan baginya tidak bermaksud apa-apa jika beliau meninggalkan Pathma keseorangan walaupun Pathma berada di pihak yang betul. Contoh kakak sebegini turut dapat dibaca dalam Hikayat *Periya Pura:nam.* Hikayat ini mengisahkan tentang kakak yang bernama Thilagawathy yang sanggup memendamkan kesedihan diri sendiri demi untuk adik lelakinya, Thirunavukarasar.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Selepas kematian suaminya secara mengejut, Thilagawathy mengambil keputusan untuk membunuh diri. Namun, beliau mengubah pendiriannya demi untuk menjaga dan membesarkan Thurunavukarasar. Hikayat ini amat mirip dengan kisah Rajeswary. Kedua-dua watak utama mempamerkan nilai sanggup berkorban yang hampir sama. Disebabkan nilai pengorbanan yang tinggi, watak Rajeswary wajar dijadikan contoh insan yang berteladan.

Secara kesuluruhan, peranan Rajeshwary sebagai insan berteladan dapat dilihat dengan jelas walaupun dalam dua situasi yang berbeza. Dalam situasi pertama Rajeshwary membuat keputusan mengambil adiknya untuk tinggal bersama keluarga suami. Tindakan Rajeshwary memang tidak popular kerana dalam tradisi Hindu, wanita yang sudah berkahwin tidak boleh membawa adik-beradik yang lain untuk tinggal bersama. Rajeshwary sanggup membelakangkan tradisi untuk kesejahteraan adiknya. Dalam situasi kedua, Rajeshwary sanggup merisikokan rumah tangganya demi melindungi Pathma yang tidak bersalah. Secara tidak langsung, perbuatan Rajeshwary ini akan membuka pekung keluarga suaminya dan peluangnya untuk berbaik dengan mereka pasti akan lenyap. Melalui situasi ini, kita dapat melihat bahawa Rajeshwary bertindak atas dasar sifat kasih sayang dan kebenaran. Tiada contoh insan yang lebih baik daripada Rajeshwary sendiri. Dengan adanya kakak dan wanita seperti Rajeshwary, harapan untuk melahirkan keluarga bahagia, masyarakat penyayang dan seterusnya negara maju pasti akan tercapai.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

4.4.5 PERANAN REMAJA SEBAGAI TELADAN

Dalam cerpen ini, ibu bapa Senthil tidak pernah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik. Bagi mereka kekayaan dan kebendaan adalah lebih penting daripada institusi keluarga. Sejak kecil lagi, Senthil lebih mengharapkan kasih sayang ibu bapa tetapi mereka tidak mencurahkan kasih sayang seperti yang diharapkan. Walaupun Senthil kesunyian, namun dia tidak pernah melibatkan diri dalam gejala negatif dan terus berpegang teguh kepada nilai etika yang baik. Etika ini dibentuk dalam diri Senthil atas usaha diri sendiri. Kebanyakan pengkaji lain telah memberi pandangan masing-masing mengenai nilai etika.

Etika ialah ilmu yang menyelidik perkara mana yang baik dan buruk dengan memperhatikan amal perbuatan manusia sejauh yang dapat diketahui oleh akal fikiran, (H. Hamzah Ya'qub, 1983). Moral ialah tingkat laku yang sedang atau telah dilakukan oleh individu. Penentuan baik dan buruk moral dilakukan oleh seseorang bergantung kepada dasar etika yang dipegang, dipatuhi dan dijadikan garis panduan (Abdul Rahman Abdul Aziz, 2002). Etika dan moral adalah sesuatu yang abstrak serta bergantung kepada tahap pemikiran seseorang. Nilai-nilai etika yang dimiliki oleh seseorang akan menentukan tingkahlakunya. Nilai-nilai etika diperolehi melalui pembelajaran secara formal dan tidak formal. Contoh pembelajaran formal adalah seperti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan kelas agama. Pembelajaran formal akan melibatkan guru ataupun pengajar untuk memberikan tunjuk ajar kepada para pelajar. Pembelajaran yang tidak formal pula adalah melalui pengalaman dan juga pemerhatian oleh seseorang. Pembentukan nilai-nilai etika ini perlu dimulakan dari usia muda untuk memudahkan pengisian nilai-nilai etika dalam diri dan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

pembentukan sahsiah yang baik. Menurut pernyataan diatas, cerpen *'tankac cirakukal'* merupakan salah satu bahan tulisan yang boleh diambil sebagai contoh bagi pembinaan insan yang boleh dijadiakan teladan

Senthil menyedari bahawa ibu bapanya tidak akan insaf maka dia pun merancang untuk keluar dari rumah buat sementara waktu. Sebenarnya Senthil tidak mempunyai sebarang rancangan. Biarlah takdir yang menentukan nasib diri, fikir Senthil. Setelah menempuh perjalanan bas selama beberapa jam, Senthil tiba ke sebuah kawasan yang sangat asing baginya. Perut Senthil juga mula berkeroncong. Setelah berjalan beberapa langkah, mata Senthil terpaku kepada sebuah kedai makan di seberang jalan. Senthil bergegas ke sana untuk mengisi perut. Situasi keseorangan dan berlapar ini memberi tekanan kepada Senthil. Tekanan yang tidak dapat dikawal oleh individu yang mengalaminya mungkin mendatangkan kesan yang negatif. Sesetengah remaja melakukan cara yang kurang sihat untuk mengatasi gangguan tekanan. Akhimya cara sedemikian mendatangkan kesan negatif kepada diri mereka sendiri. Perkara ini dititikberatkan oleh Senthil dan dia tidak mahu melibatkan diri dalam gejala yang tidak baik. Seperti yang dinyatakan oleh Hans Selye (1956) dalam bukunya *The Stress of Life "No one can liveWithout experiencing some degree of stress at all."* Tekanan yang dialami oleh Senthil membawa kesan yang positif. Situasi ini mendorong Senthil untuk memperbaiki pencapaian diri, menghadapi cabaran dan membuat penyesuaian dengan corak kehidupan yang sentiasa berubah. Pernyataan ini juga disokong oleh Johnson. Dalam situasi ini, cerpenis menggambarkan Senthil sebagai seorang remaja yang berfikiran rasional. Sikap ini perlu dicontohi oleh remaja yang lain untuk menjadi insan yang sempurna seperti Senthil.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Semasa Senthil bekerja di restoran, dia digambarkan sebagai seorang insan yang sempurna. Bagi Senthil dunia pekerjaan ini merupakan satu pengalaman yang baru dan memberikan pengaruh yang cukup besar dalam kehidupannya. Kebiasaannya satu pertiga daripada kehidupan seharian Senthil diluangkan di tempat kerja. Senthil terus menerus melakukan kesemua kerja yang mampu dibuatnya. Pantang ada masa lapang, Senthil akan mengemas meja, membasuh pinggan atau menyapu. Jika ada pelanggan, Senthil menjadi orang pertama yang akan mengambil pesanan dan pada masa yang sama, dia turut menghantar makanan dan minuman kepada pelanggan yang lain. Pendek kata, Senthil merupakan seorang remaja yang sungguh bersemangat dalam menjalankan tugasan harian. Kesemua ini dilakukan Senthil tanpa mengeluh atau mengelus. Bagi Senthil, dia mahu menaikkan nama Kedai Makan Mydin sebagai cara untuk membalas jasa Mydin yang membantunya ketika dia dalam kesusahan. Kedatangan Senthil ke kedai Mydin membawa keuntungan yang banyak. Senthil merupakan pekerja yang tekun, produktif dan boleh dipercayai. Dalam situasi ini, Senthil boleh dicontohi sebagai insan yang boleh dijadikan teladan bagi kedai makanan itu. Perkhidmatan yang dihasilkan oleh Senthil sangat bagus dan boleh diteladani. Senthil mempunyai integriti dan sikap yang betul terhadap pekerjaan. Selain itu, Senthil juga tabah dalam menghadapi cabaran dan rintangan dengan sikap positif, tidak sombong atau cepat berpuas hati. Dia merupakan seorang pekerja yang setia kepada organisasi, mengamalkan meritokrasi, dan mahu belajar secara berterusan berkaitan dengan bidang perniagaan.

Tekanan disebabkan pekerjaan merupakan satu masalah yang dihadapi oleh manusia dan ianya memberi kesan kepada personaliti, reaksi tubuh badan dan mental seseorang. Selain itu, persekitaran pekerjaan sebegini juga memberikan desakan dan

tekanan tertentu yang merangsang tindak balas individu secara mental dan fizikal. Senthil juga mengalami situasi sebegini dalam dunia pekerjaannya. Namun, dia mengurus segala masalah dengan sempurna. Bagi Senthil, jasa Mydin terlalu besar untuk dirinya dan dia berazam untuk menunjukkan hanya yang terbaik. Fikiran mengenai ibu bapanya langsung tidak terlintas di fikiran Senthil.

Selain itu, cerpenis juga menyampaikan satu mesej yang bagus bagi para remaja pada zaman kini. Walaupun Senthil tidak mempunyai wang saku untuk makan dan minum, tetapi dia tetap berazam untuk mencari duit melalui jalan yang betul. Demi sumber kewangan, Senthil tidak pernah berfikir untuk melibatkan diri dalam gejala yang negatif. Golongan remaja sebeginilah membantu dalam pembangunan dan membanggakan nama negara. Salah seorang remaja yang boleh dicontohi adalah Mohd T Aseef.

Seorang remaja rakyat Malaysia mencipta sejarah sebagai antara penunggang kuda terbaik pada acara sukan berprestij, Kejohanan Ekuestrian Dunia FEI Alltech. Beliau adalah Mohd T Aseef Abdul Mutalib, berusia 17 tahun, yang juga peserta paling muda di kalangan penunggang dari 72 negara, berjaya menamatkan saingan kategori Ujian Ketahanan (Endurance) pada kedudukan ke 27 pada kejohanan yang berlangsung di Normandy, Perancis itu. Pencapaian Mohd T Aseef adalah momen membanggakan bagi pasukan Malaysia, lebih-lebih lagi remaja itu mengenakan kelengkapan menunggang termasuk topi keledar dan baju dengan warna Jalur Gemilang sambil mengibarkan bendera negara ketika menunggang kudanya, Eldina Kungfu (Berita Semasa, 17 September 2014).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

4.4.6 PERANAN IBU SEBAGAI TELADAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Cerpen berjudul *"vellaip punaiyum karuppuk kuttikalum"* dan "*makesvariyin pillai*" ini menggambarkan tentang peranan ibu sebagai modal insan. Walaupun tajuk kedua-dua cerpen ini berbeza tetapi isi kandungannya adalah lebih kurang sama. Menurut Martono (2009), pengorbanan berasal daripada perkataan korban, yang bermaksud memberi secara ikhlas harta benda, tenaga, fikiran bahkan mungkin nyawa demi cinta dan ikatan dengan sesuatu atau demi kesetiaan. Seseorang yang berkorban sesuatu tidak pernah memikirkan untuk mendapat balasan dalam apa-apa bentuk seperti jasa, kedudukan, pangkat serta harta benda. Pernyataan ini sesuai menggambarkan watak Parvathy dan Mageswari. Pengorbanan yang ditonjolkan oleh kedua-dua ibu ini menyebabkan mereka menjadi insan yang boleh dicontohi.

Kedua-dua ibu ini berasa sedih dan terkilan apabila mengetahui bahawa anak mereka dilahirkan cacat. Namun, mereka tidak membenci anak-anak mereka malah mengorbankan banyak perkara demi kebahagiaan anak masing-masing. Dalam cerpen "*makesvariyin pillai*", Mageswary berperanan sebagai seorang ibu kepada dua orang anak. Anak kedua Maheswari dilahirkan cacat. Anak keduanya tidak mampu bergerak dan sentiasa terbaring di atas katil. Bagi mengetahui dan menyempurnakan segala kehendak anaknya, Mageswary terpaksa berada di sisi Jega. Ibu penyayang ini sentiasa memerhatikan segala gerak-geri anaknya. Segala aktiviti harian seperti membeli belah, melancong, melawat saudara, malah menghadiri majlis perkahwinan atau kematian turut dielak oleh Mageswary. Pendek kata, masa Mageswary

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

dihabiskan bersama anak keduanya sahaja. Hal ini dapat dibuktikan dalam petikan di bawah:-

> "Saban setiap hari, Mageswary terpaksa memikul anaknya jika mahu mengerakkannya ke tempat lain.Dia melakukannya dengan cermat kerana jika terkasar walaupun sedikit, ada kemungkinan untuk tulang anaknya retak. Sekiranya anaknya terbuang air kecil atau besar, Mageswary pantas menukarkan lampin dan membersihkan sisanya. Anaknya juga perlu diberi ubat setiap 3 jam. Untuk mengelakkan kesesakan nafas yang mungkin berlaku jika terlewat mengambil ubat, Mageswary sentiasa menggunakan jam loceng" (*makesvariyin pillai 2001:17).*

Kesibukkan yang dihadapi Mageswary memaksa beliau untuk meletak jawatan sebagai guru. Dengan pendapatan suaminya yang 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang", Mageswary tidak mampu untuk menggajikan orang bagi menjaga Jega. Bagi insan pada masa kini yang lebih pentingkan kebendaan dan wang ringgit daripada tali persaudaraan, cerpenis menggambarkan masih terdapat ibu yang mulia seperti Mageswary.

Cerpen berjudul *"vellaip punaiyum karuppuk kuttikalum"* mengisahkan tentang seorang anak cacat, Arumugam yang dilahirkan kepada seorang ibu penyayang Parvathy dan bapa pemabuk, Ponnusamy. Lebih menyedihkan, anak tersebut amat dibenci bapanya sendiri. Parvathy terpaksa menghantar anaknya untuk diasuh semasa dia keluar bekerja. Parvathy terpaksa bekerja untuk menyara keperluan Arumugam. Anaknya menghidapi penyakit Polio semasa kecil dan akibatnya dia lumpuh. Parvathy juga terpaksa mendukung Arumugam kerana dia tidak mampu

bergerak sendiri. Pada satu hari, Parvathi mendapat panggilan telefon dari Ponnusamy yang mahu pulang ke rumah. Lantas Parvathy membawa Arumugam balik agar dia dapat memasak untuk suaminya. Semasa sedang memasak, Parvathy membiarkan Arumugam bermain bersendirian dengan dua ekor kucing. Selepas seketika, Arumugam yang kebosanan memanggil Parvathy untuk turut bermain bersamanya. Walaupun terhimpit dengan tugasan memasak untuk Ponnusamy, Parvathy tetap melayan kehendak Arumugam. Ponnusamy sebenarnya datang untuk meminta wang dari Parvathy. Dia tahu Parvathy ada menyimpan sedikit barang kemas. Ianya disimpan untuk kegunaan rawatan Arumugam sekiranya kecemasan. Pada mulanya Ponnusamy meminta secara baik, namun apabila Parvathy enggan menyerahkannya, Ponnusamy mula bertindak kasar dan memukul Parvathy. Dia kemudian meninggalkan rumah tersebut dengan barang kemas Parvathy ditangannya. Walaupun rumah tanggannya hampir musnah disebabkan Arumugam, namun Parvathy tidak pernah terlintas untuk mengabaikan anaknya. Parvathy merupakan seorang ibu yang dijadikan contoh.

Tidak dapat dinafikan bahawa ibu merupakan individu yang paling penting dalam sebuah institusi keluarga. Ibu bukan sahaja perlu menanggung tanggungjawab menyara kehidupan keluarga, malah harus mendidik dan mengasuh anak supaya menjadi orang yang berguna. Anak-anak umpama kain putih dan ibu yang akan mencorakkannya. Oleh itu, ibu memainkan peranan yang amat penting dalam melahirkan insan yang cemerlang dan sempurna dari segi jasmani, rohani, emosi, mental serta intelek.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Hasil daripada perbincangan dua buah cerpen di atas, dapat dirumuskan tentang seorang ibu lebih diutamakan kepada anak daripada suaminya sendiri. Dua buah cerpen ini mencitrakan tentang pengorbanan ibu serta wajar dijadikan contoh.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

4.4.7 PERANAN WARGA TUA SEBAGAI TELADAN

Watak utama dalam cerpen *'malliyum malaiyum'* memainkan peranan sebagai datuk dalam melahirkan insan yang boleh dijadikan teladan. Watak utama dalam cerpen yang dipilih ini menitik beratkan tentang aspek kesihatan. Sikap ini wajar dicontohi oleh generasi muda pada masa kini. Pada pandangan beliau, kesihatan diri ditekankan sebagai satu agenda utama. Tidak dapat dinafikan dengan menjaga kesihatan diri, kecerdasan mental dan kecergasan fizikal boleh dijamin. Oleh yang sedemikian, pelbagai cara dirancang dalam konteks kesihatan. Pertumbuhan kanak-kanak yang optimum dapat membantu perkembangan fizikal yang sihat, pembentukan kendiri yang positif dan lebih berkeyakinan diri. Bagi beliau, penguasaan psikomotor yang baik pada Malli amat penting bagi membantu pergerakan asas dan kemahiran menulis. Malli pada peringkat ini adalah anak yang aktif. Pergerakan anggota Malli menyebabkan kelesuan otot yang cepat. Oleh itu, Malli diajar supaya berehat oleh datuknya. Beliau juga menitikberatkan tentang perkembangan fizikal. Hal ini dapat membantu meningkatkan kecerdasan, kesihatan dan keselamatan Malli. Bagi beliau aktiviti fizikal bagi cucunya penting kerana ianya memupuk kesejahteraan hidup dan kesedaran tentang gaya hidup yang sihat. Perkembangan fizikal yang ditekankan oleh beliau memberi manfaat yang lebih dalam pertumbuhan dan pembesaran Malli dalam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

keadaan sihat, selamat dan cergas. Langkah-langkah penjagaan kesihatan yang diambil oleh datuk amat membantu dalam perkembangan Malli.

Di sini kita dapat lihat bahawa dalam institusi keluarga,. datuk turut memainkan peranan yang penting. Hal ini juga ditekankan oleh Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Tan Sri Napsiah Omar, berkata arus kemodenan negara hari ini memperlihatkan pentingnya peranan datuk serta nenek dalam sesebuah institusi keluarga. Kita tidak boleh menolak bahawa warga emas adalah aset negara kerana mereka mempunyai ilmu pengetahuan lengkap, pengalaman, kemahiran, nilai-nilai unggul seperti tanggungjawab, hormat menghormati, kesabaran tinggi serta kelebihan dalam komunikasi. Sesetengah daripada mereka masih lagi bergiat cergas, menjalani hidup aktif, berfikiran positif, bergaul dengan jiran tetangga serta membabitkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan.

Dalam cerpen ini, datuk Malli adalah seorang yang berpendidikan tinggi, penyayang dan bertanggungjawab. Cucunya pula seorang budak yang sangat aktif tetapi tidak begitu gemarkan makanan. Malli sentiasa memberi alasan kepada pembantunya agar dia dikecualikan dari makanan yang disuap. Datuknya dapat memahami teknik yang digunakan oleh cucunya dengan baik sekali. Bagi menarik perhatian cucunya, beliau mengarahkan pembantu di rumah untuk memasak makanan kegemaran Malli. Walaubagaimanapun teknik ini tidak berjaya dan Malli terus mengulangi tingkah laku ini. Perkara ini bukan sahaja membimbangkan datuk manakala ibu bapa Malli juga turut bersedih.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kekurangan makanan ini menyebabkan Malli kelihatan kurus kering. Dalam situasi ini datuknya bersikap tegas serta mengugut Malli yang dia akan menyuruh ibunya memukul Malli sekiranya tidak mahu makan. Selepas diugut, Malli mula memakan nasi. Datuk juga tidak lupa untuk memberi susu kepada cucunya sebelum tidur. Susu membantu perkembangan fizikal si kecil. Tiap-tiap hari datuk Malli menggunakan pelbagai kaedah untuk memberi makanan kepada cucunya. Beliau bukan sahaja mengambil berat tentang perkembangan fizikal manakala perkembangan mental juga turut memainkan penting dalam ciri kesihatan. Perkembangan mental dan fizikal ini agak penting untuk melahirkan seorang budak yang sihat.

Sejak kecil lagi, Malli berminat dalam bidang seni. Datuknya sentiasa memberi galakkan kepada cucunya. Aktiviti melukis ini dapat meningkatkan imaginasi kanak-kanak manakala aktiviti mewarna pula merupakan salah satu aktiviti psikomotor yang boleh meregangkan otot-otot. Malli juga suka melukis di permukaan dinding. Ibu bapa Malli sentiasa memarahinya tetapi dia tetap melakukan perkara yang sama. Di sebaliknya, datuknya juga menggalakkan Malli untuk terus melukis kerana tingkahlaku ini membantu mengembangkan lagi tahap imaginasi budak itu.

Kaedah ini dapat membantu mengembangkan otak kirinya. Sejak kecil lagi, datuk Malli memberi kebebasan sepenuh kepada cucunya untuk meningkatkan kemahiran imaginasi. Kemahiran inilah membantu mencungkil kemahiran berfikir dalam diri Malli. Hal ini ternyata semasa kejadian hujan lebat yang turun secara tiba-tiba di kawasan kediaman mereka. Selepas Malli melihatnya, dia terus pergi berdiri di balkoni sambil merenungnya. Pada mulanya, datuk Malli tidak membenarkannya dibasahi hujan kerana bimbang cucunya dijangkiti selesema. Disini kita dapat melihat

bahawa watak utama sangat sayang akan cucunya. Oleh sebab itu, beliau mengambil berat dengan kesihatan cucunya. Selepas beberapa lama merenung sambil berfikir, Malli bertanya satu soalan kepada datuknya. Soalan itu sukar untuk diberi penjelasan dan jawapan iaitu "apakah warna hujan". Selepas itu, budak itu sendiri menjawab kepada soalan melalui lukisan. Bagi Malli, hujan sebenarnya berwarna merah jambu kerana lantai dibasahi hujan itu berwarna merah jambu.

Melalui cerpen ini, pengkaji mendapati bahawa datuk Malli sedar kesihatan diri seseorang itu perlu diambil berat sejak kecil lagi. Semua orang mengimpikan kesihatan yang baik. Bagi mendapatkan kesihatan yang baik kita perlu menjaga pemakanan agar seimbang dan sentiasa melakukan senaman. Pepatah ada mengatakan bahawa 'kesihatan itu lebih baik daripada harta benda'. Jika kita mengalami masalah kesihatan, kita tidak dapat melakukan aktiviti harian dengan selesa. Malah kekayaan yang kita miliki juga tidak dapat kita nikmati sepenuhnya. Kesihatan adalah segala-galanya kepada seseorang individu.

Kesimpulannya, dalam cerpen ini peranan datuk memainkan watak yang penting. Beliau banyak membantu dalam perkembangan cucunya. Pengalaman yang diperolehi melalui zaman dewasa membantu beliau untuk membesarkan cucunya. Di samping itu, cerpenis juga menyampaikan mesej kepada masyarakat bahawa remaja kini perlu menghormati warga tua.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

4.4.8 PERANAN SUAMI SEBAGAI TELADAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

'oru cumarana kanavan' merupakan salah satu cerpen yang mempunyai kaitan dengan insan yang boleh dijadikan teladan. Thiagu mempunyai semangat yang kental dalam usaha untuk meningkatkan ekonomi dan taraf hidup keluarga beliau. Bagi sementara waktu, mereka tinggal di rumah berkos rendah yang sesuai dengan pendapatan Thiagu. Beliau bekerja keras tanpa mengambil cuti kerana sedar akan tanggungjawab dalam menyara keluarga. Selain itu, Thiagu juga seorang yang berjimat-cermat kerana beliau tidak menyewa rumah yang berkos tinggi dan sentiasa mengawal perbelanjaannya. Thiagu bekerja tanpa penat lelah untuk mengumpul wang bagi masa depan keluarga. Walaupun berpendapatan rendah, beliau tidak ingin hidup berhutang.

Pada era ini, kita jarang melihat insan seperti Thiagu yang tidak bersikap boros. Sebaliknya, ramai orang kini semakin mementingkan wang dan harta benda serta menjadi lebih materialistik. Sikap ini merangsang mereka untuk membeli barangan seperti gajet canggih yang hangat di pasaran. Semata-mata untuk mengikut fesyen terkini, ramai antara mereka membazir wang pendapatan masing-masing. Golongan masyarakat sebegini tidak berjimat cermat dan senang dipengaruhi faktor-faktor di luar kawalan. Mereka terjebak dalam perkara yang tidak bermanfaat dan sebaik sahaja mempunyai wang atau harta di dalam kawalan, mereka dengan serta merta akan membazirkannya. Bak kata pepatah, 'baru hendak bertunas sudah dipetik, lama-lama matilah pokoknya'. Sikap ini membawa banyak kesan negatif kepada semua orang, tanpa mengira lapisan masyarakat. Mereka tidak mempunyai aset atau simpanan bagi masa tua, kecemasan atau untuk acara-acara penting di dalam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

kehidupan mereka. Mereka akan lebih terdedah kepada risiko sekiranya kemelesetan ekonomi atau kesukaran melanda.

Dalam hal Thiagu, perkara ini agak berbeza. Beliau telah menyingkirkan sikap boros daripada kehidupan sehariannya. Thiagu mula menabung untuk keperluan masa hadapan keluarga, kecemasan atau sekadar simpanan pada hari tua. Kawalan yang ketat dalam diri Thiagu menyebabkan beliau tidak mudah terpengaruh oleh iklan-iklan dan membazir wang begitu sahaja. Modal insan yang sebegini memainkan peranan penting dalam pembangunan negara.

Thiagu juga seorang yang mempunyai ciri-ciri utama insan berjaya iaitu, berdisiplin, menepati janji dan kerajinan. "Adat periuk berkerak, adat lesung berdedak". Begitulah pepatah yang menggambarkan kehidupan Thiagu. Biarpun beliau baru semalaman berkahwin, namun kerana tugas, Thiagu bekerja pada hari berikut. Pekerjaannya sebagai pemandu lori, memerlukannya untuk menghantar stok ke Ipoh. Walaupun agak keberatan kerana tidak dapat meluangkan masa bersama isterinya tetapi Thiagu tidak membantah atau merungut arahan ketuanya. Thiagu melaksanakan tugas seperti apa yang telah dijanjikan. Di samping itu, bagi Thiagu, mengambil cuti berlebihan tanpa sebab sangat merugikan dan boleh menjejaskan pendapatan bulanan. Sikap yang ditunjukkan oleh Thiagu membuktikan dia seorang yang beretika selaras dengan dasar pendekatan moral, iaitu memberi penekanan kepada nilai-nilai moral dan kesan didaktif kepada masyarakat. Hal ini juga bertepatan dengan FPN yang bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, betanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan

kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Thiagu wajar dijadikan sebagai model insan cemerlang dan sikapnya wajar dicontohi oleh generasi muda.

Dalam cerpen *"rakatevatai"*, Mahalingam memainkan peranan suami sebagai insan yang boleh dijadikan teladan. Peranan yang ditonjolkan dalam bidang ekonomi dapat kita lihat melalui usahanya secara berterusan dalam dunia muzik. Pendapatan beliau dalam kerjaya ini agak kurang kerana muzik klasik semakin dilupai kesan daripada perkembangan muzik moden. Namun begitu, Mahalingam masih berusaha untuk dalam kerjaya tanpa berputus asa. Ini dapat dibuktikan apabila Mahalingam sanggup mengharung perjalanan dari tempat kelahirannya di India ke Malaysia apabila mendapat peluang untuk membuat persembahan di Johor Baharu, Malaysia. Dia sanggup mengharungi perjalanan jauh ini untuk mempromosikan muzik klasik di samping dapat menambahkan sumber pendapatannya. Mahalingam sanggup mengharungi segala kesukaran dan keperitan untuk mencari rezeki dan menyelesaikan masalah kewangan beliau.

Pengkaji mendapati bahawa Mahalingam merupakan seorang yang mempunyai ciri insan yang gigih berusaha, iaitu kreatif dan berilmu. Sikap Mahalingam yang berkeyakinan serta kreatif dapat dilihat daripada tindakannya. Pendapatan Mahalingam agak kurang kerana tiada ramai orang yang datang untuk melihat persembahan sebegini. Walaupun pekerjaan ini tidak memberi keuntungan kepada beliau tetapi beliau tetap berpegang teguh dan berkeyakinan tinggi terhadap kerjayanya. Keyakinan ini memberi peluang kepada beliau untuk mengadakan satu persembahan muzik klasik di Johor Baharu, Malaysia. Mahalingam beranggap bahawa ilmu yang diperoleh oleh perlulah ditonjolkan kepada semua. Oleh itu, beliau

menggunakan peluang ini untuk membuat satu persembahan yang baik. Mohd. Ismail Zamzam (1993) menyatakan generasi kini dan yang akan datang perlu dibentuk bukan sahaja menjadi manusia yang cerdas, sihat dan rohani, manakala menjadi sebagai seorang manusia yang kreatif dalam perkembangan diri serta memanfaatkan sumber alam yang wujud di sekelilingnya demi kepentingan bangsa dan negara. Nilai murni yang ditunjukkan oleh Mahalingam dalam cerpen ini adalah kesungguhan dan kecekalan hatinya, amanah dan berani untuk pergi ke luar negeri untuk mencari rezeki dan membantu ibunya. Mahalingam juga mempunyai nilai moral yang tinggi iaitu sanggup menghadapi cabaran kerana ingin meringkankan beban ibu serta memperoleh satu pengalaman yang baik. Walaupun beliau pergi dengan tujuan tertentu tetapi sikap tanggungjawab yang ditonjolkan beliau mampu menimbulkan kepercayaan dan keyakinan kepada orang lain. Sikap ini bertepatan dengan pendekatan moral yang diperkenalkan oleh Horace yang memberi penekanan kepada nilai-nilai murni kesan didaktif kepada masyarakat. Sikap Mahalingam juga perlu dicontohi dan dijadikan sebagai model insan berjaya oleh generasi muda terutamanya golongan pelajar dan golongan muda agar dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada pembangunan dan kemajuan negara pada masa hadapan, iaitu untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan kepadana keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani, 2005).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

4.4.9 PERANAN WANITA SEBAGAI TELADAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Tidak keteralaluan jika dikatakan kanak-kanak pada masa kini membesar dalam persekitaran yang agak manja. Apa sahaja yang diidamkan di hati, selalunya dipenuhi ibu bapa walaupun yang dihajati kadangkala agak keterlaluan. Suasana pembesaran ini sebenarnya menjadikan anak-anak sekarang kurang berdikari dan lebih bergantung kepada ibu bapa. Anak-anak sebegini tidak mengenali erti kesusahan dalam kehidupan. Namun, apa yang dikata dalam cerpen '*akka makal*' adalah keadaan yang sebaliknya. Keperitan hidup yang dilanda oleh keluarga dalam cerpen ini memaksa Saratha keluar untuk bekerja di usia awal. Watak utama dalam cerpen ini merupakan watak yang dapat dijadikan contoh insan sebagai wanita. Saratha merupakan seorang wanita yang berusia lapan belas tahun. Keluarganya menghadapi masalah kewangan selepas kematian ayahnya semenjak dia masih kecil lagi. Hal ini menyebabkan sepupu Saratha menyara keluarga Saratha yang terhimpit dengan kemiskinan.

Menurut Sri Pangestri Dewi Murni (2007), pergerakan wanita di England yang memperjuangkan masalah pentingnya pendidikan bagi wanita, mula tercetus dengan terbitnya sebuah buku yang ditulis oleh tokoh wanita yang bernama Mary Wollstonecraft bertajuk A Vindication of the Rights of Women yang terbit pada tahun 1792. Dalam buku ini ditegaskan bahawa pendidikan merupakan faktor utama bagi wanita, kerana masa itu ramai wanita tidak mendapat kesempatan untuk belajar secara formal. Saradha sedar bahawa hanya pendidikan sahaja boleh meningkatkan taraf kehidupannya. Oleh itu, dia menggunakan peluang yang diberi oleh ibunya dengan baik serta belajar-belajar bersungguh-sungguh hingga ke pringkat SPM. Dalam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

peperiksaan dia mencapai keputusan yang baik. Pencapaian inilah membantu Saratha untuk memperoleh pekerjaan yang baik.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Walaupun Saratha mempunyai hasrat untuk melanjutkan pengajiannya selepas tamat SPM tetapi dia tidak mendapat kebenaran ibunya yang tidak mampu menampung kos pengajian. Oleh itu, Saratha mengambil keputusan untuk mencari pekerjaan bagi meringankan beban keluarganya. Dengan berkat usaha, Saratha mendapat peluang untuk bekerja di salah sebuah pejabat di syarikat tempatan. Namun begitu, sepupu Saratha melarang dia daripada bekerja kerana berpendapat bahawa Saratha akan terpengaruh dengan budaya sosial di tempat kerja. Walaubagaimanapun, Saratha tetap dengan pendiriannya untuk bekerja. Dia hendak hidup berdikari tanpa bergantung pada pendapatan ibu dan sepupunya. Saratha juga dapat meluangkan masa dengan baik di samping mencari rezeki dan mengumpul wang bagi masa depannya.

Situasi ini jelas menunjukkan bahawa Saratha merupakan seorang anak yang bertanggungjawab keatas keluarganya. Saratha merupakan seorang wanita yang berfikiran matang dan postif. Saratha langsung tidak sedih, malah semakin tabah apabila mengetahui ibunya tidak mampu membiayai pendidikannya di universiti. Bagi Saratha, bukan kesalahan ibu atau dirinya dilahirkan dalam keadaan serba kekurangan. Saratha bersyukur kerana beliau masih mampu belajar sehingga peringkat menengah tinggi. Kini, Saratha menukarkan azamnya dengan membantu keluarganya membasmi masalah kemiskinan dan meningkatkan taraf kehidupan keluarganya. Ibu Saratha sudah mampu tersenyum dengan anak ini. Kesusahan hidup ibu tunggal ini sudah berakhir. Anaknya Saratha yang dididiknya dengan penuh kasih sayang dan nilai murni, kini sudah berjaya dan mampu menjaga diri dan ibunya. Bagi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Saratha pula, ini masanya untuk pak cik beliau berhenti menanggung keluarganya. Hasrat Saratha disuarakan secara baik kepada pakciknya. Pak cik Saratha yang sudah sekian lama membujang juga menyatakan hasratnya untuk memperisterikan beliau. Tetapi Saratha menolak hasratnya dengan baik. Bagi Saratha, pak ciknya telah mengambil alih tempat sebagai ayahnya. Saratha juga berikrar tidak melupakan semua pertolongan pak ciknya dan akan membantunya di dalam apa-apa perkara di masa hadapan. Dalam situasi ini, Saratha tidak pernah terpengaruh dengan kekayaan pak ciknya malah beliau seorang anak saudara yang setia dan sangat berterima kasih atas pengorbanan pak ciknya. Sikapnya patut dicontohi oleh generasi muda terutamanya para pelajar. Saratha amat sesuai dijadikan contoh insan berteladan.

Melalui watak ini, kita sedarlah bahawa tenaga wanita berguna untuk menyara ekonomi keluarga, mendidik anak-anaknya dan menjaga anggota keluarga yang sakit, bahkan di luar rumah tangga wanita berperanan dalam aktiviti kemasyarakatan. Keragaman tugas yang dijalankan menunjukkan betapa besar tanggungjawab yang dilakukan wanita. Wanita tidak lagi hanya berperanan sebagai suri rumah tangga yang menjalankan fungsi reproduksi, mengurus anak dan suami atau pekerjaan domestik lainnya, tetapi sudah aktif berperanan dalam pelbagai bidang kehidupan, baik sosial, ekonomi mahupun politik. Selain itu, wanita seperti Saratha juga berperanan untuk menyumbangkan tenaga dalam sektor ekonomi negara. Saratha memiliki kemahiran yang tertentu yang berguna untuk menjadikan dirinya sebagai satu sumber manusia yang lengkap. Sikap rajin bekerja dan tekun serta memberikan perhatian yang sepenuhnya ketika bekerja menjadikan golongan ini sasaran utama industri kilang di Malaysia pula. Jadi, kaum wanita seperti Saratha memang mempunyai peranan besar

dalam memastikan sumber manusia negara ini berupaya memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi negara kita.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

4.5 KESIMPULAN

Demikianlah kajian terhadap kumpulan cerpen R.Karthigesu yang meneliti aspek watak utama, nilai kemanusiaan dan contoh insan berteladan. Bagi pengkaji, sastera mempunyai nilai seni yang tinggi. Justeru itu, setiap karya harus memiliki watak utama yang boleh dicontohi, nilai kemanusiaan seperti yang terdapat dalam kumpulan cerpen R.Karthigesu yang pengkaji telah meneliti supaya khalayak pembaca menjadi warganegara yang mulia. Kedudukan nilai karyapkarya sastera sebegini perlu diteruskan secara berterusan lebih-lebih lagi di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi bagi melahirkan masyarakat yang berdaya saing di samping mengamalkan nilai-nilai kemanusiaan dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa cerpen mampu memberi kesan dalam pembentukan akhlak manusia. Melalui gambaran dan nilai kemanusiaan yang diaplikasikan oleh watak utama dalam cerpen telah membantu golongan remaja memahami nilai tersebut serta menjadikan watak tersebut sebagai insan yang boleh dicontohi.

Penjelasan tersebut didapati bertepatan dengan dapatan kajian ini. hal ini kerana pengkaji mendapati bahawa pembaca memahali dan mengaplikasikan nilai-nilai yang dibaca dan melaksanakannya dalam kehidupan harian. Walaupun cerpen-

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

cerpen tersebut tidak mungkin akan menjadikan seseorang manusia itu berperwatakan sempurna, tetapi sekurang-kurangnya ia dapat mencegah nilai-nilai negatif dalam diri seseorang manusia tersebut dan boleh diaplikasikannya oleh masyarakat India dalam kehidupan seharian mereka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

BAB 5

RUMUSAN

5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan hasil dapatan daripada kajian yang telah dijalankan berkaitan dengan peranan watak utama dalam cerpen R.Karthigesu. Perbincangan hasil dapatan kajian ditumpukan kepada watak utama, nilai kemanusiaan serta peranan watak utama sebagai teladan dalam kumpulan cerpen yang dikaji. Pada akhir bab ini, terdapat beberapa cadangan yang disyorkan untuk membina dunia karya sastera agar terus bersinar menerangi dunia dalam membentuk masyarakat yang berguna.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

5.2 WATAK UTAMA DALAM CERPEN R.KARTHIGESU

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Apabila dikaji tentang watak utama, pengkaji lebih cenderung membincangkan tentang watak dan perwatakan yang menggambarkan nilai kemanusiaan dalam cerpen R.Karthigesu. Berdasarkan 13 buah cerpen yang dikaji, pengkaji didapati 13 jenis watak utama. Watak utama ini dipaparkan dalam Sembilan aspek iaitu sebagai guru, kakak, anak, remaja, wanita, bapa, ibu, warga tua dan suami.

Setiap watak utama yang digambarkan oleh pengarang jelas menunjukkan imej seseorang watak mengikut peranan yang dipegangnya. Setiap watak utama dapat menggambarkan perwatakkan sebenar kepada pembaca. Oleh sedemikian, pembaca dapat menghayati perwatakan dalam setiap cerpen lalu dapat memahami peranan watak utama tersebut . Jadual 5.1 memaparkan watak utama yang terdapat dalam cerpen pilihan pengkaji.

Jadual 5.1

Watak Utama Dalam Cerpen R.Karthigesu

Cerpen	Watak Utama
Nhalaikku	Watak Rajeshwary – watak sebagai kakak.
Nhallavara:vathu thi:yavara:vathum	Watak Mutthaiya watak sebagai anak.
Oru Cuma:ra:na kanavan	Watak Thiagu - watak sebagai suami.
Thangngac citakukal:	Watak Senthil - watak sebagai remaja.
Ot:tuppul	Watak Anbarasan - watak sebagai guru.
Akka: makal:	Watak Saratha - watak sebagai wanita.
Ra:kathe:vathai	Watak Mahalinggam - watak sebagai suami.
U:ci ilai maram	Watak Aku - watak sebagai anak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Mahesvariyin pil:lai	Watak Maheswari - watak sebagai ibu.
Muppathu lat:cam petum	Watak Kumaran - watak sebagai bapa.
Thi:kka:ttu	Watak Gurunath - watak sebagai guru.
Malliyum malaiyum	Watak Aku - watak sebagai datuk.
Vellai Pu:naiyum Karupu Pu:naiyum	Watak Parvathy - watak sebagai ibu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

5.3 NILAI KEMANUSIAAN YANG TERDAPAT PADA WATAK UTAMA

Setelah membaca dan menganalisis sebanyak 13 buah cerpen R.Karthigesu, terdapat Sembilan nilai kemanusiaan telah dikenalpasti sebagai dominan. Nilai-nilai tersebut ialah bertanggungjawab, kesabaran, kasih sayang, kepimpinan, kerajinan, keadilan, keyakinan diri, hormat menghormati dan pengorbanan. Sesebuah cerpen yang baik untuk dibaca dan dihayati ialah membawa mesej dan nilai yang baik dan mempunyai pelbagai tujuan untuk membina akhlak dan sahsiah diri, keluarga dan masyarakat yang sempurna. Cerpen haruslah memenuhi kehendak dan tuntutan ilmu kesusasteraan dalam membantu mendidik manusia untuk bertingkahlaku secara sewajarnya dalam membina cara hidup dan matlamat hidup.

Nilai merupakan aspek yang sangat penting kepada seseorang individu. Selaras dengan ini, pengkaji mendapati cerpen-cerpen R.Karthigesu memiliki kekuatan dan daya tarikannya tersendiri. Cerpen-cerpennya banyak membicarakan tentang nilai kemanusiaan di mana banyak tentang isu-isu yang berlaku dalam

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

sesebuah keluarga. Jadual 5.3 menerangkan hasil dapatan nilai kemanusiaan melalui 13 buah cerpen R.Karthigesu.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Jadual 5.2

Nilai Kemanusiaan Yang Dimiliki Oleh Watak Utama

Cerpen	Watak Utama
Nalaikku	Watak Rajeshwary – Nilai keadilan
Nallavara:vathu thi:yavara:vathum	Watak Mutthaiya – Nilai hormat menghormati.
Oru Cuma:ra:na kanavan	Watak Thiagu - Nilai Kerajinan.
Thangngac citakukal:	Watak Senthil - Nilai kesabaran
Ot:tuppul	Watak Anbarasan - Nilai bertanggungjawab
Akka: makal:	Watak Saratha - Nilai keyakinan diri.
Ra:kathe:vathai	Watak Mahalinggam - Nilai kerajinan.
U:ci ilai maram	Watak Aku - Nilai hormat menghormati.
Mahesvariyin pil:lai	Watak Maheswari - Nilai pengorbanan.
Muppathu lat:cam petum	Watak Kumaran - Nilai kasih sayang.
Thi:kka:ttu	Watak Gurunath - Nilai bertanggungjawab.
Malliyum malaiyum	Watak Aku - Nilai kepimpinan
Vellai Pu:naiyum Karupu Pu:naiyum	Watak Parvathy - Nilai pengorbanan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

5.4 PERANAN WATAK UTAMA SEBAGAI TELADAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI P

Hasil dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa kumpulan cerpen R.Kartigesu adalah satu bahan yang boleh digunakan oleh sesebuah masyarakat, khususnya masyarakat India untuk memurnikan masyarakat sendiri. Selain itu, cerpen-cerpen ini juga boleh diteladani oleh golongan muda kini. Watak utama yang terdapat dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat seperti guru, suami, ibu, bapa, kakak, anak, remaja, wanita dan datuk. Mereka wajar dijadikan panduan sebagai teladan. Ciri-ciri yang digambarkan melalui watak utama mampu memenuhi keperluan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia. Ciri-ciri tersebut merangkumi aspek penguasaan ilmu yang tinggi, sikap proaktif, kekayaan moraliti, budaya menyumbang untuk kepentingan bersama dan pembangunan yang bersifat holistik. Hal inilah yang boleh dilabelkan sebagai agenda pembangunan tamadun dengan acuan imej tersendiri.

Justeru, pengkaji hanya menumpukan kajiannya kepada satu aspek sahaja iaitu kekayaan moraliti. Pengkaji sedar akan kepentingan kekayaan moraliti dalam pembentukkan sesebuah masyarakat yang bertamadun. Aspek-aspek yang mempamerkan kekayaan moraliti telah dikenal pasti dan dihuraikan secara terperinci dalam kajiannya.

Terdapat dua cerpen yang menggambarkan peranan guru sebagai modal insan iaitu *'ottuppul'* dan *'tikarru'*. Guru di sini merujuk kepada dua kategori, iaitu guru di sekolah rendah serta tok guru di biara. Kedua-dua watak ini memainkan peranan yang amat penting dalam mengubah anak murid masing-masing yang kehilangan arah

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

tujuan. Selain itu, kedua-dua guru ini telah melaksanakan tanggungjawab mereka tanpa mengharapkan balasan.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID
N IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI F

Cerpen yang seterusnya ialah *'uci ilai maram'* dan *'nallavaratum tiyavaravatum'*. Kedua- dua cerpen ini menjelaskan tentang peranan anak teladan. Kedua-dua anak dalam cerpen ini merupakan anak sulung dalam keluarga masing-masing. 'Aku', salah satu watak utama dalam cerpen di atas, sangat taat setia kepada ibunya dan menitikberatkan adat resam dalam segala jua tindakan. Watak kedua iaitu Muttaiya pula menujukkan perlakuan yang negatif pada mulanya, namun berubah menjadi anak yang soleh disebabkan kasih sayang kepada ibu beliau.

Cerpen *'vellaip punaiyum karuppuk kuttikalum'* dan *'makesvariyin pillai'* pula menceritakan tentang peranan ibu sebagai teladan. Kesamaan antara kedua-dua watak ibu dalam cerpen ini ialah mereka dikurniakan anak istimewa. Walaupun menerima dugaan dan cabaran yang besar dalam hidup, namun kedua-dua ibu tidak langsung mengeluh akan nasib malang masing-masing sebaliknya mereka memikirkan cara untuk membesarkan anak mereka.

Peranan bapa sebagai teladan dapat dilihat dalam cerpen seterusnya, *'muppatu latcam perum'*. Watak yang diberi nama Kumaran berpotensi mempunyai masa hadapan yang cerah dalam pekerjaan, namun beliau meninggalkan kesemuanya demi kesejahteraan anak, Sakunthala. Kumaran langsung tidak mementingkan kebendaan apabila ianya melibatkan keluarga beliau.

Cerpen yang seterusnya *ialah 'oru cumarana kanavan'* dan *'rakatevatai'* yang mempamerkan suami sebagai teladan. Walaupun berada di kelompok keluarga yang

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

miskin, kedua dua suami yang juga watak utama cuba sedaya upaya untuk meningkatkan taraf hidup keluarga masing-masing. Mereka melaksanakan sebarang tugasan yang diberikan majikan dengan sebaik mungkin dan sentiasa mengambil peluang untuk bekerja lebih masa.

Cerpen *'nalaikku'* mengambarkan peranan kakak, Rajeswary sebagai teladan. Beliau mengambil keputusan untuk mengorbankan masa hadapan sendiri dengan menyebelahi adiknya kerana beliau sedar adiknya berada di pihak yang benar. Tindakan sebegini jarang dilihat dalam kehidupan moden masa kini.

Cerpen seterusnya ialah *'tankacirakukal'* yang mengisahkan peranan remaja sebagai teladan. Dalam cerpen ini, watak utama ialah Senthil yang mempamerkan kesabaran yang tinggi dalam pelbagai situasi yang menguji beliau. Kesabaran beliau memang wajar dicontohi kerana muda mudi kini memang mempunyai kesabaran yang rendah.

Cerpen *'malliyum malaiyyum'* pula menceritakan tentang watak 'Datuk' yang sangat mengambil berat akan kesejahteraan keluarga anaknya dan secara langsung, mempamerkan teladan unggul bagi insan. Beliau menggunakan pengalaman sendiri dalam membesarkan cucunya kerana menyedari anak dan menantu beliau lebih sibuk bekerja. Bagi beliau, perkembangan fizikal dan mental perlu dijaga semenjak kecil lagi dan atas sebab itulah, beliau menyelia sendiri perkembangan tersebut dalam pembesaran cucunya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Cerpen terakhir pula ialah *'akka makal'* yang mengisahkan tentang Saratha sebagai watak utama. Saratha dibesarkan oleh ibunya kerana bapa beliau sudah meninggal dunia. Beban kewangan keluarga dua beranak ini dijaga oleh pak cik Saratha. Apabila semakin meningkat dewasa, Saratha merasakan masanya sudah sampai untuk beliau mengambil alih beban kewangan keluarga. Sikap keyakinan inilah yang wajar dijadikan teladan. Hal ini mungkin berbeza dengan kebanyakkan muda-mudi kini yang bekerja semata-mata untuk mendapatkan sesuatu untuk diri sendiri sahaja.

Kesimpulannya, objektif kajian ini berjaya dijelaskan oleh pengkaji dengan menggunakkan cerpen-cerpen hasil nukilan R.Kartigesu. Pengkaji berharap kajian ini dapat membantu sedikit sebanyak dalam kehidupan muda-mudi kini yang amat mencabar.

5.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian yang dibuat oleh pengkaji adalah dalam bidang teori moral. Kajian ini meliputi kejayaan, kesusahan, kelemahan dan kelebihan watak utama. Kajian ini berfokus kepada tiga matlamat yang utama iaitu mengenalpasti watak utama, menganalisis nilai kemanusiaan dan membuktikan bahawa watak utama berperanan sebagai modal insan kepada genarasi muda.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Kajian terhadap karya cerpen R.Karthigesu ini merupakan satu-satunya kajian ilmiah dan satu tesis yang pernah dibuat setakat ini. Masih terdapat lagi banyak ruang untuk membuat kajian terhadap karya cerpen R.Karthigesu.

Selain daripada kajian teori moral dalam cerpen karya R.Karthigesu, satu kajian sosiologi juga boleh dilakukan dalam karya ini. Di bawah teori sosiologi ini pengkaji boleh melakukan kajian kritikan bersifat historis dan kajian sikap pengarang dalam mengemukan hujah-hujah atau ekspresinya. Dalam teori ini juga pengkaji boleh mengkaji kerelevenan di antara masalah sosial yang terdapat dalam karya R.Karthigesu.

Cerpen-cerpen karya R.Karthigesu boleh dibuat kajian dengan memberi fokus kepada Teori Sastera Moden. Pendekatan ini melihat hubungan antara teks, pengarang dan pembaca dengan sosial, politik, ekonomi, bahasa, agama dan kesenian hasil refleksi terhadap pembasaan sesebuah teks sastera. Dalam kajian ini juga, pengkaji yang akan datang boleh melihat aspek-aspek yang berkaitan dengan pembentukan individu dan peranannya dalam pembentukkan masyarakat.

Pengkaji yang akan datang boleh memberi fokus kepada kritikan berbentuk Arketaipal. Pendekatan ini boleh dibincangkan dari sudut isi karya iaitu yang merangkumi permasalahan, persoalan, pemikiran, falsafah, ideologi dan premis karya. Sebelum manjalankan kajian dalam teori ini, seorang pengkritik harus mengenalpasti atau menganalisis sama ada karya tersebut mempunyai unsur-unsur Arkrtaipal atau tidak.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
DRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Cadangan kajian lanjutan ini, dibincangkan untuk tujuan akademik seperti latihan ilmiah dan tesis untuk kesarjanaan dan kedoktoran. Hal ini akan membantu perkembangan pengajian sastera dan menyubur dunia Kesusasteraan Tamil di negara ini.

5.6 KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti watak utama yang boleh dicontohi sebagai teladan. Objektif kajian yang dirangka oleh pengkaji dalam kajian ini berjaya dibuktikan. Penganalisisan terhadap cerpen yang dikaji berhubung dengan pendekatan moral. Berdasarkan dapatan kajian, dapat dibuat rumusan bahawa kesemua cerpen yang dikaji oleh pengkaji memaparkan nilai kemanusiaan yang tinggi. Hal ini menggambarkan bahawa cerpen yang dikaji merupakan hasil seni kesusasteraan yang mencerminkan kehidupan watak utama.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

RUJUKAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDID

Abdul Halim Ali. (2006). *Teori dan Kritikan Sastera : Barat dan Malaysia.* Tanjung Malim:Profesional Baharu.

Abdullah Sani Yahaya. (2005). *Mengurus Disiplin Sekolah. Universiti Sains Malaysia.* Pulau Pinang: Profesional Publications Sdn.Bhd.

Abdul Halim Ali. (2003). *Bingkisan Sastera.* Diwangsa Publications & Distributors Sdn., Bhd.

Abdul Rahim Abdul Rashid. (1993). *Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru.* Kuala Lumpur: Sanon Printing Corporation Sdn. Bhd.

Abdul Rahman Abdul Aziz. (2002). *Pemikiran etika Hamka.* Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Affizal Ahmad. (2008). *Kepentingan Pendidikan Dalam Pembentukan Kualiti Hidup Sejahtera.* Tesis Sarjana Sastera. Kelantan: Universiti Sains Malaysia.

Ahmad Zaharuddin. (2001). *Kecemerlangan Menerusi Kreativiti: Transformasi & Cabaran UTM.* Tesis Sarjana Sastera. Skudai: Penerbit UTM.

Ainon Mohd M.A, Abdullah Hassan. (2004). *Kamus Pepatah, Bidalan dan Perumpamaan.* Selangor: PTS Publications Sdn.Bhd.

Akilan, 2002. *Kathai Kalai.* Chennai India. Dhagam Publication.

Ammini Ayavoo. (2010). *Kajian Tema Cerpen Karya Penulis-Pemulis Tamil Negeri Johor (1950-2010).* Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Annadurai Murugoiah. (2007). *Cerpen-cerpen 'Peravai Kathaikal 1986-2000: Satu Kajian Tema.* Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Arnold Gesell. (2008). *Psikologi Pendidikan.* Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Arthur Cecil Pigou. (1921). *A Study In Public Finance*. London: St. Martin's Street.

Baakiyaletchumi. (2012). *Balamuruganin Sirukathaikal Vali Malaysia Tamilargalin Valkai*. Tesis Sarjana Sastera. Tanjavoor: Universiti Tamil Tanjaavoor.

Bawani.S. (2010). *Pal-a Etthikal Anbarasanin Sirukathai Padaippu Thiran.* Tesis Sarjana Sastera. Tanjavoor: Universiti Tamil Tanjaavoor.

Becker, Gary, S. (1975). *Investment in Human Capital: A Theoritical Analysis Journal of Political Economy*. New York.

Blase´, J. & Blase´, J. (1998). *Handbook of Instructional Leadership: How Really Good Principals Promote Teaching and Learning.*Thousand Oaks, California: Corwin Press.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

Carlson. (1990). Predicting School Achievement In Early Adolescence: The Role Of Family Process, paper presented at the meeting of the society for Research in Adolescence, Atlanta, GA, March.

Cooler Gerald. (1974). *Values and Moral Development In Higher Education.* London: CroomHelm Ltd.

Crow & Crow. (1983). *Psikologi Pendidikan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamzah Ya'qub. (1983). *Etika Islam : pembinaan akhlaqulkarimah suatu pengantar*. CJ. Diponegoro, Bandung.

Hans Selye. (1956). *The Stress Of Life*. New York, McGraw-Hill Book Company.

Hoggart. (1968). Literary Terms. New York: The Noonday Press.

Idris Jauzi. (1991). *Reformasi Pendidikan di Malaysia*. Selangor: Nurin Enterprise.

Jais Sahok. (1999). *Penulisan Cereka Cerpen.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jesuthas. (2010). *Cerpen Karya M.Shanmugasiva: Satu Kajian Tema dan Struktur. Tesis sarjana sastera. Jabatan Pengajian India*. Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Karthigesu. R. (2001). *Innoru Tadavai.* Kuala Lumpur: Muhil Enterprises.

Karthigesu. R. (2003). *U:ci Ilai Maram.* Kuala Lumpur: Muhil Enterprises.

Karthigesu. R. (2011). *Ne:r Mel Eluthu.* Kuala Lumpur: Uma Publication.

Kamaruddin Hj. Husin. (1988). *Kaedah pengajaran kesusasteraan.* Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Kartini Anwar (2008). *Pendidikan Sastera di Sekolah – Ideologi, Budaya Politik dan Kanonisasi. (Literature Education in School – Ideology, Cultural Politics & Canonization). Paper presented at the International Literary Conference. Organised by the Association of Indonesian Literary Scholars (HISKI,* Surabaya: Universitas Malang.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (1991). Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil KBSR. Pusat Perkembangan Kurikulum, Kuala Lumpur.

Kenny, M.E., & Rice, K. G. (1995). *Attachment to parents and adjustment in late adolescent college students: Current status, application, and future considerations*. Counseling Psychologist.

Krishnan Maniam. (1989). *Tema Dan Persoalan Dalam Cerpen Karya M.A.Ilanchelvan*. Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kunaseelan.S. (2009). *Tema Dan Persoalan Dalam Cerpen Karya M.A Ilanchelvan.* Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Lamb. (1987). *Introduction: The Emergent American Fathers. Dalam The Father's Role: Cross Culture Perservative.* M.E.Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.

Lutfi Abas. (1937). *Plot, Tema, Ajaran dan Keindahan Sejarah Melayu.* Selangor: Pustaka Delta Pelajaran.

Mc Bride. (2002). *Child Characteristics, Parenting Stress and Parental Involvement: Father Versus Mothers.* Journal of Marriage and the Family.

Mahdi Shuid .(2010). *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia.* Selangor: Penerbitan Multimedia.

Mana Sikana. (1998). *Teori Dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden.* Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.

Mannar Mannan. (1985). *Jalan Ke Puncak dan Terupuluti: Satu Kajian Bandingan Cerpen Melayu dan Cerpen Tamil Malaysia.* Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Mahmood Nazar Mohamed. (1990). *Pengantar Psikologi.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Martono. (2009). *Ekspresi Puitik Puisi Munawar Kalahan Suatu Kajian Heremeneutika.* Tesis Sarjana Sastera. Jakarta: Stain Pontianak Press.

Mana Sikana. (1997). *Teori dan pendekatan kritikan sastera moden.* Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti

Mohamad Azhari Abu Bakar. (2010). *Faktor demografi dan efikasi kendiri pembuatan keputusan kerjaya dalam kalangan pelajar universiti.* Tesis Sarjana Sastera. Kedah: Universiti Utara Malaysia.

Mohd Faizal Said. (2007). *Model Modal Insan dalam Novel-novel Remaja Pilihan.* Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Idris Jauzi. (1991). *Reformasi pendidikan di Malaysia.* Kuala Lumpur: Nurin Enterprise

Mohd Ismail Zam Zam. (1993). *Organisasi dan Kepimpinan untuk Persatuan dan Kelab Sekolah,* Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Murasu Nedumaran. (1997). *Malaysia Tamil Kavithaik Kalanjiam (1887-1987). An Anthology Of Malaysian Tamil Poetry.* Klang: Arulmathiyam Publications.

Neil J. Salkind. (2010). *Teori Perkembangan Manusia.* Indonesia: Nusa Media Penerbit.

Nik Salida Suhaila Nik Saleh et al. (2008). *Sains Islam dan Pembinaan Modal Insan.* Tesis Sarjana Sastera. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Nor Hayati Hj. Alwi. (2002). *Pembentukan Model Pembangunan Insan Kamil dalam Pengajian Sains.* Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norhidayu binti Kassim. (2011). *Persepsi Kanak-kanak Terhadap Watak dan Perwatakan Tokoh Dalam Karya Sastera Kanak-kanak Berunsur Sejarah.* Tesis Sarjana Sastera. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Putra Malaysia.

Nyia See Keng. (2004). *Nilai-nilai Kemanusiaan Dalam Sajak-sajak J.M Aziz dan T. Alias Taib.* Tesis Sarjana Sastera. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Putra Malaysia.

Omar Mamat. (1994). *Nilai-nilai Moral Dalam Novel Remaja.* Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Othman Puteh. (1988). *Persediaan menulis cerpen.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman, S Kelantan. (1985). *Perspektif Sosiobudaya: Satu Kumpulan Esei (antologi bersama).* Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Pichaimuthu. Na. (1998). *Thirana:ivum Thamil Ilakkiya Kolkaikal.* Thiruvalli Ke:ni: Sakthi Puthaka Nilayam.

Poobalan. (1978). *Latar Belakang Kemasyarakatan Dalam Cerpen-cerpen Tamil Malaysia.* Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Premavathi (2004). *Stereotaip Watak Wanita Dalam Cerpen Bahasa Tamil.* Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Radhakamal. (1965). *Introduction To Social Psychology.* Boston: D.C. Heath.

Rahman Shaari. (1987). *Persediaan Menulis Cerpen.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramesh Kumar. (2008*). Ko. Punniava:nin Sirukathai Thiran.* Tesis Sarjana Sastera. Tanjavoor: Universiti Tamil Tanjaavoor.

Ravindran Maraya. (2012). *Penggambaran Citra Wanita Dalam Cerpen Tamil Malaysia 1970-2010: Satu Kajian Berasaskan Teori Arketaipal.* Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ramaiyah, M. (1998). *Malaysia Ilakkiya Varala:tu.* Singapura: Soma Sanma Padippakam.

Rahman Shaari .(1987). *Persediaan Menulis Sajak.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rahim Abdullah .(1990). *Tema Hubungan Kaum dalam Karya Sastera di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Roshani Abdullah. (2007). *Kajian unsur-unsur pembentukan sahsiah dalam novel kanak-kanak.* Tesis PhD. Perpustakaan Tun Sri Lanang: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Robiah Sidin. (1998). *Pemikiran dalam Pendidikan* . Shah Alam: Fajar Bakti.

Samikkanu Jabamoney. (2008). *Pengaruh Ramayana dan Mahabharata dalam Puisi Tradisional dan Sajak Moden Tamil Malaysia.* Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Saravanan.V. (2010). *Citra Identiti Budaya masyarakat India: Satu Pembicaraan Cerpen Melayu Karya Cerpenis India.* Tesis PhD. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Saedah Ghani (1995), *Gejala Sosial dalam institusi kekeluargaan.* Bengkel kaunseling ke 13. UKM.

Salleh Lebar (1999). Asas Psikologi Perkembangan. Utusan Publication & Distribution.

Schiller, Pam dan Tamera Bryant. (2002). *16 Moral Dasar bagi Anak (diterjemahkan Susi Sensusi).* Jakarta: Elex Media Komputindo.

Segaran Muthapppan. (2011). *Kajian Tema Karya V.Munian.* Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sharifah Alwiah Alsagoff. (1986). *Ilmu Pendidikan Pedagogi.* Petaling Jaya: Heinemann Sdn.Bhd.

Sidek Baba. (2001). *"Sahsiah Pelajar Melayu dan Cabaran kepada Pembentukan Personalia" yang dibentangkan dalam Kolokium Pemqjuan Akademik Pelqjar Melqyu di Institusi Pengajian Tinggi,* Awana Genting & Golf Resort pada 8-10 Mei.Malaysia.

Siti Khariah dan Zarima Mohd Zakaria. (2009). *Peranan Wanita Melayu untuk Melaksanakan Modal Insan Bagi Memperkasakan Minda Kelas Pertama Menuju kepada Pembangunan Negara.* Geran Za'ba Institut Peradaban Melayu UPSI.

Soerjono Soekonto. (1982). *Sosiologi Hukum Dalam Masyarakat.* Jakarta: Rajawali.

Subramaniam, N. (1980). *Penggambaran masyarakat Malaysia di dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia dan perkembangan cerpen Tamil Malaysia selepas merdeka.* Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sufean Hussin. (1995). *Pengajaran Nilai Dalam Kurikulum.* Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sri Pangestri Dewi Murni (2007). *Peranan Wanita Dalam Pembangunan Ekonomi Dan Sosial Di Sumatera Utara Dari Tahun 1950- 1990: Tumpuan Khusus Kepada Kegiatan Wanita Di Kotamadya Medan.* Tesis Sarjana Sastera. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Tajul Ariffin dan Nor Aini. (2002). *Pendidikan, Kurikulum Dan Masyarakat : Satu Integrasi*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Uma Devi Brabaharan. (2007). *Isu-isu Semasa Dalam Cerpen Tamil Malaysia 1957 hingga 1993.* Tesis Sarjana Sastera. Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Veeramohan Veeraputhiran. (2007). *Pemaparan Unsur Ramayanam dan Mahabaratam Dalam Cerpen Tamil Malaysia (1957-1987).* Tesis Sarjana Sastera. Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.

Yahya Buntat dan Zainuddin Masrom. (2003). *Amalan Etika Profesion Perguruan Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan Kampung Melayu, Kulai Johor. Satu Tinjauan.* Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Teknologi Malaysia.

Zulhilmi Paidi dan Rohani Abdul Ghani. (2005). *Pendidikan Negara Bangsa.* Kuantan: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKA
ORIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PEN

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM